




**MAKLUM BALAS KERAJAAN
TERHADAP LAPORAN TAHUNAN
SURUHANJAYA HAK ASASI
MANUSIA MALAYSIA
2016**



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

**MAKLUM BALAS
KERAJAAN TERHADAP
LAPORAN TAHUNAN
SURUHANJAYA
HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA 2016**

MUKADIMAH

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] melalui seksyen 21(1) telah memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) perlu mengemukakan Laporan Tahunan pada Mesyuarat Pertama Parlimen setiap tahun. Selaras dengan itu, Laporan Tahunan SUHAKAM 2016 telah dikemukakan kepada Parlimen pada 3 April 2017.

Laporan Tahunan tersebut telah melaporkan kesemua aktiviti SUHAKAM sepanjang tahun 2016 dan turut mengutarakan pandangan serta syor berkaitan pelbagai isu-isu hak asasi manusia di Malaysia. Pada pelaporan kali ini, antara isu-isu utama hak asasi manusia yang ditekankan oleh pihak SUHAKAM adalah hak tanah Orang Asal, kematian dalam tahanan, hak kepada kesihatan di penjara, hak untuk berhimpun, pendidikan hak asasi manusia, triti hak asasi manusia antarabangsa, pencegahan keganasan, permerdagangan orang dan penyeludupan migran, pelarian dan pemohon suaka, hak asasi manusia dan perniagaan serta isu kanak-kanak.

Kesemua isu-isu yang dibangkitkan oleh SUHAKAM dalam Laporan Tahunan berkait dengan bidang

kuasa dan tanggungjawab Kementerian/Jabatan/Agensi, termasuk Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) selaku *focal agency* yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan menyediakan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM, telah mengenal pasti agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk mengambil tindakan susulan dengan meneliti dan mengemukakan maklum balas kepada isu-isu terbabit. Buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2016 ini telah diselaraskan berdasarkan maklum balas-maklum balas yang diterima daripada agensi-agensi berkaitan setakat Ogos 2017 yang bertujuan untuk memberi makluman dan penjelasan mengenai tindakan-tindakan penyelesaian atau susulan yang diambil untuk memperbaiki keadaan serta kekangan-kekangan yang timbul.

Penyediaan maklum balas Kerajaan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM mencerminkan usaha Kerajaan bagi memastikan keperluan dan kepentingan setiap golongan masyarakat khususnya dari segi hak asasi manusia terjamin dan terpelihara.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

iii ***MUKADIMAH***

1 **BAB 1 – LAPORAN KUMPULAN DASAR, UNDANG-UNDANG DAN ADUAN**

53 **BAB 2 – LAPORAN KUMPULAN KOMUNIKASI**

71 **BAB 3 – LAPORAN PEJABAT SABAH**

79 **BAB 4 – LAPORAN PEJABAT SARAWAK**

89 **BAB 5 – LAPORAN KUMPULAN KHIDMAT KORPORAT**

97 **SENARAI SINGKATAN**

103 **LAMPIRAN**



BAB 1

LAPORAN KUMPULAN DASAR, UNDANG-UNDANG DAN ADUAN

BAB 1 — LAPORAN KUMPULAN DASAR, UNDANG-UNDANG DAN ADUAN

MUKA SURAT

5	I. BAHAGIAN DASAR
5	1. Tindakan Susulan Inkuiri Nasional Terhadap Hak Tanah Orang Asal
6	3. Pelan Tindakan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (NHRAP)
7	II. BAHAGIAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI
7	1. Triti Antarabangsa
7	(a) Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)
9	(b) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC)
16	(c) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD)
17	3. Anti Hukuman Mati
17	III. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN
17	2. Siasatan Aduan
17	(a) Penahanan Di Bawah Akta-Akta Pencegahan
22	(b) Pemerdagangan Orang
23	(c) Hak Orang Asal
26	(d) Diskriminasi
26	(e) Siksaan, Serta Layanan Tidak Berperikemanusiaan Dan Menjatuhkan Maruah Di Pusat Tahanan
28	(f) Hak-hak Kebudayaan
30	3. Kematian Di Tempat Tahanan
33	4. Pemantauan Perhimpunan Awam Dan Rapat Umum
34	(a) Kebebasan Berhimpun
34	(b) Penglibatan Kanak-kanak
35	(c) Kebebasan Bersuara
36	(d) Kepercayaan Dan Keyakinan Orang Ramai

MUKA SURAT

- 37 (e) Garis Panduan Larangan
- 40 (f) Tangkapan Sebelum Dan Selepas Perhimpunan
- 40 (g) Kawalan Perhimpunan
- 40 **5. Lawatan Ke Tempat-Tempat Tahanan**
- 41 (a) Populasi Di Penjara Dan Pusat Tahanan Imigresen
- 43 (b) Kebersihan Diri
- 43 (c) Pakaian Dan Tempat Tidur
- 44 (d) Makanan
- 45 (e) Akses Kepada Air Minuman
- 45 (f) Persekitaran Bangunan
- 46 (g) Penjagaan Kesihatan
- 47 (h) Penyeludupan Bahan Larangan
- 49 **6. Alternatif Kepada Penahanan Kanak-Kanak (ATD)**

I. BAHAGIAN DASAR

1. TINDAKAN SUSULAN INKUIRI NASIONAL TERHADAP HAK TANAH ORANG ASAL

Pada 3 Jun, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri untuk menangani, memantau, dan melaksanakan hasil dapatan di dalam laporan Pasukan Petugas Khas Kerajaan. Peranan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli akan merangkumi peranan sebagai Suruhanjaya Kebangsaan bebas, seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya di dalam laporan Inkuiri Nasional. Pada 7 April mesyuarat ulung Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, telah diadakan. Di dalam mesyuarat tersebut, syor-syor berikut telah dibuat:

- (i) Setiap Kerajaan Negeri perlu melaporkan secara berkala mengenai status kawasan yang diwartakan untuk Orang Asli di bawah Seksyen 6 dan 7 Akta Orang Asli 1954;
- (ii) Berpandukan prinsip pendekatan berasaskan prinsip persetujuan awal, bebas, dan termaklum (FPIC), seperti yang dibayangkan oleh Perisytiharan PBB Mengenai Hak Orang Asal, JAKOA dan negeri-negeri Sabah dan Sarawak akan merangka garis panduan untuk memastikan penyertaan Orang Asal dalam agenda pembangunan negara/negeri-negeri tersebut, terutamanya di kawasan-kawasan yang akan mempunyai kesan langsung ke atas mereka;
- (iii) Cadangan penstrukturan semula oleh JAKOA akan dihantar ke Kementerian Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah (KKLW) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kelulusan;
- (iv) Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dan JAKOA akan membina modul latihan untuk kakitangan dan pegawai yang terlibat dalam pentadbiran tanah adat dan Orang Asal;
- (v) Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri akan menjalankan kajian mengenai konsep hak tanah adat;
- (vi) Objektif Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YGBK) akan dipinda untuk meluaskan mandatnya bagi membolehkan yayasan tersebut mewakili Orang Asli dalam kes-kes berkenaan tanah, serta untuk meningkatkan kapasiti ahlinya dalam menguruskan kes tanah adat; dan
- (viii) Tiga jawatan tambahan di dalam Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU) akan diwujudkan supaya BITU dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai urusetia Jawatankuasa Kabinet tersebut dengan berkesan.

Walaupun bagaimanapun, **Suruhanjaya amat bimbang dengan kelengahan Kerajaan dalam mengambil tindakan-tindakan tersebut, yang telah pun menyebabkan pencabulan hak asasi Orang Asal**, terutama sekali pencerobohan terhadap tanah adat untuk kegunaan pembangunan yang masih berlaku sehingga hari ini. Sebagai contoh, pada tahun ini, Suruhanjaya menerima 41 aduan mengenai hak tanah adat. Walaupun Kerajaan telah memberikan komitmen kepada isu ini, pencerobohan tanah Orang Asal untuk tujuan pembalakan, pertanian, dan penggalian masih berlaku. Suruhanjaya percaya bahawa Kerajaan boleh mengambil pendekatan yang sama dengan pendekatan yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, yang telah mengeluarkan perintah moratorium terhadap pembangunan projek empangan hidroelektrik baru di Sarawak. **Khususnya, Suruhanjaya meminta Kerajaan untuk mengeluarkan perintah moratorium atau perintah larangan sementara ke atas semua pembangunan yang melibatkan hak tanah adat, sementara menantikan pelaksanaan syor yang telah diberikan.**

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KKLW akan menyediakan satu Garis Panduan Khusus untuk memastikan keterlibatan Orang Asli di dalam agenda pembangunan melalui kerjasama penyelidikan daripada Institut Pengajian Sosial, Universiti Putra Malaysia (IPSAS, UPM). Antara langkah awal penyediaan Garis Panduan tersebut melibatkan pembangunan satu TOR kajian mengenai garis panduan.

Kerajaan mengambil maklum berhubung cadangan untuk mengeluarkan perintah moratorium atau perintah larangan sementara ke atas semua pembangunan yang melibatkan hak tanah adat. Walau bagaimanapun, sebarang keputusan berhubung perkara ini adalah melibatkan bidang kuasa Kerajaan Negeri yang memerlukan kajian lanjut dan rundingan dengan Kerajaan Negeri.

3. PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN HAK ASASI MANUSIA (NHRAP)

Peranan Suruhanjaya di dalam Jawatankuasa Pemandu NHRAP diteruskan melalui mesyuarat susulan bersama konsultan yang telah dilantik iaitu Hazizah and Co pada 9 Ogos untuk mendapatkan maklumat mengenai perkembangan kerja merangka NHRAP. Dalam mesyuarat tersebut, pihak konsultan telah memaklumkan bahawa sebanyak 36 Kementerian dan Jabatan telah ditemu bual dan dijangka sebanyak 15 lagi agensi akan ditemu bual. Selain itu, pihak konsultan turut menjalankan tinjauan atas talian tentang persepsi umum mengenai hak asasi manusia. Seramai 3,000 responden dari Malaysia telah turut serta di dalam tinjauan ini.

Selain itu, Suruhanjaya telah mendapat jaminan bahawa draf NHRAP akan disediakan pada bulan November atau Disember. Setelah draf tersebut siap, konsultasi yang seterusnya akan diadakan bersama pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklum balas mengenai draf tersebut. Suruhanjaya amat menantikan proses kerjasama dengan pihak konsultan dan BHEUU mengenai perkara ini. Suruhanjaya beriltizam untuk merealisasikan NHRAP dan oleh itu akan terus membantu bila diperlukan. **Suruhanjaya ingin mengulangi syor-syor yang telah dikemukakanannya, dan menggesa Kerajaan untuk memastikan perangkaan NHRAP oleh pihak konsultan adalah mengikut garis masa yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 18 bulan (November 2015 hingga April 2017), demi mengelakkan kelewatan lanjut.**

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kajian dasar pembangunan NHRAP yang dijalankan oleh perunding bebas telah tamat pada bulan Ogos 2017. Melalui kajian dasar ini, satu draf NHRAP telah dibangunkan melalui sesi konsultasi yang komprehensif dengan semua pihak berkepentingan termasuk SUHAKAM. Susulan daripada itu, Kerajaan melalui BHEUU telah memuktamadkan draf NHRAP berkenaan melalui sesi rundingan meja bulat khas bersama semua pihak berkepentingan. Draf NHRAP tersebut akan dibentangkan untuk kelulusan Jemaah Menteri untuk fasa pelaksanaan seterusnya yang dijangka pada tahun 2018.

II. BAHAGIAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG DAN TRITI

1. TRITI ANTARABANGSA

(a) Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)

Malaysia telah meratifikasi CEDAW pada bulan Ogos 1995 dengan reservasi terhadap beberapa Artikel. Seterusnya, beberapa reservasi telah ditarik balik pada tahun 1998 dan 2010. Sehingga hari ini, Malaysia masih mengekalkan reservasi berkenaan kewarganegaraan (Artikel 9(2)) serta perkara-perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dan hubungan kekeluargaan (Artikel 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g)) dan Kerajaan telah memaklumkan bahawa Malaysia tidak berniat untuk menarik balik reservasi yang masih ada. Suruhanjaya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas penyerahan Laporan Negara CEDAW kepada Jawatankuasa CEDAW baru-baru ini di Geneva pada bulan September 2016. Laporan tersebut menggabungkan Laporan Negara ke-3, ke-4 dan ke-5.

Laporan Bebas ke Jawatankuasa CEDAW

Suruhanjaya telah mengadakan dua PMB pada bulan April 2014 dan Februari 2015, khusus untuk membincangkan kemungkinan penarikan balik reservasi yang masih ada. Berdasarkan PMB tersebut, Suruhanjaya mendapati majoriti peserta bersetuju bahawa sudah tiba masanya untuk Kerajaan mengkaji semula pendiriannya terhadap reservasi yang masih ada.

Suruhanjaya berpendapat bahawa pembangunan dan penyertaan wanita dalam bidang perundangan, sosial, dan ekonomi di Malaysia adalah penting untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan juga sebahagian daripada agenda dalam SDG untuk mengurangkan ketidaksaksamaan. Suruhanjaya mengambil maklum bahawa penambahbaikan dalam bidang kesihatan, pendidikan, dan ekonomi dapat meningkatkan lagi kualiti hidup dan mengurangkan ketidaksaksamaan. Matlamat untuk mengurangkan ketidaksaksamaan telah menjadi salah satu tujuan utama SDG dan adalah penting bagi Suruhanjaya, agensi Kerajaan, dan masyarakat awam untuk bekerjasama bagi menambahbaik dan memajukan pelbagai aspek dalam pembangunan wanita demi mencapai nilai yang lebih tinggi.

Oleh itu, Suruhanjaya telah menganjurkan PMB berkenaan CEDAW bersama pelbagai agensi Kerajaan dan NGO pada 12 Oktober 2016 untuk mendapatkan pandangan dan maklumat daripada mereka mengenai perkembangan isu-isu berkaitan wanita. Maklumat yang dikumpul akan dimasukkan ke dalam Laporan Bebas Suruhanjaya ke Jawatankuasa CEDAW. Objektif PMB tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Untuk berhubung dan bertukar pandangan mengenai perkembangan isu-isu berkaitan wanita di Malaysia dengan agensi-agensi Kerajaan;
- (ii) Untuk mendapatkan maklumat, data, dan maklum balas lanjut terhadap pencapaian mengenai kesaksamaan gender di Malaysia; dan
- (iii) Untuk mendapatkan maklum balas berkenaan isu-isu yang berkaitan wanita dari sudut dasar dan undang-undang.

Empat isu utama telah dibincangkan dalam PMB tersebut, iaitu:

- (i) Akses kepada sokongan undang-undang dan keadilan;
- (ii) Kesihatan, kebajikan, dan pendidikan;
- (iii) Peluang pekerjaan; dan
- (iv) Langkah-langkah khas/perlindungan.

Walaupun bagaimanapun, Suruhanjaya masih menghadapi cabaran dalam mendapatkan maklumat bagi tujuan penyediaan Laporan Bebas. Maklumat yang diperolehi dari PMB ini mungkin tidak mencukupi untuk membantu Suruhanjaya dalam menyediakan laporan tersebut. Ini kerana terdapat beberapa isu, seperti pembangunan ekonomi untuk wanita di kawasan luar bandar, yang bukan di bawah bidang kuasa langsung KPWK. Walaupun terdapat wakil dari jabatan-jabatan berkaitan, maklumat komprehensif mengenai pencapaian rancangan ekonomi tersebut tidak disampaikan sepenuhnya di dalam mesyuarat. Ini menyukarkan Suruhanjaya dalam memproses maklumat dan memahami isu yang dibangkitkan.

Suruhanjaya juga mengambil maklum berkenaan pendirian Kerajaan ke atas reservasi yang masih dikekalkan. Walaupun bagaimanapun, ia tidak seharusnya menghalang perbincangan mengenai keperluan untuk menyemak semula undang-undang yang berkaitan secara berterusan demi memastikan ia selaras dengan situasi semasa dan norma antarabangsa. Suruhanjaya kini sedang di dalam proses penyediaan Laporan Bebasnya berikutan penyerahan Laporan Negara Malaysia dan berharap agar Kerajaan akan mengekalkan penglibatan yang berterusan dengan Jawatankuasa CEDAW demi manfaat dan pembangunan hak-hak wanita di Malaysia.

Syor

Suruhanjaya menegaskan bahawa Kerajaan perlu sentiasa berusaha untuk menambahbaik hak-hak wanita di Malaysia. **Isu-isu seperti pemerolehan kewarganegaraan bagi anak dan amalan perkahwinan poligami telah menjejaskan golongan wanita di Malaysia selama bertahun-bertahun, dan masih terus berlaku.** Sudah tiba masanya bagi Kerajaan dan agensi-agensi berkaitan untuk membincangkan secara serius penyelesaian bagi cabaran-cabaran tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan berpandangan bahawa tiada halangan untuk perbincangan mengenai keperluan kajian semula reservasi Artikel-Artikel ini diadakan. Walaubagaimanapun, cadangan untuk melihat semula amalan perkahwinan poligami yang dinyatakan sebagai menjejaskan golongan wanita perlu diperhalusi dan dikaji dengan mendalam serta mendapat pandangan golongan agama kerana ia berkait rapat dengan syarat dan perundangan dalam Islam. Kerajaan hanya akan menarik balik reservasi bagi pemerolehan kewarganegaraan setelah pindaan terhadap perundangan yang berkaitan dilaksanakan.

(b) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC)

Pihak Kerajaan hanya menyerahkan Laporan Negaranya yang pertama pada tahun 2006, dan telah lewat dalam menyerahkan Laporan Negara ke-2, ke-3 dan ke-4 ke Jawatankuasa CRC. **Suruhanjaya telah menekankan bahawa Laporan Negara telah lama tertangguh dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2015; namun, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang salinan draf Laporan Negara yang dicadangkan.** Suruhanjaya difahamkan bahawa ketika laporan ini ditulis, draf Laporan Negara tersebut sedang dikaji semula oleh Jabatan Peguam Negara.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Draf Laporan Negara CRC telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara AGC pada 18 November 2015 dan telah dikembalikan dengan ulasan oleh AGC pada 21 November 2016. Kini KPWKM dalam proses semakan dan penambahbaikan draf laporan berdasarkan ulasan AGC.

Proses ini melibatkan ketetapan dasar, semakan semula dasar sedia ada, pengemaskinian data dan maklumat daripada Kementerian/jabatan Kerajaan yang berkenaan bagi bahagian-bahagian di dalam laporan yang antaranya berkaitan dengan kesihatan, pendidikan, keselamatan, perlindungan, penyertaan dan sebagainya. Buat masa ini, semakan ini sedang dibuat di peringkat dalaman KPWKM dan setelah selesai, akan dikemukakan kepada Kementerian/jabatan yang berkaitan untuk pengemaskinian.

Cadangan Suruhanjaya mengenai skop Seksyen 17(2) Akta Kanak-kanak 2001, yang perlu diperluaskan untuk merangkumi sebarang bentuk penderaan fizikal, emosi, dan seksual kanak-kanak, masih belum diterimapakai, dan syor Suruhanjaya untuk memasukkan peruntukan khas yang secara nyata memberi Akta Kanak-kanak 2001 keutamaan berbanding undang-undang lain dalam hal yang melibatkan kanak-kanak, juga belum diterima oleh pihak Kerajaan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pemansuhan perintah hukuman rotan di bawah Seksyen 91(1)(g) Akta Kanak-Kanak 2001 melalui pindaan 2016 membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa menambahbaik obligasinya terhadap CRC terutama di bawah Artikel 37 (reservasi) yang melarang hukuman berbentuk kekerasan dan kezaliman serta menjatuhkan maruah.

Walau bagaimanapun, Kerajaan masih belum boleh menarik balik reservasi terhadap Artikel 37 kerana masih terdapat hukuman berbentuk fizikal yang dilaksanakan oleh institusi pendidikan di Malaysia. Proses advokasi dari semasa ke semasa sentiasa diadakan dengan Kementerian/jabatan yang berkaitan mengenai perkara ini. Dalam perkara ini, hukuman rotan bukanlah satu-satunya pendekatan dalam kes-kes disiplin di sekolah. Bagi kes-kes kesalahan disiplin di sekolah, beberapa bentuk tindakan boleh diambil oleh pihak sekolah termasuk murid diberikan amaran, dikenakan kelas tahanan atau dikenakan tindakan bersifat khidmat sosial serta diberikan kaunseling oleh pihak sekolah. Murid yang melakukan kesalahan serius setelah disiasat, diberikan peluang untuk memanggil ibu bapa untuk berbincang dengan pihak sekolah. Tindakan hukuman seterusnya akan diputuskan oleh Pengetua/Guru Besar melalui mesyuarat pihak berkuasa disiplin sekolah. Murid juga perlu menghadiri sesi kaunseling selepas hukuman diberikan kepada mereka.

Hukuman rotan yang dikenakan ke atas murid bertujuan untuk mendidik murid dan juga hanya dilakukan ke atas murid lelaki dan tidak bertujuan untuk menjatuhkan maruah murid kerana prosedur pelaksanaannya dijalankan secara tertutup dengan persetujuan dan kebenaran ibu bapa.

Sungguhpun amalan rotan masih diamalkan di rumah atau dalam institusi keluarga dengan alasan sebagai tindakan mendisiplin semata-mata, Akta Kanak-Kanak 2001 melalui pindaan 2016 telah menaikkan hukuman bagi ibu bapa/penjaga yang melakukan kesalahan mendedahkan/menyebabkan kanak-kanak cedera dari segi fizikal, emosional dan seksual bagi memastikan amalan konon mendisiplin berkenaan tidak bertukar menjadi mendera kanak-kanak tersebut. Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 10 tahun kepada 20 tahun, denda dinaikkan daripada 20,000 ringgit kepada 50,000 ringgit atau kedua-duanya dengan khidmat masyarakat sebagai hukuman mandatori.

Kerajaan melalui KPWK M telah memastikan bahawa isu penganiayaan kanak-kanak dari segi fizikal, emosi dan seksual telah dirangkumi di bawah Seksyen 17(2) Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016), manakala Seksyen 17(1) pula secara jelas menyatakan bahawa kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika dicerderakan dari segi fizikal, emosi dan seksual.

Laporan Bebas ke Jawatankuasa CRC

Sebagai mendahului penyerahan Laporan Negara ke Jawatankuasa CRC dan bagi tujuan rundingan, Suruhanjaya telah mengadakan PMB pada 13 Oktober 2016 di pejabatnya di Kuala Lumpur dengan pihak berkepentingan dari agensi-agensi Kerajaan dan masyarakat sivil untuk membincangkan perkara-perkara berikut:

- (i) baki reservasi Malaysia kepada CRC;
- (ii) pindaan baru kepada Akta Kanak-kanak 2001; dan
- (iii) isu-isu yang berkaitan, antara lain pornografi kanak-kanak; pedofilia; perkahwinan kanak-kanak; kanak-kanak dalam tahanan; kanak-kanak pelarian, tiada dokumen, dan tidak bernegara; serta pemerdagangan kanak-kanak.

PMB tersebut diadakan dengan tujuan menyediakan ruang terbuka kepada semua peserta untuk meluahkan dan menghuraikan pandangan mereka berkenaan dengan:

- (i) Reservasi-reservasi yang masih dikekalkan terhadap Artikel 2, 7, 14, 28(1)(a) dan 37 CRC; dan
- (ii) Pindaan baru kepada Akta Kanak-kanak 2001 dan ketiadaan undang-undang berkaitan pornografi kanak-kanak; pedofilia; perkahwinan kanak-kanak; kanak-kanak dalam tahanan; dan kanak-kanak pelarian, tiada dokumen dan tidak bernegara.

PMB tersebut telah dihadiri oleh CSO, agensi-agensi Kerajaan, Kesatuan Sekerja dan ahli-ahli akademik seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Kanak-kanak Majlis Peguam Malaysia;
- (ii) PS The Children;
- (iii) Yayasan Chow Kit;
- (iv) Childline Malaysia;
- (v) UNICEF Malaysia;
- (vi) SUKA Society;
- (vii) PT Foundation;
- (viii) Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- (ix) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- (x) PDRM;
- (xi) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM);
- (xii) Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP);
- (xiii) Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO);
- (xiv) KLN;
- (xv) Jabatan Peguam Negara;
- (xvi) KPWKM;
- (xvii) Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS);
- (xviii) Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM);
- (xix) Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM);
- (xx) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
- (xxi) Universiti Teknologi MARA (UiTM); dan
- (xxii) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Antara perkara-perkara yang dibangkitkan dalam PMB tersebut adalah:

- (i) Antara masalah yang dihadapi di Malaysia dalam menangani jenayah seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak adalah ketiadaan undang-undang dapat menangani cabaran baru berikutan perkembangan teknologi yang pesat. Oleh itu, tujuan Rang Undang-undang Jenayah Seksual Kanak-kanak yang dicadangkan oleh Kerajaan adalah untuk mewujudkan satu Akta yang boleh menangani isu-isu yang lebih baru berkenaan pornografi, "sexual grooming", dan jenayah seksual internet serta jenayah seksual fizikal, di samping meperluaskan definisi rogol dalam undang-undang domestik yang sedia ada;
- (ii) Merujuk kepada isu kanak-kanak dalam tahanan, para peserta menekankan bahawa tiada pendidikan disediakan untuk kanak-kanak yang berada di pusat tahanan dan menegaskan bahawa kanak-kanak tidak sepatutnya ditempatkan di pusat tahanan. Dalam pada itu, pusat tahanan yang berasingan untuk kanak-kanak tidak akan menyelesaikan masalah berkenaan. Sebaliknya, kanak-kanak dalam

tahanan perlu ditempatkan di pusat perlindungan NGO di bawah inisiatif Alternatif Kepada Penahanan (ATD) yang terus-menerus diperjuangkan oleh Suruhanjaya;

- (iii) Berhubung dengan reservasi yang diletakkan ke atas Artikel 7 CRC, ditekankan ketika PMB tersebut bahawa Artikel 7 hanya menyatakan “kewarganegaraan” dan bukan kewarganegaraan khusus Negara itu sendiri. Oleh itu, Malaysia tidak mempunyai kewajiban untuk memberi kanak-kanak kewarganegaraan Malaysia selagi kanak-kanak itu berhak kepada kewarganegaraan mana-mana negara lain. Maka, tidak ada sebab atau keperluan bagi reservasi ke atas Artikel 7 CRC;
- (iv) Para peserta menimbulkan kebimbangan mengenai keberkesanan mewujudkan sebuah daftar pelaku jenayah seksual terhadap kanak-kanak, kerana kadar sabitan pesalah jenayah seksual di Malaysia sangat rendah dan ia tidak akan menyediakan senarai komprehensif pesalah yang telah disabitkan dan individu yang berkemungkinan melakukan jenayah tersebut;
- (v) Kekurangan akses untuk pendaftaran kelahiran anak juga telah dibangkitkan oleh peserta. Ramai ibu bapa, terutamanya yang tidak berpendidikan dan dari kawasan luar bandar mendapati proses pendaftaran kelahiran sangat mengelirukan dan sukar kerana terdapat banyak keperluan pentadbiran dan prosedur. Di samping itu, ramai Orang Asli/Asal masih melahirkan anak di rumah dan bukan di hospital, dan oleh sebab proses pendaftaran yang rumit, ramai kanak-kanak tidak didaftarkan ketika lahir, seterusnya membawa kepada masalah lain yang berkaitan kerana mereka tidak memiliki kad MyKID;
- (vi) Para peserta bersetuju bahawa kanak-kanak perlu diperkasakan. Walaupun Malaysia mempunyai Majlis Kanak-kanak di bawah KPWK, kebimbangan telah dibangkitkan mengenai komposisi sebenar majlis tersebut, proses pemilihan wakil kanak-kanak serta fungsi mereka, dan sama ada majlis ini dapat mewakili suara kanak-kanak dari pelbagai latar belakang melalui dua orang wakil kanak-kanak yang duduk di dalamnya;
- (vii) Mengenai isu perkahwinan kanak-kanak, peserta-peserta menyokong penyeragaman usia perkahwinan kepada 18 tahun; dan
- (viii) Berkenaan kemungkinan reservasi kepada CRC ditarik balik, telah ditegaskan bahawa pendirian Kerajaan adalah untuk memastikan semua undang-undang dan dasar-dasar domestik memenuhi kehendak CRC sebelum ia menarik balik apa-apa reservasi.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan berpandangan sebarang keputusan dasar untuk menarik balik reservasi-reservasi tersebut adalah tertakluk kepada keputusan kementerian dan agensi berkenaan setelah kajian menyeluruh dilaksanakan. Selepas dasar diputuskan, barulah pindaan terhadap mana-mana perundangan yang berkaitan dibuat sebelum reservasi ditarik balik.

Syor-syor

(i) Pembaharuan Undang-undang

Suruhanjaya mencadangkan supaya undang-undang jenayah yang berkaitan dengan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dan definisi rogol dipinda untuk menangani keadaan yang lebih

baru, dan supaya segala usaha diambil oleh Kerajaan serta semua pihak berkepentingan yang berkaitan bagi mempercepatkan Rang Undang-undang Jenayah Seksual Kanak-kanak yang dicadangkan itu diluluskan. Di samping itu, Kerajaan juga perlu memastikan bahawa semua mekanisme undang-undang dilaksanakan dengan baik dan sistem keadilan diperkasa demi memastikan semua kes penderaan seksual dilaporkan dan didakwa secara berkesan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 telah diluluskan oleh Parlimen pada 4 April 2017 di Dewan Rakyat dan pada 27 April 2017 di Dewan Negara. RUU ini merupakan suatu Akta yang memperuntukkan hukuman-hukuman bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan jenayah seksual ke atas kanak-kanak antaranya seperti sexual grooming, serangan seksual dan yang pornografi. Selain itu, Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-Kanak turut ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dengan lebih berkesan. Walaubagaimanapun, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara masih meneliti definisi berkaitan dengan rogol.

Berhubung dengan usia perkahwinan, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya bahawa usia perkahwinan perlu dipinda kepada 18 tahun bagi kedua-dua lelaki dan perempuan. Suruhanjaya juga menegaskan bahawa mengakhiri perkahwinan kanak-kanak menjelang tahun 2030 juga merupakan antara sasaran yang telah ditetapkan di dalam SDG, yang telah menerima komitmen penuh dari Malaysia untuk menyokong dan melaksanakannya.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil perhatian tentang isu perkahwinan kanak-kanak dan melalui beberapa perbincangan mendapati ia boleh memberi kesan kepada kemaslahatan kanak-kanak yang ingin dikahwinkan walaupun terdapat peruntukan perundangan yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak.

Dalam hal ini, Kerajaan melalui KPWKM telah mengambil langkah proaktif menangani isu perkahwinan bawah umur melalui program-program berikut:

- (i) Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi Kebangsaan yang memberikan pendidikan mengenai kesihatan reproduktif serta advokasi dalam kalangan masyarakat;
- (ii) Penubuhan Task Force Perkahwinan Bawah Umur untuk meneliti isu-isu berkaitan termasuk penyediaan laporan perubatan dan laporan sosial yang perlu dipertimbangkan sebelum meluluskan suatu permohonan perkahwinan bawah umur;
- (iii) Kursus-kursus meningkatkan kesedaran mengenai ilmu kesihatan reproduktif dan keibubapaan dalam kalangan remaja dan pasangan muda yang akan berkahwin;
- (iv) Pewujudan pusat remaja kafe@TEEN untuk memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja dan ini termasuklah kesihatan reproduktif; dan

- (v) Konsultasi secara berterusan dengan agensi yang bertanggungjawab ke atas undang-undang berkaitan perkahwinan.

Kerajaan turut memutuskan bahawa pertimbangan terhadap permohonan perkahwinan bawah umur perlu berdasarkan perkara-perkara berikut:

- (i) intervensi daripada Jabatan Agama Islam dan JKM dari segi sosial sama ada kanak-kanak tersebut faham akan kehidupan yang akan dilalui selepas perkahwinan serta kesediaan mereka untuk memikul tanggungjawab, selain semakan susulan ke atas kanak-kanak yang telah ditolak permohonan perkahwinan mereka bagi memastikan mereka tidak terjebak dalam masalah sosial; dan
- (ii) intervensi dari segi pendidikan yang mana Jabatan Agama Islam dengan kerjasama JKM haruslah memastikan bahawa persekolahan kanak-kanak tersebut diteruskan dan tidak ketinggalan dalam pendidikan.

(ii) Kanak-kanak dalam Tahanan

Suruhanjaya berpendirian bahawa kanak-kanak, tanpa mengira status undang-undang atau kewarganegaraan, tidak patut ditempatkan di pusat-pusat tahanan. Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan alternatif terhadap penahanan kanak-kanak yang ditempatkan di pusat-pusat tahanan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa menitikberatkan kepentingan terbaik kanak-kanak dalam membuat keputusan dasar dan perundangan. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah dengan menambah baik pusat-pusat tahanan imigresen sedia ada menjadi sebuah pusat yang mesra kanak-kanak selaras dengan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga yang menggalakkan kanak-kanak membesar dengan keluarga selain mengurangkan trauma ekoran pengalaman semasa lari dari negara asal dan semasa penahanan.

(iii) Pendaftaran dan Kewarganegaraan Kanak-kanak

Suruhanjaya mencadangkan bahawa perlu ada satu prosedur operasi standard untuk memastikan bahawa proses pendaftaran adalah mudah dan senang diakses bagi kanak-kanak yang dilahirkan dalam kategori berikut:

- (i) Kanak-kanak yang lahir dari ibu bapa warganegara Malaysia;
- (ii) Kanak-kanak yang lahir dari ibu atau bapa warganegara Malaysia;
- (iii) Kanak-kanak yang lahir di Malaysia tetapi tidak mempunyai dokumen peribadi;
- (iv) Kanak-kanak sebagaimana diklasifikasikan menurut agama, iaitu kanak-kanak Islam dan bukan Islam;
- (v) Kanak-kanak yang lahir dari warga asing atau bukan warganegara; dan Anak angkat.

Ini akan memastikan bahawa kanak-kanak tersebut tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan perkhidmatan pendidikan, perubatan, dan lain-lain kemudahan yang penting demi memastikan hak mereka dilindungi.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa memastikan pendaftaran setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia dilaksanakan berasaskan undang-undang sedia ada yang berkuat kuasa seperti berikut:

- (i) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] bagi Semenanjung Malaysia;
- (ii) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi negeri Sabah; dan
- (iii) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi negeri Sarawak.

Selain itu, Kerajaan melalui JPN sentiasa memastikan bahawa pelaksanaan perundangan dipatuhi secara berkesan melalui SOP sedia ada. Sebagai usaha memudahcara pendaftaran kelahiran serta mengurangkan kerenah birokrasi, pindaan kepada Akta 299 telah dilaksanakan yang antara lainnya membolehkan:

- (i) Pelanjutan pendaftaran kelahiran daripada 42 hari kepada 60 hari; dan
- (ii) Penerimaan permohonan pendaftaran kelahiran di semua pejabat dan cawangan JPN di Semenanjung Malaysia tanpa perlu mengehadkan kawasan-kawasan pendaftaran tertentu.

(iv) Penarikan balik Reservasi CRC

Suruhanjaya berpendapat bahawa dengan menarik balik reservasi yang masih ada, pihak Kerajaan secara efektif akan berjanji untuk memastikan bahawa hak kanak-kanak dilindungi sepenuhnya, dan bahawa segala usaha akan diambil demi menjamin penggubalan undang-undang domestik yang dapat membantu dalam merealisasikan hak-hak tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan dari semasa ke semasa meneliti dan berusaha menyediakan alternatif hukuman berorientasikan pemulihan dan pendidikan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah termasuk cadangan untuk menghapuskan hukuman rotan oleh Mahkamah Kanak-Kanak di dalam pindaan Akta Kanak-Kanak 2001.

Kerajaan melalui KPWKM telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Konvensyen Antarabangsa iaitu Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dengan dianggotai oleh kementerian/ jabatan berkaitan termasuk SUHAKAM bagi meneliti cadangan kemungkinan untuk menarik balik reservasi terhadap beberapa artikel dalam konvensyen tersebut.

Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara berpandangan isu reservasi perlulah dikaji dan ditentukan sebelum mencapai suatu keputusan untuk menarik balik reservasi. Selepas dasar diputuskan, pindaan terhadap mana-mana akta yang berkaitan perlu dibuat. Undang-undang sedia ada juga seperti Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-Kanak termasuk Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang telah diluluskan boleh menangani isu pornografi kanak-kanak, paedophilia dan perkahwinan kanak-kanak. Tumpuan Kerajaan juga diberikan kepada penguatkuasaan undang-undang tersebut.

(c) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD)

Kerajaan masih belum menyerahkan Laporan Negaranya, yang patut dikemukakan pada tahun 2012, kepada Jawatankuasa CRPD. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya difahamkan bahawa ketika laporan ini ditulis, draf Laporan Negara tersebut sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara. Suruhanjaya amat bimbang dengan perlindungan yang tidak mencukupi terhadap hak-hak OKU, termasuk isu penguatkuasaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]. Ketiadaan peruntukan khusus yang mengenakan penalti ke atas individu dan/atau organisasi yang gagal mematuhi Akta ini telah merencatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan penuh Akta ini. Akta ini juga tidak memperuntukkan sebarang bentuk remedi kepada OKU yang telah dinafikan haknya. Seterusnya, Seksyen 41 Akta ini memberikan imuniti kepada Kerajaan dan agensinya yang berkaitan daripada sebarang bentuk tindakan undang-undang yang terbit daripada pelaksanaan Akta ini, yang mana menimbulkan isu kebertanggungjawaban Negara di bawah CRPD. **Justeru itu, Suruhanjaya mencadangkan supaya Kerajaan menyemak semula Akta ini bagi mengukuhkan pelaksanaannya dan keberkesannya dengan memastikan peruntukan berhubung penguatkuasaan, penalti, serta remedi dinyatakan dengan jelas supaya kes-kes ketidakpatuhan terhadap peruntukan Akta ini dapat ditangani dengan baik.**

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap isu kemaslahatan OKU di negara ini. Antara inisiatif penambahbaikan yang akan dilaksanakan kepada Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] adalah dengan memasukkan klausa penguatkuasaan dan penalti. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pindaan tersebut masih tertakluk kepada pandangan dan input daripada pihak berkepentingan.

Cadangan untuk menarik balik reservasi terhadap CRPD bergantung kepada keputusan dasar setelah mengambil kira kajian terperinci mengenai perkara tersebut serta implikasi-implikasi yang mungkin berbangkit.

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil maklum akan keperluan untuk memasukkan elemen *punitive* pada Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan menggugurkan perkara di Seksyen 41 Akta di masa hadapan. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut secara bersama oleh KPWKM dengan pemegang taruh yang lain termasuk pihak badan bukan kerajaan (NGO). Buat masa ini, salah laku yang berlaku ke atas OKU dibicarakan mengikut akta dan undang-undang sedia ada.

3. ANTI HUKUMAN MATI

Suruhanjaya mengalu-alukan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk mengkaji kemungkinan pemansuhan hukuman mati mandatori bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. **Suruhanjaya berpendapat bahawa sebagai langkah seterusnya, Kerajaan juga perlu mempertimbangkan untuk mengembalikan kuasa budi bicara kepada para hakim dan untuk menyemak semula keberkesanan serta kerelevanan hukuman mati bagi kesalahan-kesalahan jenayah yang lain.** Ini adalah selari dengan seruan Suruhanjaya terhadap pemansuhan hukuman mati kerana ia merupakan hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan, dan menjatuhkan maruah, serta bertentangan dengan hak seseorang terhadap nyawa dan keselamatan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk meminda peruntukan hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan memberi kuasa budi bicara kepada Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman selain hukuman mati.

III. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

2. SIASATAN ADUAN

(a) Penahanan Di Bawah Akta-Akta Pencegahan

Perkara 9 dan 10 UDHR menjamin bahawa tidak ada sesiapa yang boleh dikenakan tangkapan, tahanan, atau pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya dan setiap orang mempunyai hak sama rata untuk dibicarakan secara adil dan terbuka atas sebarang tuduhan jenayah oleh suatu tribunal yang bebas dan saksama. Sepanjang tahun 2016, Suruhanjaya telah menerima sebanyak 25 aduan berkaitan penahanan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), tujuh aduan berkaitan penahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta Dadah), dan tiga aduan berkaitan penahanan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA). Setakat 31 Disember, terdapat 432 orang yang ditahan di bawah POCA di Penjara Pokok Sena, Penjara Bentong, Penjara Kluang, Penjara Simpang Renggam, dan Penjara Bintulu; 1428 orang yang ditahan di bawah penahanan pencegahan Akta Dadah di Penjara Batu Gajah, Penjara Muar, Penjara Simpang Renggam, dan Penjara Machang; dan 16 orang yang ditahan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) di Penjara Simpang Renggam dan Penjara Machang.

Di samping aduan berkenaan penahanan tanpa bicara di bawah undang-undang tersebut, Suruhanjaya turut menerima aduan berkaitan:

- (i) layanan yang tidak berperikemanusiaan;
- (ii) menjatuhkan maruah semasa proses siasatan;
- (iii) penafian hak kepada peguam sepanjang tempoh penahanan; penahanan kanak-kanak di bawah akta-akta berkenaan; dan

- (iv) penggunaan undang-undang untuk menahan individu tertentu tanpa batasan dan/atau alasan munasabah disebabkan ketiadaan pemantauan kehakiman.

Suruhanjaya mengetengahkan di sini beberapa kes yang telah diterima dan disiasat oleh Suruhanjaya sepanjang tahun ini:

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa memastikan bahawa setiap individu mempunyai hak untuk dibicarakan secara adil dan terbuka atas sebarang tuduhan jenayah dan tidak boleh ditangkap atau ditahan sewenang-wenangnya. Hak ini dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan yang turut memberikan kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang pencegahan bagi tujuan pemeliharaan keselamatan negara.

Dalam hal ini, undang-undang pencegahan digubal bagi kesalahan-kesalahan tertentu sahaja seperti yang boleh menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam serta tidak digunakan bagi kes-kes jenayah biasa. Penahanan di bawah undang-undang ini adalah bertujuan bagi pencegahan dan pemulihan. Kerajaan sentiasa terbuka kepada untuk sebarang inkuiri terhadap aduan-aduan tersebut.

- (i) Seorang bapa memaklumkan Suruhanjaya bahawa anaknya yang berusia 17 tahun serta dua orang rakannya telah ditahan oleh polis pada 15 September 2015 semasa melakukan percubaan untuk mencuri empat bu erja bersama ayah saudaranya di sebuah stesen pam minyak di Hulu Terengganu. Walau bagaimanapun, pada 24 April, polis mengarahkan pengadu untuk membawa anaknya ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu dan apabila sampai di sana, anaknya telah ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959. Selepas 59 hari ditahan, anaknya dikenakan perintah sekatan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan diletakkan di bawah pemantauan Polis.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Semakan mendapati anak pengadu merupakan seorang ahli kumpulan penjenayah yang terlibat secara aktif dalam jenayah harta benda secara terancang dengan melakukan kegiatan jenayah curi motosikal. Jenayah harta benda yang dilakukan oleh anak pengadu mendatangkan kegusaran kepada orang awam serta menggugat harta benda awam. Nama anak pengadu telah didaftarkan di bawah Seksyen 12(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta A1458).

Anak pengadu ditangkap di bawah Seksyen 3(1) POCA dan kes telah dirujuk kepada Lembaga Pencegahan Jenayah (POCA). Beliau dikenakan perintah pengawasan selama 2 tahun di Mukim Rusila, Daerah Marang, Terengganu. Dalam hal ini, tangkapan dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada dan perintah pengawasan yang dikenakan ke atas anak pengadu adalah satu perintah yang minima bagi kegiatan jenayah secara terancang.

- (ii) Seorang pengadu yang dikehendaki untuk tinggal di Kuala Berang, Kuala Terengganu di bawah perintah pengawasan Polis yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah mengadu kepada Suruhanjaya bahawa dia sukar mendapat pekerjaan dan tempat tinggal di dalam kawasan sekatan tersebut. Pengadu telah ditahan oleh Polis di Jasin pada 1 November 2015. Dia telah direman

selama 35 hari di beberapa daerah. Selepas direman, pengadu ditahan di bawah POCA selama 59 hari sebelum dipakaikan alat pemantauan elektronik di kakinya serta dikenakan perintah sekatan di Kuala Berang, Terengganu selama dua tahun. Pengadu merayu agar dipindahkan ke Kluang, Johor atas alasan dia tidak dapat meneruskan kehidupan di Kuala Berang kerana kesukaran mendapatkan pekerjaan. Susulan daripada kes ini, Suruhanjaya telah menulis kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mengetengahkan kesukaran yang dihadapi pengadu, kerana situasi tersebut boleh mendorong seseorang individu melakukan apa sahaja termasuklah perbuatan yang menyalahi undang-undang untuk menyara hidup.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KDN sentiasa memberi kebebasan untuk mana-mana individu, keluarga individu atau peguam yang mewakili individu atau mana-mana pihak yang mewakili individu secara langsung atau tidak langsung mengemukakan rayuan atau representasi kepada LPJ pada bila-bila masa sama ada sebelum atau selepas sebarang Perintah Tahanan dikeluarkan. Selain itu, mana-mana individu yang dikenakan Perintah Tahanan juga boleh mengemukakan representasi kepada Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri.

(iii) Pada 11 Julai, Pengerusi Pasukan Bertindak Pemantau Jenayah Malaysia (MyWatch), Dato' R Sri Sanjeevan, telah ditahan di bawah POCA selepas beberapa hari direman bagi membantu siasatan berhubung melakukan ugutan jenayah dan memeras ugut. Suruhanjaya telah melawat tahanan pada 15 Julai selepas menerima aduan daripada isteri dan ahli keluarganya yang bimbang akan keselamatannya oleh kerana pihak Polis telah melarang sebarang lawatan oleh ahli keluarga dan peguamnya sepanjang tempoh penahanan. Walau bagaimanapun, pada 26 Julai, Mahkamah Tinggi telah memutuskan agar tahanan dibebaskan daripada POCA selepas membenarkan permohonan habeas corpus yang dibuat disebabkan perintah penahanan yang tidak sah.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa mendukung kedaulatan sistem perundangan negara yang sentiasa tulus serta telus. Penahanan Pengerusi MyWatch dilaksanakan berdasarkan kertas siasatan yang telah diluluskan oleh LPJ untuk dibuat tangkapan. Dalam hal ini, perintah pembebasannya diperolehi daripada pihak Mahkamah melalui habeas corpus.

(iv) Pada 18 November, Pengerusi BERSIH, Maria Chin Abdullah telah ditahan sehari sebelum perhimpunan BERSIH 5.0. Dia telah ditahan di bawah SOSMA bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 124C Kanun Keseksan atas dakwaan menggugat amalan demokrasi berparlimen, khususnya menerima dana asing daripada Open Society Foundation (OSF). Suruhanjaya telah melawat tahanan pada 22 November bagi melihat sel pengasingan di mana dia ditempatkan. Dia kemudiannya dibebaskan setelah 10 hari ditahan dan sehingga kini, tiada sebarang pertuduhan dikenakan ke atasnya oleh pihak berkuasa.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KDN komited dalam memastikan penahanan individu yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Jadual Pertama SOSMA adalah teratur berdasarkan prosedur yang ditetapkan dan bukan atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya.

Dalam sesetengah kes yang melibatkan penahanan di bawah POCA, Suruhanjaya telah melawat dan menemu bual tahanan bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung dakwaan layanan buruk dalam tempoh penahanan. Bagi sesetengah kes yang lain pula, Suruhanjaya telah menulis kepada KDN untuk memanjangkan rayuan tahanan atau ahli keluarga mereka berkenaan isu penahanan serta menekankan pendirian Suruhanjaya terhadap undang-undang pencegahan. **Suruhanjaya ingin menjelaskan di sini bahawa tindakan Suruhanjaya menulis kepada KDN bagi memanjangkan rayuan-rayuan dan mengemukakan syor-syor Suruhanjaya tidak harus dianggap sebagai 'representasi' bagi pihak banduan di bawah Seksyen 19A(4) POCA sepertimana yang dinyatakan oleh KDN di dalam maklum balas mereka kepada Suruhanjaya.** Pada bulan Julai, Suruhanjaya memohon untuk mengadakan perjumpaan bersama urusetia Lembaga Pencegahan Jenayah di KDN untuk memahami cara POCA digunakan dan menekankan kebimbangan dan syor-syor Suruhanjaya berhubung penggunaan POCA. Walau bagaimanapun, setakat ini, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang maklum balas daripada KDN.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui LPJ akan meneliti setiap representasi yang dikemukakan oleh individu, keluarga, peguam yang mewakili individu atau mana-mana pihak yang secara langsung atau tidak langsung mewakili atau memanjangkan rayuan atau representasi yang dikemukakan oleh individu. Sebarang keputusan LPJ adalah berdasarkan asas-asas rayuan yang dikemukakan semata-mata tanpa melihat mana-mana pihak yang mewakili penama.

Suruhanjaya telah bekerjasama dengan SIAP bagi menyiasat dakwaan layanan buruk dan penderaan yang dikenakan ke atas tahanan SOSMA. Berdasarkan keterangan yang telah direkodkan, lapan daripada sembilan banduan yang ditemu bual menjelaskan bahawa mereka telah disiksa, dinafikan hak untuk diwakili peguam, dilayan secara tidak berperikemanusiaan dan didera secara mental sepanjang tempoh 28 hari mereka ditahan di bawah SOSMA. Pada bulan Oktober, Polis memaklumkan kepada Suruhanjaya bahawa Jabatan Peguam Negara telah memutuskan bahawa empat laporan Polis yang dibuat oleh tahanan SOSMA, di mana kes mereka telah disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan, telah diklasifikasikan sebagai "Tiada Tindakan Lanjut" (No Further Action (NFA)) disebabkan oleh kekurangan bukti dan kegagalan membuat laporan Polis sebaik sahaja kejadian tersebut berlaku. Suruhanjaya, walau bagaimanapun, sedang dalam proses untuk menemu bual Pegawai Penyiasat yang terlibat dan akan menanyakan berkenaan rakaman video proses siasatan yang telah dijalankan di Pusat Reman Polis. Pusat tersebut merupakan sebuah pusat reman yang baru, moden, dan mempunyai kemudahan yang lengkap. Semasa lawatan ke Pusat Reman Polis pada 15 Julai, Suruhanjaya juga telah dimaklumkan bahawa kamera litar tertutup dipasang di setiap sudut pusat reman tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan memandang berat aduan-aduan yang diterima daripada mana-mana tahanan yang mendakwa telah didera oleh pihak Polis. Tahanan terbabit boleh membuat laporan kepada pihak Polis untuk kes disiasat dengan sewajarnya.

Tanpa berkompromi terhadap pendirian Suruhanjaya yang menentang penahanan tanpa bicara, Suruhanjaya mengesyorkan supaya setiap proses soal siasat ke atas tahanan undang-undang pencegahan diwajibkan dirakam secara video bagi memastikan tidak berlakunya penderaan fizikal dan mental ke atas tahanan dan juga untuk melindungi Polis dari sebarang dakwaan palsu. Suruhanjaya turut menggesa pihak berkuasa agar mengehadkan penggunaan sel

pengasingan kepada kes-kes yang tertentu sahaja, bagi tempoh masa sesingkat mungkin, dan hanya dilakukan sebagai jalan penyelesaian terakhir. Pengasingan sel ke atas tahanan dalam tempoh yang lama boleh dikira sebagai layanan yang zalim, tidak berperikemanusiaan, dan menjatuhkan maruah dan, dalam keadaan tertentu, ianya boleh dikira sebagai siksaan ke atas banduan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil perhatian mengenai isu layanan terhadap tahanan yang dikatakan tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah. Walau bagaimanapun, perundangan sedia ada dan prosedur semasa adalah jelas untuk tindakan tertentu dilaksanakan atas faktor keselamatan yang boleh memudaratkan diri tahanan sendiri serta tahanan-tahanan yang lain.

ULASAN TAMBAHAN SUHAKAM:

- (i) Suruhanjaya ingin mendapatkan pandangan umum Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia berhubung isu-isu yang dibangkitkan di dalam aduan-aduan yang diterima oleh Suruhanjaya berkenaan undang-undang pencegahan iaitu penafian hak kepada peguam sepanjang tempoh penahanan; penahanan kanak-kanak berusia bawah 18 tahun di bawah undang-undang pencegahan dan sejauh mana pematuhan kepada prosedur yang ditetapkan di dalam Akta Kanak-Kanak 2001; dan dakwaan layanan yang tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah semasa proses siasatan.
- (ii) Suruhanjaya ingin mendapatkan respon Lembaga Pencegahan Jenayah berhubung penjelasan Suruhanjaya mengenai perbezaan syor-syor Suruhanjaya di bawah Seksyen 4(2)(b) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 dan Seksyen 19A(4) POCA.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mana-mana Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh LPJ di bawah subseksyen 19A(1) APJ 1959 akan disampaikan kepada penama dan seterusnya berdasarkan subseksyen 19A(4) APJ 1959, penama mempunyai hak untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat (LP), Jabatan Perdana Menteri yang ditubuhkan di bawah Fasal (2) Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan Perkara 11(1) Peraturan-peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 [P.U.(A) 86/2014], sekiranya mana-mana penama membuat representasi kepada LP, JPM, Lembaga tersebut hendaklah, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan representasi itu, menimbang dan membuat syor kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Berdasarkan Perkara 11(2) Peraturan-peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014, apabila menimbang syor LP, JPM di bawah peraturan ini, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan apa-apa arahan kepada LPJ sebagaimana yang difikirkannya patut berkenaan dengan perintah yang dibuat oleh LPJ dan setiap keputusan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah. Keputusan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seterusnya akan dikemukakan kepada LPJ untuk tindakan selanjutnya.

- (iii) Suruhanjaya ingin mendapatkan respon Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia berhubung cadangan agar proses soal siasat ke atas tahanan undang-undang pencegahan diwajibkan dirakam secara video dan menghadkan penggunaan sel pengasingan kepada kes-kes yang tertentu sahaja, bagi tempoh masa sesingkat mungkin, dan hanya dilakukan sebagai jalan penyelesaian terakhir.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui PDRM sentiasa memastikan proses soal siasat dilaksanakan selaras dengan peruntukan undang-undang masa kini. Tiada peruntukan undang-undang yang mewajibkan proses soal siasat dijalankan secara video. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengambil maklum cadangan SUHAKAM untuk sebarang kajian penambahbaikan di masa akan datang.

- (iv) Suruhanjaya ingin mendapatkan statistik daripada Polis DiRaja Malaysia berhubung tangkapan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (APJ), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (APK) bagi tahun 2016.]

MAKLUM BALAS KERAJAAN

[Rujukan - **Lampiran I - Tangkapan di bawah Undang-Undang Pencegahan 2016**]

Strategi Memerangi Keganasan Global PBB telah menunjukkan bahawa hak asasi manusia dan langkah-langkah memerangi keganasan adalah selari dan saling melengkapi. Suruhanjaya menyokong sepenuhnya langkah-langkah yang dibuat oleh pihak berkuasa bagi menangani masalah jenayah dan memerangi keganasan, namun begitu langkah-langkah yang diambil tidak harus mengetepikan hak asasi manusia mana-mana pihak.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Kementerian dan Jabatan yang terlibat sentiasa memberikan penekanan terhadap prinsip Hak Asasi Manusia dalam melaksanakan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Negara ini.

(b) Pemerdagangan Orang

Perkara 4 UDHR memperuntukkan bahawa tiada sesiapa pun boleh diperhamba atau diperabdikan; keabdian dan pemerdagangan orang hendaklah dilarang dalam semua bentuknya.

Kajian penyelidikan Suruhanjaya berkenaan insiden penemuan kubur besar di Wang Kelian telah memasuki fasa baru selepas Suruhanjaya menemubual 19 mangsa yang terselamat daripada 'kem maut' tersebut. **Suruhanjaya mengambil maklum akan usaha Kerajaan untuk membawa suspek yang terlibat dalam insiden 'kem maut' Wang Kelian ke muka pengadilan, termasuk dengan mendakwa empat orang individu serta memohon Kerajaan Thailand untuk mengekstradisi 11 suspek bagi menghadapi pertuduhan di Malaysia.** Kajian yang dibuat Suruhanjaya ini bertujuan untuk menyediakan syor-syor kepada Kerajaan bagi menangani masalah pemerdagangan manusia melalui pendekatan berasaskan hak asasi manusia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah mengemukakan permohonan melalui Jabatan Peguam Negara untuk mengekstradisi 11 orang suspek dalam kes Wang Kelian. Kerajaan telah dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan Thailand telah membuat tangkapan terhadap 3 orang suspek dan proses ekstradisi sedang diuruskan.

Di dalam maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2015, dinyatakan bahawa daripada 1,107 orang migran yang telah tiba di Malaysia melalui bot pada tahun lepas, 718 orang merupakan warganegara Bangladesh dan mereka telah dihantar pulang ke Bangladesh. 389 orang pula telah dikenal pasti sebagai etnik Rohingya, yang mana 36 daripada mereka telah diterima untuk penempatan semula di Amerika Syarikat. Sebagai tindakan susulan bagi kes ini, Suruhanjaya telah menulis kepada KDN untuk mendapatkan maklum balas berkenaan status bagi pelarian Rohingya yang selebihnya. Sehingga kini, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang maklum balas daripada KDN berhubung permohonan tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, sehingga 19 Mei 2017, seramai 12 orang imigran dikenali sebagai “Boat People” masih ditahan di Depot Tahanan Imigresen Belantik, Kedah. Kesemua tahanan terbabit melibatkan tujuh (7) etnik Rohingya (6 lelaki dan 1 kanak-kanak lelaki) dan lima (5) orang lelaki warganegara Bangladesh.

Selain 7 orang “Boat People” etnik Rohingya yang masih ditahan di Depot Tahanan Imigresen Belantik, kesemua mereka telah dibebaskan atau diserahkan kepada pihak UNHCR untuk tindakan ekstradisi (penempatan semula) ke negara ketiga (Amerika Syarikat).

[Rujukan **Lampiran II - Statistik Boat People**]

(c) Hak Orang Asal

Perkara 8(2)(b) UNDRIP mempertanggungjawabkan setiap negara untuk menghalang sebarang tindakan yang tujuannya atau kesannya adalah Orang Asli akan kehilangan hak kepada tanah, kawasan, atau sumber-sumber mereka. Sepanjang tahun 2016, Suruhanjaya telah menerima 74 aduan daripada Orang Asli. Aduan-aduan yang diterima adalah seperti berikut:

- (i) Pencerobohan tanah adat Orang Asli bagi tujuan pembalakan, perlombongan, dan pertanian tanpa menghormati prinsip izin berasaskan FPIC;
- (ii) Dakwaan pencemaran sungai dan kepupusan hutan secara giat, kesan daripada aktiviti pembalakan yang berleluasa;
- (iii) Keperluan untuk menyediakan kemudahan awam kepada Orang Asli, seperti bekalan elektrik dan air serta rumah kos rendah; dan
- (iv) Kelemahan-kelemahan di dalam perkhidmatan pendidikan yang diberikan kepada Orang Asli, contohnya kekurangan minat di kalangan guru-guru yang ditugaskan untuk mengajar di sekolah-sekolah Orang Asli.

Suruhanjaya telah menerima aduan yang berulang daripada Orang Asli di Kelantan mengenai pencerobohan tanah adat Orang Asli yang dilakukan oleh syarikat pembalakan yang telah diberikan lesen oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk membalak di dalam Hutan Simpan Balah. Kebergantungan Kerajaan Negeri Kelantan kepada hasil daripada pembalakan membawa kepada aktiviti pembalakan yang berleluasa di kawasan rizab hutan di Gua Musang, yang kebanyakannya didiami oleh Orang Asli sejak turun-temurun.

Suruhanjaya mengulangi syor Inkuiri Nasional supaya pihak berkuasa mengguna pakai prinsip pendekatan berasaskan hak asasi manusia (PBHAM) di dalam aktiviti pembangunan, dan Prinsip Izin Berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMBAT) bagi mendapatkan kebenaran daripada Orang Asli mengenai mana-mana program yang berkemungkinan memberi kesan kepada komuniti tersebut. Suruhanjaya juga ingin mengingatkan pihak Kerajaan tentang tanggungjawab untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Lestari PBB, yang mana salah satunya termasuk pengurusan hutan secara mampan. Dalam hal ini, Suruhanjaya menyeru JPNK dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk meneliti secara menyeluruh dan mengkaji kesan perlesenan pembalakan terhadap penebangan hutan dan pencemaran alam sekitar di Gua Musang seperti yang didakwa oleh Orang Asli.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) sentiasa prihatin terhadap hal-ehwal Orang Asli dalam pengurusan hutan di Kelantan. Selaras dengan perkara ini, hak dan kepentingan Orang Asli turut diambil kira semasa proses pensijilan pengurusan Hutan Simpanan Kekal di bawah *Malaysia Timber Certificate Council* (MTCC) seperti di Prinsipal 1-Pematuhan Kepada Undang-undang dan Prinsip-prinsip dan Prinsipal 3-Hak-hak Masyarakat Pribumi.

Penyelarasan sebarang isu berkaitan Orang Asli di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) turut dilaksanakan melalui satu kerjasama erat dalam Mesyuarat Jawatankuasa bersama JPSM dan JAKOA.

Sesi konsultasi bersama masyarakat tempatan termasuk Orang Asli turut diadakan bagi memastikan penglibatan mereka dalam Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) dan mematuhi prinsip-prinsip dalam MC & I (Hutan Asli). Orang Asli juga dilibatkan dalam perancangan pembangunan dengan melantik wakil-wakil di dalam pentadbiran kerajaan seperti Ahli Pihak Berkuasa Tempatan dan Penghulu-Penghulu Tanpa Mukim dari kalangan Orang Asli.

Kerajaan sentiasa memastikan sebarang aktiviti pembalakan yang dilaksanakan diluluskan berdasarkan undang-undang sedia ada dengan mengambil kira kebajikan dan kemaslahatan Orang Asli serta melaksanakan amalan pengurusan hutan secara berkekalan *Sustainable Forest Management* (SFM). Kerajaan turut prihatin berkenaan isu pencemaran sungai sebagaimana yang diadukan. Sehubungan itu, beberapa langkah penambahbaikan seperti projek perintis kawalan hakisan dan kelodakan dilaksanakan bagi mengatasi isu tersebut.

Kerajaan komited untuk memastikan infrastruktur asas di kawasan-kawasan yang masih kurang liputan sentiasa diberikan keutamaan dan memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli yang terlibat. Sehubungan itu, sejumlah RM180.3 juta peruntukan pada tahun 2016 dan RM125 juta peruntukan pada tahun 2017 telah disalurkan bagi pelaksanaan pelbagai projek dan program pembangunan masyarakat merangkumi aspek ekonomi, keusahawanan, infrastruktur, modal insan, sistem penyampaian dan program bantuan rumah.

Selain itu, program-program pembangunan sosio-ekonomi seperti Program Peningkatan Pendapatan, Program Peningkatan Ekonomi dan Program Pengupayaan Komuniti melibatkan kumpulan sasar luar bandar termasuk masyarakat Orang Asli akan terus dilaksanakan bagi menjaga kebajikan dan kemajuan masyarakat Orang Asli.

Kerajaan melalui KPM sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti kepada Orang Asli dan peribumi. Pelan Hala Tuju Transformasi Pendidikan Orang Asli 2017-2025 dibangunkan di bawah Inisiatif #57 Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Peribumi di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Pelan ini bermatlamat untuk meningkatkan akses dan keberhasilan pendidikan murid Orang Asli dengan memberi keutamaan kepada empat skop iaitu:

- (i) suasana pembelajaran positif di sekolah;
- (ii) sistem persekolahan dan tenaga guru;
- (iii) laluan pendidikan dan kerjaya; dan
- (iv) penglibatan ibu bapa, komuniti, awam & swasta

Mulai tahun 2017, pelaksanaan latihan dalam perkhidmatan mengikut fasa dan bimbingan berfokus mengenai pendidikan Orang Asli kepada *School Improvement Programme (SIP+)*, *School Improvement Specialist Coaches (SISC+)* dan *Fasilitator Literacy and Numeracy Screening (FasiLINUS)* akan dilaksanakan bagi mengatasi isu kekurangan minat dalam kalangan guru di sekolah Orang Asli. Pelbagai aktiviti, program untuk sekolah Orang Asli di peringkat Kementerian telah dirangka dan akan dilaksanakan bagi menyediakan kesamarataan akses dan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti kepada Orang Asli.

Selain itu, di antara aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan di dalam perkhidmatan pendidikan Orang Asli adalah seperti;

- (i) Pemeriksaan Program j-QAF terhadap 7 buah SK (Asli) dan Pemeriksaan Bertema Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 6 Bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu kepada 5 buah sekolah SK (Asli). Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Perak telah melaksanakan Pemeriksaan Khas Sekolah Orang Asli dan semua dapatan pemeriksaan telah dikongsikan terus dengan pihak sekolah serta pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk tindakan penambahbaikan.
- (ii) Pelaksanaan Modul Latihan dan Kursus Pengurusan Sekolah Terintang kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB) untuk SK (Asli) di Semenanjung dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Antara pengisian kursus ialah Asas-Asas Pengurusan Pendidikan, Jalinan Hubungan Komuniti, Sesi Perbincangan Isu-Isu Pengurusan dan Sesi Pembincangan Isu Bersama Komuniti yang membincangkan isu Hak Asasi Manusia. Pada tahun 2017, sebanyak enam (6) siri kursus berkaitan dengan Kursus Pengurusan Sekolah Terintang telah dirancang oleh Institut Aminuddin Baki (IAB).

(iii) Kolokium Pengurusan Sekolah Terintang juga diadakan di IAB Cawangan Sarawak pada tahun 2017 yang dihadiri oleh PGB serta pengurus pendidikan bagi sekolah pedalaman dan pulau di Sabah dan Sarawak.

(d) Diskriminasi

Dalam hal ini, Suruhanjaya menyeru semua PPK untuk memastikan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada orang cacat penglihatan adalah sama seperti perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada individu lain tanpa sebarang diskriminasi. Adalah juga menjadi sebahagian daripada tanggungjawab korporat untuk menghormati hak asasi manusia seperti yang digariskan di bawah Prinsip 12 Prinsip Panduan PBB Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. **Walaupun Suruhanjaya memuji usaha yang dilaksanakan BNM dalam menjalankan program pendidikan mengenai CRPD kepada PPK, Suruhanjaya juga mencadangkan agar garis panduan prosedur bagi kemudahan perbankan untuk golongan orang cacat penglihatan digubal dengan konsultasi bersama persatuan-persatuan OKU, selaras dengan Perkara 5 CRPD mengenai kesaksamaan dan ketiadaan diskriminasi.** Dalam hal ini, Suruhanjaya akan mengambil peluang atas penglibatannya berkaitan agenda perniagaan dan hak asasi manusia dengan Persatuan Bank-Bank di Malaysia (ABM) serta Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) untuk mempromosi hak-hak OKU.

ULASAN TAMBAHAN SUHAKAM:

Suruhanjaya ingin mendapatkan maklum balas Bank Negara Malaysia berhubung cadangan diwujudkan SOP bagi kemudahan perbankan untuk golongan orang kurang upaya penglihatan serta usaha-usaha lain yang sedang dijalankan oleh BNM agar perkhidmatan perbankan di Malaysia tidak mendiskriminasi orang kurang upaya.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah mengambil inisiatif mewujudkan Garis Panduan sebagai rujukan kepada pegawai-pegawai khidmat pelanggan mereka ketika berurusan dengan golongan orang kurang upaya, termasuklah orang kurang upaya penglihatan, fizikal, percakapan dan pendengaran.

Selain daripada itu, bagi melindungi orang kurang upaya penglihatan dalam urusan pembukaan akaun, institusi perbankan telah menetapkan keperluan supaya orang kurang upaya penglihatan ditemani oleh seseorang yang celik penglihatan.

Namun, sekiranya orang kurang upaya penglihatan tersebut berseorangan, pihak bank akan menugaskan seorang pegawai bank bebas bagi membantu beliau dalam transaksi perbankan yang diperlukan.

(e) Siksaan, Serta Layanan Tidak Berperikemanusiaan Dan Menjatuhkan Maruah Di Pusat Tahanan

Perkara 5 UDHR menjamin bahawa tiada sesiapa pun boleh dikenakan siksaan atau layanan kejam, tidak berperikemanusiaan, atau menjatuhkan maruah. Pada tahun ini, 36 aduan telah dibuat kepada Suruhanjaya berkenaan pelanggaran terhadap peruntukan tersebut. Suruhanjaya mengetengahkan di sini dua aduan serta siasatan Suruhanjaya terhadap aduan tersebut:

- (i) Pada 28 Oktober 2015, keluarga Kamal Hisham Ja'afar, seorang banduan reman di Penjara Reman Ayer Molek, Johor Bahru telah membuat aduan mengenai dakwaan layanan buruk semasa dia ditahan di Lokap Cawangan Khas Johor Bahru Utara. Suruhanjaya telah melawatnya di penjara pada 25 November 2015 dan dia memaklumkan bahawa semasa dia dalam lokap dia hanya dibenarkan berseluar dalam dan hanya diberikan sehelai selimut yang kotor dan busuk selepas dia memohon untuk bersolat; air minuman tidak diberikan kepadanya, menyebabkan dia terpaksa meminum air paip; dan dia terpaksa berulang kali memanggil anggota Polis yang bertugas setiap kali hendak ke tandas kerana ketiadaan tandas di dalam lokap tersebut. Suruhanjaya telah mengemukakan dakwaan tersebut kepada pihak Polis dan pihak Polis menyatakan bahawa tahanan tidak dibenarkan untuk memakai pakaian di dalam lokap kerana terdapat satu peristiwa di mana pakaian digunakan oleh tahanan untuk menggantung diri; terdapat sebuah bilik khas yang disediakan untuk bersolat dan tahanan sepatutnya memohon untuk menggunakannya; dan pembinaan lokap tersebut tanpa tandas adalah keputusan Jabatan Kerja Raya dan pihak Polis tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan. Susulan itu, Suruhanjaya mengemukakan syor balas kepada Polis pada 11 Mac dengan mengingatkan mereka agar mematuhi Kaedah-kaedah Lokap 1953 dari sudut penyediaan pakaian dan barang-barang keperluan seperti tilam kepada semua tahanan, dan juga menegaskan yang hak individu termasuk tahanan untuk mengamalkan agama perlu dihormati seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kemudahan-kemudahan asas di dalam lokap, akan disediakan bergantung kepada penilaian sikap, mentaliti dan ideologi setiap tahanan. Dalam perkara ini, isu keselamatan tahanan itu sendiri serta tahanan lain menjadi keutamaan untuk mengelak sebarang perbuatan yang merbahaya.

Lokap Cawangan Khas Johor Bahru merupakan sebuah premis lama yang tidak menyediakan kemudahan tandas di dalam sel lokap. Walaubagaimanapun, Kerajaan mengambil serius perkara ini bagi lokap-lokap yang baru dibina melalui penyediaan kemudahan tandas di dalam setiap sel lokap.

Bagi tahanan yang beragama Islam, kemudahan bersolat seperti sejadah dan tempat juga disediakan. Makanan dan minuman di dalam lokap juga diberikan mengikut masa yang ditetapkan.

- (ii) Pada 31 Mac, Suruhanjaya telah menerima aduan daripada seorang bekas banduan wanita berkenaan dakwaan layanan buruk terhadap banduan wanita di Penjara Wanita Alor Setar. Aduan itu mendakwa bahawa pada bulan Oktober 2015, kira-kira 65 tahanan dipaksa untuk bertelanjang di tengah-tengah padang di dalam kawasan penjara bagi tujuan pemeriksaan badan; seorang banduan wanita yang ditangkap mempunyai tatu di badannya telah dipukul semasa soal siasat oleh dua kakitangan lelaki; dan beberapa orang tahanan lain telah dilayan dengan buruk oleh pegawai Penjara. Suruhanjaya telah mengadakan lawatan ke Kedah pada 17-18 Mei untuk menyiasat aduan tersebut. Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama pengadu; lapan orang banduan wanita di Penjara; dan empat orang kakitangan Penjara, Suruhanjaya mendapati bahawa pelanggaran hak asasi manusia yang didakwa tersebut mungkin terjadi disebabkan oleh syak wasangka kakitangan Penjara bahawa terdapat banduan wanita yang terlibat dalam hubungan sejenis. Suruhanjaya mengemukakan hasil siasatan tersebut kepada KDN dan Jabatan Penjara pada 12 Oktober dengan mengesyorkan supaya siasatan dalaman oleh pihak berkecuali dimulakan dengan segera selaras dengan Peraturan 57(3)

Peraturan Minimum Standard Bagi Layanan Terhadap Tahanan (Peraturan Nelson Mandela), dan tindakan undang-undang yang sewajarnya harus diambil terhadap kakitangan Penjara yang didapati melanggar Peraturan Penjara. Selain daripada itu, Suruhanjaya mengingatkan Jabatan Penjara untuk memastikan bahawa banduan wanita sentiasa di bawah penyeliaan kakitangan penjara wanita, termasuk semasa disoal siasat, dan untuk menyediakan lebih banyak latihan kepada kakitangan Penjara tentang Peraturan Penjara serta standard antarabangsa berkaitan layanan terhadap banduan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil serius terhadap salah laku dan perbuatan menggunakan kekerasan terhadap banduan yang tidak dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan kecuali untuk tujuan mempertahankan diri atau melaksanakan hukuman sebat. Justeru, tindakan tatatertib boleh diambil sebagai hukuman dan pengajaran.

Suruhanjaya telah mengadakan lawatan ke lokap di Balai Polis Tanjung Kupang pada 24 Ogos setelah menerima aduan berkenaan layanan buruk terhadap tahanan di lokap. Suruhanjaya terkejut apabila mendapati bahawa semua tahanan lelaki hanya berseluar dalam di dalam lokap. Lebih mengejutkan lagi, **Suruhanjaya dimaklumkan oleh pihak Polis bahawa amalan melarang tahanan daripada memakai pakaian di dalam lokap sebenarnya telah dinyatakan di dalam garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Polis Balai. Suruhanjaya menggesa pihak Polis untuk menghentikan amalan ini dan membatalkan perintah tersebut, yang keterlaluan dan jelas bertentangan dengan Kaedah-kaedah Lokap 1953.**

ULASAN TAMBAHAN SUHAKAM:

Suruhanjaya ingin mendapatkan maklum balas Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia berhubung status syor-syor Suruhanjaya berhubung aduan di Penjara Wanita Alor Setar.

Suruhanjaya ingin mendapatkan maklum balas Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia berhubung penemuan dan syor Suruhanjaya mengenai pakaian OKT di Lokap Balai Polis Tanjung Kupang dan usaha memastikan lokap-lokap memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah Lokap 1953.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum mengenai cadangan agar lokap memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah Lokap 1953. Pada masa yang sama, Kerajaan turut bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan orang tahanan di dalam lokap polis. Isu keselamatan adalah menjadi keutamaan untuk mengelak kejadian orang tahanan membunuh diri sendiri. Oleh itu, pakaian yang bersesuaian telah diberi kepada tahanan semasa berada di dalam lokap polis.

(f) Hak-hak Kebudayaan

Pada 16 Ogos, Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada Jawatankuasa Deklarasi Puncak Purnama mengenai perobohan arca Puncak Purnama pada 1 Julai oleh DBKL. Arca ini telah dibina pada tahun 1986 oleh Seniman Negara, Allahyarham Datuk Syed Ahmad Jamal atas tempahan United Malayan Banking Corporation Berhad (UMBC), dan telah diserahkan kepada DBKL untuk ditempatkan

di kawasan awam bagi dinikmati orang ramai. Jawatankuasa tersebut sekeras-kerasnya membantah perobohan arca Puncak Purnama tanpa maklumat terlebih dahulu kepada keluarga seniman, dan menganggap ia sebagai satu penghinaan terhadap karya seni tersebut. Mereka menuntut, antara lain, supaya hak artis dan karya mereka dihargai oleh pihak berkuasa dan penggubal undang-undang; supaya Kerajaan Malaysia meratifikasi ICESCR; supaya Balai Seni Visual Negara dihormati sebagai penaung seni di negara ini dan dijadikan rujukan dalam membuat keputusan mengenai hal yang melibatkan karya seni; dan supaya DBKL dan mana-mana pihak berkuasa tempatan melantik lembaga penasihat khas berkenaan seni, yang terdiri daripada wakil dari Balai Seni Visual Negara, artis dan pereka tersohor, pelopor budaya, dan ahli akademik untuk bekerjasama dalam perancangan masa depan yang melibatkan seni dan budaya.

Suruhanjaya telah menulis kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) dan DBKL pada 23 September untuk mengetengahkan aduan dan permohonan pengadu. Di samping itu, Suruhanjaya mengingatkan pihak berkuasa tentang tanggungjawab Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah perundangan, pentadbiran, belanjawan, kehakiman, promosi, dan lain-lain yang sesuai ke arah pelaksanaan Perkara 15(1)(c) seperti yang ditekankan oleh ECOSOC di dalam Ulasan Umum mereka tersebut. MOTAC, dalam maklum balasnya kepada Suruhanjaya, menyatakan kesediaan terhadap cadangan untuk membentuk lembaga penasihat yang terdiri daripada individu dan pihak-pihak yang berkenaan untuk memberikan nasihat kepada pihak berkuasa dalam memelihara karya seni dan budaya yang ada di negara ini. Walaupun Malaysia masih belum meratifikasi ICESCR, MOTAC turut memohon kepada Suruhanjaya agar mempromosikan hak-hak kebudayaan seperti yang termaktub di dalam ICESCR kepada rakyat Malaysia. Suruhanjaya memandang baik permohonan tersebut, dan akan melaksanakannya sewajarnya. Suruhanjaya mengalu-alukan pendirian terbuka yang ditunjukkan oleh MOTAC dalam hal ini.

ULASAN TAMBAHAN SUHAKAM:

Suruhanjaya ingin mendapatkan maklum balas MOTAC dan DBKL berhubung usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksana untuk memastikan pemeliharaan karya seni dan budaya yang ada di Kuala Lumpur secara khususnya, susulan perobohan arca Puncak Purnama.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Susulan insiden perobohan Arca Puncak Purnama yang dibina oleh Seniman Negara Allahyarham Datuk Syed Ahmad Jamal oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 1 Julai 2016 yang lalu, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah membentuk Jawatankuasa Perlindungan dan Pemuliharaan Karya Seni Awam (JPPKSA) sebagai inisiatif memelihara dan memulihara karya seni awam yang mempunyai signifikan dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang tinggi tamadun budaya, seni dan warisan.

Objektif penubuhan JPPKSA adalah untuk menangani isu/permasalahan yang timbul dan mengenalpasti mekanisme penyelesaian bagi perkara-perkara berikut;

- (i) Seni Visual/Tampak (Arca/Lukisan/Catan);
- (ii) Seni Persembahan (Muzik/Tari/Teater);
- (iii) Warisan Seni Budaya (Adat dan Budaya/Bahasa dan Persuratan/Seni Halus/Seni Persembahan Tradisi);
- (iv) Objek Warisan Ketara/Tapak Warisan; dan
- (v) Pendidikan Budaya (Pendokumentasian/Penyelidikan/Penerbitan).

Fungsi JPPKSA adalah seperti berikut:

- (i) Memastikan Jabatan/Agensi/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ Badan-Badan Bukan Kerajaan (BBK) mematuhi peraturan/dasar/undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan dalam pemuliharaan dan pemeliharaan seni, budaya dan warisan;
- (ii) Mengambil tindakan mengikut bidang kuasa yang selaras dengan dasar, akta, peraturan dan perundangan sedia ada di KPK. Contohnya Akta Warisan Kebangsaan 2005; dan
- (iii) Menetapkan bentuk tindakan/hukuman/denda/penalti kepada pihak-pihak yang melakukan penyelewengan, pencacatan, pengubahsuaian atau pemusnahan lain yang boleh menjejaskan kehormatan dan reputasi pengkarya.

3. KEMATIAN DI TEMPAT TAHANAN

Antara semua hak, hak kepada nyawa adalah hak yang paling asas dan tidak boleh dikompromi. Pada tahun ini, dua aduan mengenai isu kematian di tempat tahanan telah diterima. Dalam kes pertama, Suruhanjaya telah menerima aduan mengenai kematian seorang banduan, Azri Mohamed, 27 tahun, di Penjara Pengkalan Chepa. Keluarga si mati tidak berpuas hati dengan keputusan bedah siasat yang mendapati bahawa si mati meninggal dunia akibat jangkitan pada usus, dan pihak keluarga berjaya mendapatkan perintah mahkamah untuk bedah siasat kali kedua yang telah dijalankan di Hospital Kuala Lumpur pada bulan Oktober. Bagi tujuan siasatan mengenai aduan tersebut, Suruhanjaya telah mengadakan lawatan ke Kelantan pada 20-22 September di mana Suruhanjaya telah bertemu dengan Pengarah dan pegawai-pegawai Penjara Pengkalan Chepa; pasukan perubatan dalaman Penjara dan beberapa orang tahanan; Pegawai Penyiasat Polis; Pengarah dan pegawai perubatan Hospital Raja Perempuan Zainab II; serta keluarga si mati. Berdasarkan kepada hasil siasatan tersebut, pada 7 Oktober Suruhanjaya mengesyorkan kepada Penjara, antara lain, untuk menangani masalah kesesakan dan makanan yang tidak bersih di Penjara Pengkalan Chepa kerana kedua-dua perkara tersebut mungkin menjadi faktor yang telah memburukkan lagi kesihatan si mati ditambah dengan kelewatan dalam pemberian rawatan perubatan yang sesuai kepada si mati. Dalam hal ini, Prinsip Asas PBB Bagi Layanan Banduan 1990 menyatakan bahawa "banduan hendaklah mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan yang ada di sesebuah negara tanpa diskriminasi disebabkan status mereka dari sudut undang-undang". Suruhanjaya menyeru pihak berkuasa agar melaksanakan syor-syor Suruhanjaya sebagaimana digariskan di dalam kajiannya yang bertajuk "Penjagaan Kesihatan Di Penjara Malaysia: Hasil Laporan Dan Tinjauan Seluruh Negara".

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Penjara dan Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan rawatan untuk banduan dapat disediakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan. Rawatan sewajarnya telah diberikan kepada banduan secara berterusan berdasarkan masalah kesihatan yang dihadapi oleh banduan. Tiada isu diskriminasi mahupun kelewatan termasuk rawatan kecemasan yang perlu diberikan.

Merujuk kepada kematian isu kematian banduan Azri bin Mohamed yang menjalani hukuman di Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan, Lembaga Siasatan telah ditubuhkan dan mendapati masalah kesihatan yang dihadapi serta kematian yang berlaku tiada kaitan dengan sebarang

penggunaan kekerasan oleh mana-mana pihak sama ada banduan mahupun kakitangan. Azri bin Mohamed didapati telah diperiksa dan diberi sewajarnya mengikut keadaan beliau secara berterusan termasuk keperluan menghantar beliau ke hospital untuk mendapat rawatan susulan. Berdasarkan keputusan bedah siasat yang pertama mendapati jangkitan kuman yang mengakibatkan kegagalan berbagai organ untuk berfungsi tiada kaitan dengan sebarang unsur jenayah. Keputusan bedah siasat yang kedua juga mengesahkan perkara yang sama.

Pada 15 Ogos, Cambodia Daily melaporkan bahawa dua wanita Kemboja mendakwa bahawa mereka telah dipukul oleh kakitangan pusat tahanan semasa mereka ditahan di Pusat Tahanan Imigresen Juru. Mereka juga mendakwa telah menyaksikan beberapa tahanan lain mati di pusat tahanan tersebut akibat penderaan fizikal yang dikenakan ke atas mereka. Susulan daripada itu, Suruhanjaya telah mengadakan lawatan bersama dengan SIAP ke Pusat Tahanan Juru pada 22 Ogos untuk menyiasat dakwaan tersebut.

Walaupun siasatan itu tidak menemukan sebarang bukti berlakunya penderaan, Suruhanjaya bagaimanapun mengesyorkan pihak Imigresen supaya:

- (i) mempercepatkan dan memberi keutamaan terhadap pembinaan pusat tahanan baru bagi menggantikan Pusat Tahanan Imigresen Juru memandangkan keadaan pusat tahanan yang agak teruk;**
- (ii) memperbaiki keadaan pusat tahanan tersebut selama ia masih digunakan, khususnya meningkatkan kebersihan blok-blok untuk tahanan lelaki;**
- (iii) bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan Pegawai Perubatan ditempatkan di semua pusat tahanan Imigresen, dan kemudahan perubatan termasuk ubat-ubatan dibekalkan secukupnya ke pusat tahanan;**
- (iv) menyemak semula prosedur operasi standard (SOP) pusat tahanan Imigresen bagi memastikan bahawa ia sekurang-kurangnya selaras dengan Peraturan Nelson Mandela dan Kaedah-kaedah Lokap 1953; dan**
- (v) mencontohi sistem penjara dengan memperkenalkan Hakim Pelawat bagi memantau keadaan pusat tahanan Imigresen.**

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jumlah kematian yang telah berlaku pada tahun 2016 di Depot Tahanan Juru adalah tidak benar kerana rekod kematian pada tahun berkenaan hanya melibatkan seorang tahanan sahaja.

Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Cawangan Kerja Keselamatan akan membina satu depot tahanan baru di Jawi, Pulau Pinang sebagai peralihan Depot Tahanan Imigresen Juru yang semakin sesak. Pembinaan depot tahanan tersebut yang kini masih dalam fasa pelaksanaan proses reka bentuk dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

Jabatan Imigresen Malaysia juga mengambil langkah pencegahan dengan tidak menggunakan ruang dan bangunan yang berisiko untuk roboh seperti tingkat atas blok tahanan lelaki untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Selain itu, peralatan kebersihan diri orang yang ditahan dibekalkan secara one-off apabila orang yang ditahan tiba dan dimasukkan ke depot tahanan. Namun begitu, orang yang ditahan diberikan pilihan dan dibenarkan untuk membeli sendiri peralatan kebersihan diri mengikut keperluan masing-masing dari masa ke masa melalui Pejabat Pengurusan Depot Tahanan.

Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia dalam proses menyediakan satu Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen berhubung dengan Prosedur Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen sebagai penambahbaikan kepada Prosedur Operasi Standard yang sedia ada. Penekanan berhubung dengan tatacara prosedur kemasukan tahanan dan prosedur pengurusan tahanan akan diperuntukkan dalam Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Malaysia tersebut.

Berhubung dengan ulasan pihak SUHAKAM mengenai kematian tahanan, terdapat beberapa kekangan dan punca masalah kematian yang di luar kawalan Jabatan Imigresen Malaysia, antaranya PATI telah menghidap penyakit sebelum ditahan dan PATI dengan sengaja menyembunyikan status kesihatan.

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah menempatkan seramai 14 orang penolong pegawai perubatan di 14 buah depot tahanan sementara (DTS) seluruh Malaysia bagi memberikan rawatan kepada Orang Kena Tahan (OKT). Bagi memperkukuhkan perkhidmatan Kesihatan di DTS, klinik kesihatan yang berhampiran dengan depot tahanan juga telah dikenalpasti dan dipilih sebagai klinik yang menjaga sekali gus bertindak sebagai pusat rujukan kepada pegawai perubatan serta membantu dari aspek keperluan perubatan. Pasukan kesihatan dari klinik ini juga bertanggungjawab melakukan lawatan pemantauan secara berkala ke DTS. Kes-kes kecemasan OKT boleh dirujuk terus ke Jabatan Kecemasan hospital berhampiran.

Pada tahun lepas, Suruhanjaya telah membuat permohonan bagi beberapa set maklumat termasuk statistik kematian dalam lokap, penjara, dan pusat tahanan. Suruhanjaya juga telah membuat permohonan yang sama kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan untuk mendapatkan maklumat tersebut bagi tahun ini. Sehingga laporan ini ditulis, Suruhanjaya masih belum menerima statistik untuk tahun 2016 dari pihak Polis.

ULASAN TAMBAHAN SUHAKAM:

Suruhanjaya ingin mendapatkan respon Jabatan Imigresen Malaysia berhubung syor-syor Suruhanjaya hasil lawatan siasatan ke Pusat Tahanan Imigresen Juru pada 22 Ogos 2016 tersebut.

Suruhanjaya ingin mendapatkan daripada Polis DiRaja Malaysia data dan statistik kematian 'Orang kena Tahan' (OKT) bagi tahun 2016 mengikut punca kematian; bangsa dan tempat kematian.

Suruhanjaya ingin mendapatkan respon daripada agensi-agensi berkaitan serta status usaha dan kekangan yang dihadapi untuk mengatasi jumlah kematian di pusat-pusat tahanan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Statistik bagi OKT 2016 seperti di **Lampiran III - Statistik Tahanan Mati Dalam Lokap**. Usaha dan kekangan yang dihadapi mengatasi jumlah kematian di pusat tahanan telah dinyatakan di isu yang sama bagi kes kematian di Lokap Juru.

4. PEMANTAUAN PERHIMPUNAN AWAM DAN RAPAT UMUM

Suruhanjaya telah memantau empat perhimpunan pada tahun ini. Walaupun perhimpunan yang dipantau berjalan dengan lancar, Suruhanjaya menyedari bahawa terdapat juga ugutan yang tidak munasabah dilakukan oleh pihak berkuasa dan juga kumpulan lawan bertujuan mengelakkan orang ramai untuk menyertai perhimpunan yang membantah Kerajaan. Suruhanjaya berpandangan bahawa penahanan yang dibuat oleh Polis sebelum dan selepas perhimpunan BERSIH 5.0, serta tindakan disiplin oleh beberapa Universiti terhadap pelajar-pelajar yang menyertai perhimpunan 'Tangkap MO1', adalah tidak wajar.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KDN telah melonggarkan peraturan berkaitan dengan perhimpunan awam, justeru hak untuk mengadakan perhimpunan di Malaysia sepatutnya tidak lagi menjadi isu. Sebelum ini, mengikut seksyen 27 Akta Polis 1967, perhimpunan hanya boleh diadakan jika mendapat permit daripada pihak polis. Pada tahun 2012, Kerajaan telah memansuhkan seksyen 27 tersebut dan menggantikannya dengan Akta Perhimpunan Aman 2012 [Akta 736]. Di bawah Akta 736, perhimpunan boleh diadakan tanpa permit daripada pihak polis jika diadakan di suatu tempat yang telah diwartakan.

Isu yang sering berbangkit daripada perkara ini adalah keengganan pihak penganjur perhimpunan yang tetap ingin mengadakan perhimpunan di Dataran Merdeka sedangkan perhimpunan boleh diadakan dengan lebih mudah dan cepat di tempat-tempat lain yang telah diwartakan.

Tujuan perhimpunan adalah untuk menyuarakan rasa tidak puas hati dan ia tidak ada kaitan dengan tempat perhimpunan tersebut diadakan. Kebebasan bersuara dan berhimpun tidak akan terjejas jika perhimpunan diadakan di suatu tempat yang diwartakan di bawah Akta 736.

Selain itu, tujuan peruntukan-peruntukan ini diadakan bukanlah untuk menyekat kebebasan berhimpun tetapi bertujuan untuk memberikan ruang bagi pemeliharaan keselamatan dan kesempatan untuk pihak polis bertindak jika perhimpunan itu bertukar menjadi sesuatu perkara yang tidak diinginkan dan di luar kawalan pelbagai pihak.

Berikut adalah pemerhatian dan syor-syor berdasarkan pemantauan Suruhanjaya ke atas empat perhimpunan pada tahun ini:

(a) Kebebasan Berhimpun

Tujuan dan juga hasrat PAA adalah untuk membolehkan orang ramai berhimpun secara aman dan untuk pihak berkuasa memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam memastikan keselamatan dan perlindungan bagi setiap orang termasuk peserta perhimpunan. Walau bagaimanapun, beberapa peruntukan di dalam Akta ini seolah-olah menghadkan hak untuk berhimpun secara aman, dan/atau membenarkan penafsiran sedemikian, khususnya peruntukan yang melarang bantahan jalanan dan penganjuran perhimpunan oleh seseorang yang berumur di bawah 21 tahun; keperluan ketat untuk pemakluman 10 hari sebelum perhimpunan; dan tempat-tempat larangan perhimpunan dalam Jadual Ketiga. Adalah disyorkan supaya peruntukan-peruntukan ini dikaji semula bagi memastikan hak untuk berhimpun secara aman dapat dinikmati oleh semua orang.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Akta 736 telah digubal setelah mengambil kira pandangan Jabatan Peguam Negara dengan membuat cross reference kepada Akta negara-negara lain. Syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah perlu bagi menjaga ketenteraman awam dan perlindungan hak dan kebebasan orang lain. Untuk itu, sekiranya penganjur bercadang untuk menganjurkan perhimpunan tersebut, perancangan perlu dibuat terlebih dahulu demi memastikan bahawa syarat-syarat yang ditetapkan dipatuhi oleh pihak penganjur.

Tujuan Akta 736 diwujudkan adalah jelas bagi menggantikan peruntukan di bawah Akta Polis 1967 [Akta 344] sebelum ini yang mengkehendaki suatu permit diperolehi terlebih dahulu sebelum sesuatu perhimpunan diadakan. Di bawah Akta 736, satu kaedah yang lebih telus dan mudah telah diperuntukkan. Pada masa yang sama, ia juga perlu mengekalkan tanggungjawab pihak keselamatan untuk memastikan keselamatan masyarakat termasuk peserta perhimpunan. Oleh itu, peruntukan sedia ada adalah wajar dalam memastikan keseimbangan di antara hak seseorang untuk berhimpun dan keselamatan masyarakat. Tiada keperluan bagi peruntukan-peruntukan ini dikaji.

Ia juga menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan untuk memastikan kanak-kanak tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak bagi maksud-maksud yang tidak ada kena mengena dengan kanak-kanak. Membawa kanak-kanak untuk menyertai sesuatu perhimpunan bagi tujuan yang tidak melibatkan kanak-kanak adalah satu pencabulan kepada hak kanak-kanak itu sendiri. Atas dasar tersebut, peruntukan sedia ada adalah sangat perlu bagi mengekang kelompok yang mengguna kanak-kanak bagi tujuan peribadi mereka dan oleh itu peruntukan sedia ada perlu dikekalkan.

(b) Penglibatan Kanak-kanak

Berhubung dengan penglibatan kanak-kanak di dalam perhimpunan aman, Suruhanjaya menekankan bahawa Artikel 15(1) CRC menjamin hak kanak-kanak untuk berhimpun secara aman. Walaupun dinyatakan bahawa hak untuk berhimpun boleh dihadkan oleh undang-undang domestik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 15(2) CRC, Suruhanjaya mengesyorkan agar peruntukan di bawah Seksyen 2(e) dan (f) Akta Perhimpunan Aman, yang menyekat kanak-kanak daripada mengambil bahagian atau turut serta dalam perhimpunan aman, selain perhimpunan agama, perarakan pengebumian, perhimpunan yang berkaitan dengan adat, dan perhimpunan yang diluluskan oleh Menteri, dikaji semula. Peruntukan-peruntukan tersebut seharusnya tidak terlalu menyekat hak setiap kanak-kanak untuk berhimpun secara

aman bagi menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap apa-apa isu atau perkara yang boleh memberi kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap diri mereka, selaras dengan hak semua rakyat untuk berhimpun secara aman tanpa senjata di bawah Perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kebebasan berhimpun secara aman dan tanpa senjata diperuntukkan menurut Perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan ("PP"). Namun Perkara 10(2) PP memperuntukkan bahawa Parlimen boleh melalui undang-undang menyekat kebebasan ini demi kepentingan keselamatan atau ketenteraman awam. Maksud 'ketenteraman awam' telah dinyatakan di dalam kes *Re Tan Boon Liat (1976) 2 MLJ 83*.

Memandangkan hal-hal berkaitan dengan keselamatan Persekutuan atau ketenteraman awam adalah perkara yang terletak di bawah Jadual Kesembilan, Senarai Persekutuan PP, Akta 736 telah digubal bagi membenarkan warganegara Malaysia untuk menganjurkan perhimpunan atau menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata tertakluk kepada perkara-perkara yang diperuntukkan menurut Jadual Kedua Akta 736. Sekatan tersebut adalah selaras dengan Artikel 15(1) dan 15(2) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak/ Convention on the Rights of the Child (CRC).

Berhubung larangan penglibatan kanak-kanak di dalam perhimpunan awam, ini adalah bagi menjamin keselamatan kanak-kanak tersebut memandangkan keadaan perhimpunan boleh mengakibatkan kecederaan, masalah kesihatan, mengelakkan daripada terjadinya kejadian penculikan dan perkara-perkara lain daripada berlaku. Keadaan boleh menjadi lebih serius apabila sesuatu perhimpunan bertukar menjadi rusuhan.

Ini adalah selaras dengan Artikel 3 CRC yang menggariskan bahawa kepentingan terbaik kanak-kanak (best interest of the child) merupakan perkara utama yang perlu dititikberatkan oleh Kerajaan dalam membuat keputusan dari segi pentadbiran dan perundangan.

(c) Kebebasan Bersuara

Suruhanjaya menekankan bahawa kebebasan bersuara adalah penting dalam masyarakat dan hak setiap rakyat kepada kebebasan bercakap dan bersuara di bawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan tidak sewajarnya disekat. Sebarang sekatan mesti memberi tumpuan kepada agenda atau objektif ucapan tersebut. Walau bagaimanapun, kebebasan bercakap dan bersuara tidak boleh dibuat dalam bentuk ucapan kebencian sepertimana yang telah ditakrifkan di bawah Perkara 20(2) ICCPR sebagai penyuaan sokongan terhadap kebencian kepada negara, bangsa, atau agama yang terjumlah kepada hasutan ke arah diskriminasi, permusuhan, atau keganasan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Hak asasi dalam konteks hak kepada kebebasan bercakap dan bersuara adalah diperuntukkan menurut Perkara 10 PP. Namun ia tidak bersifat mutlak dan tertakluk kepada sekatan-sekatan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Perkara 10(2) PP. Dalam hal ini, undang-undang telah digubal bagi menghadkan kebebasan tersebut dan Mahkamah telah membuat keputusan sewajarnya berhubung dengan sekatan yang digubal melalui Akta-Akta itu.

Malaysia bukan negara pihak kepada *International Covenant on Civil and Political Rights* (“ICCPR”), namun didapati penganan sekatan atas sebab-sebab yang diperuntukkan dalam Perkara 10 PP adalah selaras dengan sekatan-sekatan yang dibenarkan di bawah peruntukan ICCPR khususnya Artikel 19(3) dan 20(2) ICCPR.

Selain daripada peruntukan di bawah ICCPR tersebut, Artikel 29(2) *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) juga menggariskan prinsip mengenai hak dan kebebasan seseorang hendaklah tertakluk kepada sekatan yang diperuntukkan oleh undang-undang seperti berikut :

“In the exercise of his rights and freedoms, everyone shall be subject only to such limitations as are determined by law solely for the purpose of securing due recognition and respect for the rights and freedoms of others and of meeting the just requirements of morality, public order and the general welfare in a democratic society.”

Namun demikian, UDHR hanyalah merupakan satu dokumen politik yang mengandungi prinsip-prinsip sejagat mengenai hak asasi manusia dan tidak mengikat di sisi undang-undang antarabangsa sepertimana yang telah diputuskan dalam beberapa kes di Malaysia antaranya *Merdeka University Berhad v Government of Malaysia* [1981] 2 MLJ 356 dan *Mohd Ezam v Inspector General of Police* [2002] 4 CLJ 309.

Tiada sebarang sekatan ke atas kebebasan bercakap di bawah mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Di dalam negara yang mempunyai pelbagai kaum dan mengamalkan pelbagai agama, adalah penting kebebasan bersuara tersebut mempunyai had agar ianya tidak menyentuh sensitiviti perkara-perkara sensitif di dalam Negara termasuk isu berkaitan bangsa dan agama. Akta Hasutan 1948 dengan jelas hanya mengawal keadaan-keadaan tersebut dan ia selaras dengan Artikel 20(2) ICCPR.

(d) Kepercayaan Dan Keyakinan Orang Ramai

Suruhanjaya mendapati bahawa semasa perhimpunan dijalankan, banyak kedai di sekitar kawasan perhimpunan masih dibuka sepanjang tempoh perhimpunan berlangsung dan banyak pelancong juga dilihat berada di kalangan peserta perhimpunan. Ini menunjukkan bahawa orang ramai yakin terhadap tugas penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa, dan terhadap disiplin yang tinggi di kalangan peserta perhimpunan. Oleh itu, adalah disyorkan supaya pihak penguatkuasa undang-undang memastikan yang langkah-langkah sewajarnya diambil dalam mana-mana perhimpunan aman untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai, dan supaya mereka bertindak sebagai pemudah cara dalam mana-mana perhimpunan yang dijalankan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pihak berkuasa sentiasa komited untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam berada di tahap tertinggi. Kesiapsiagaan pihak PDRM untuk mengatasi sebarang ancaman yang boleh mengganggu gugat ketenteraman awam sentiasa diberikan keutamaan. Walau bagaimanapun, tanggungjawab pihak penganjur dalam memastikan perhimpunan terkawal dan tidak menjurus kepada rusuhan perlu juga diambil kira. PDRM bertindak mengikut semua peruntukan undang-undang yang ada dalam negara. Kepentingan orang ramai dari segi aspek keselamatan dan keamanan sentiasa diambil perhatian oleh pihak PDRM.

(e) Garis Panduan Larangan

Suruhanjaya menekankan pendiriannya bahawa melalui PAA, semua rakyat Malaysia mempunyai hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata, termasuk penjawat awam, pelajar universiti, ahli akademik, dan guru-guru, dan ia merupakan pelanggaran kepada Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan sekiranya hak kepada kebebasan berhimpun secara aman disekat melalui pekelling atau arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan, Universiti dan/atau Jabatan Kerajaan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Hak kebebasan berhimpun menurut Perkara 10 PP adalah tidak mutlak. Oleh itu, apa-apa larangan/sekatan yang dikenakan menurut undang-undang adalah sah selagi mana ia tidak bercanggah dengan PP.

Dalam hal ini, sekiranya garis panduan/arahan dalaman bagi larangan berhimpun dikeluarkan kepada mana-mana penjawat awam (termasuk guru), pelajar universiti dan ahli akademik adalah lanjutan daripada pematuhan peruntukan undang-undang, maka individu-individu yang terlibat itu adalah terikat dalam mematuhi garis panduan/arahan yang berkenaan.

Akta 736 tidak menyekat penjawat awam, pelajar universiti, ahli akademik dan guru-guru daripada menyertai sebarang perhimpunan. Walau bagaimanapun, bagi penjawat awam, ahli akademik dan guru-guru, mereka perlu mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan untuk menyertai sebarang perhimpunan kerana tertakluk kepada Perkara vii Surat Aku Janji yang menyatakan bahawa penjawat awam tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.

Hak kebebasan bersuara termasuk bagi penjawat awam dijamin di bawah Perkara 10(1) (a) Perlembagaan Persekutuan. Namun, di dalam konteks Perkhidmatan Awam, pegawai awam juga adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U(A)395/1993].

Peraturan 19 P.U(A)395/1993 secara khusus melarang penjawat awam untuk membuat sebarang pernyataan awam sama ada secara lisan, bertulis atau apa jua cara lain –

- (a) yang boleh memudaratkan dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
- (b) yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan;
- (c) membuat ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
- (d) mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

Pegawai awam berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Namun, dari semasa ke semasa, larangan dikeluarkan kepada pegawai awam supaya tidak menyertai sebarang bentuk perhimpunan haram. Tindakan menyertai perhimpunan haram atau apa-apa gerakan yang mengganggu ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara jelas bertentangan dengan tatakelakuan pegawai awam yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) Peraturan 4(1) pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setia kepada YDP Agong, negara dan Kerajaan;
- (b) Peraturan 4(2)(a), (b) dan (c) pegawai tidak boleh membelakangkan tugas awam atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa mereka telah membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awamnya sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai pegawai awam; dan
- (c) Peraturan 21(1) dan (2) larangan pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan & Professional daripada aktif berpolitik kecuali Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 hingga DG48 yang telah mendapatkan kebenaran daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan.

Berhubung isu kebebasan berhimpun bagi pelajar, pelajar adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30]. Secara am, Akta 30 adalah suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi menubuhkan, menyelenggara dan mentadbirkan Universiti dan Kolej Universiti dan bagi perkara lain yang berkenaan dengannya.

Seksyen 15(1) Akta 30, memperuntukkan kebenaran kepada pelajar untuk menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, termasuk mana-mana parti politik tertakluk kepada Seksyen 15(2) Akta 30 iaitu seseorang pelajar Universiti tidak boleh –

- (a) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang bukannya suatu parti politik, yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan kesentosaan pelajar atau Universiti itu; atau
- (c) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam Kampus.

Seksyen 15D Akta 30 menggariskan kuasa Universiti untuk mengenakan tindakan penggantungan dan tatatertib kepada pelajar jika pelajar itu dipertuduh atau telah disabitkan atas suatu kesalahan boleh daftar. Seksyen 15D menyatakan seperti yang berikut:

- (1) Jika seseorang pelajar Universiti dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar—
 - (a) dia boleh, mengikut budi bicara Naib Canselor, digantung daripada menjadi seorang pelajar;
 - (b) jika digantung sedemikian, dia tidak boleh semasa prosiding jenayah belum selesai, berada dalam atau memasuki Kampus; dan
 - (c) Jika seseorang pelajar Universiti yang dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar di bawah subseksyen (1) disabitkan atas kesalahan itu, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

- (2) Jika seseorang pelajar Universiti yang dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar di bawah subseksyen (1) disabitkan atas kesalahan itu, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- (3) Jika seseorang pelajar Universiti ditahan atau tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Selanjutnya, semasa menghadiri sebarang perhimpunan pelajar juga adalah tertakluk kepada kehendak undang-undang sedia ada berkuat kuasa antaranya seperti Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) dan Kanun Keseksaan. Sehubungan itu, mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang sedia ada berkuat kuasa wajar dikenakan tindakan tatatertib oleh Universiti masing-masing selaras dengan peruntukan di bawah Akta 30 serta peraturan sedia ada Universiti yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan tatacara dan prosedur tatatertib di Universiti masing-masing.

Hak dan kebebasan seorang seorang pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib adalah masih terjamin kerana beliau masih mempunyai hak-hak antaranya untuk diwakili, mengemukakan representasi dan mengemukakan rayuan di bawah Seksyen 16B seperti yang berikut:

- (3A) Naib cancellor, atau timbalan naib cancellor, pekerja atau jawatankuasa pekerja yang diwakilkan dengan fungsi, kuasa atau kewajipan dibawah subseksyen (3), hendaklah memaklumkan pelajar itu secara bertulis alasan bagi tindakan tatatertib yang dicadangkan diambil terhadapnya dan hendaklah memberikannya peluang yang munasabah untuk didengar.
 - (3B) Seseorang pelajar Universiti hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang pekerja atau pelajar lain Universiti itu dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.
 - (3C) Seseorang pelajar Universiti hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis atau lisan dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.
 - (3D) Keputusan Naib Cancellor, Timbalan Naib Cancellor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadap seseorang pelajar Universiti hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu.
- (4) Mana-mana pelajar Universiti yang tidak berpuas hati dengan keputusan Naib Cancellor, Timbalan Naib Cancellor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah subseksyen (3D) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan keputusan itu, mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (5).

(f) Tangkapan Sebelum Dan Selepas Perhimpunan

Suruhanjaya mengesyorkan agar tangkapan mana-mana individu berkaitan sesuatu perhimpunan aman sebelum dan selepas perhimpunan tersebut haruslah munasabah, dan kesalahan yang telah dilakukan serta sebab-sebab tangkapan hendaklah dinyatakan dengan jelas. Di dalam hal ini, Suruhanjaya mengekalkan pendiriannya bahawa sebarang penahanan tidak boleh dilakukan tanpa pengawasan kehakiman.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui PDRM mengambil tindakan dalam sesuatu perhimpunan dengan mengikut semua peruntukan undang-undang yang ada dalam negara. Penglibatan mahkamah boleh membawa kepada isu berat sebelah atau “bias”.

(g) Kawalan Perhimpunan

Walaupun Polis berjaya memastikan tiada pertembungan antara kumpulan-kumpulan saingan, dan perhimpunan berlaku secara aman, namun penahanan individu sebelum, semasa, dan selepas perhimpunan dan juga sekatan jalan secara besar-besaran di Kuala Lumpur pada hari tersebut dilihat sebagai satu percubaan untuk menggagalkan perhimpunan aman. Tindakan tersebut juga memberi kesan kepada anggota Polis yang bertugas kerana mereka perlu menjaga sekatan-sekatan tersebut untuk tempoh yang lama dalam keadaan yang panas, dan perkara itu telah diketengahkan oleh Suruhanjaya dalam siasatan awam terdahulu sebagai salah satu faktor yang mencetuskan tindak balas melampau oleh anggota Polis kepada peserta perhimpunan. Di dalam hal ini, adalah disyorkan agar pihak Polis menjalankan peranan sebagai pemudah cara dan bukannya penyekat dalam menangani perhimpunan aman.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di bawah subseksyen 3(3) Akta Polis 1967, tertakluk kepada Akta ini pasukan hendaklah diguna khidmat di dalam dan di seluruh Malaysia (termasuk perairan wilayahnya) bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.

Sehubungan itu, PDRM mempunyai kuasa untuk menyurui atau menahan mana-mana individu sebelum, semasa dan selepas perhimpunan bagi mengelakkan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Anggota PDRM sentiasa dilatih supaya mempunyai daya ketahanan yang tinggi terhadap apa jua faktor sekeliling dan sentiasa bersikap profesional dalam apa jua keadaan untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara.

5. LAWATAN KE TEMPAT-TEMPAT TAHANAN

Pada tahun ini, Suruhanjaya telah menjalankan 26 lawatan ke tempat-tempat tahanan, iaitu sembilan lawatan berkala dan 17 lawatan kes aduan. Penambahbaikan sesebuah tempat tahanan bukanlah semata-mata tanggungjawab pihak berkuasa yang menjaga tempat-tempat tahanan tersebut, sebaliknya Suruhanjaya berpendapat bahawa Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan lain juga perlu menjalankan peranan mereka. Sebagai contoh, kekurangan peruntukan belanjawan dan ketiadaan pegawai perubatan

telah menyebabkan keperluan asas dan rawatan perubatan tidak dapat dibekalkan kepada tahanan semasa penahanan mereka. Oleh itu, Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesihatan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa pihak berkuasa yang menjaga tempat tahanan disediakan dengan peruntukan kewangan dan penempatan pegawai perubatan yang mencukupi. Pemerhatian berikut dibuat berdasarkan lawatan berkala Suruhanjaya dan ia juga merangkumi beberapa pemerhatian yang dibuat semasa lawatan untuk siasatan. Walaupun pemerhatian ini dibuat berkaitan dengan tempat lawatan yang dinyatakan, Suruhanjaya percaya bahawa isu ini juga mungkin wujud di tempat-tempat tahanan yang lain.

(a) Populasi Di Penjara Dan Pusat Tahanan Imigresen

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah melawat dua buah penjara iaitu Penjara Sungai Buloh dan Penjara Sungai Udang. Pada hari lawatan, Penjara Sungai Buloh sedang menempatkan 5,209 orang banduan, melebihi kapasitinya yang diwartakan iaitu 3,000 orang, dengan kadar lebih daripada 50%. Sementara itu, bagi Penjara Sungai Udang, pada hari lawatan terdapat seramai 2,898 banduan, di bawah kapasitinya yang diwartakan iaitu 3,000 orang penghuni. Semasa lawatan Suruhanjaya ke Penjara Pengkalan Chepa pada 21 September untuk menyiasat aduan kematian dalam tahanan, penjara tersebut menempatkan seramai 2,500 banduan, melebihi kapasitinya diwartakan iaitu 1,500 orang penghuni. Walaupun Suruhanjaya bimbang dengan kesesakan yang dihadapi oleh Penjara Sungai Buloh, ia juga mengambil maklum bahawa penjara tersebut menempatkan dua kategori penghuni iaitu banduan reman atau dalam perbicaraan, dan banduan sabitan. Kesesakan diperhatikan berlaku di bahagian reman kerana populasi banduan reman sentiasa berubah berdasarkan kekerapan kes yang didengari dan diselesaikan oleh mahkamah.

Lawatan Suruhanjaya ke sebilangan lokap Polis mendapati bahawa kebanyakan lokap tidak digunakan sepenuhnya, atau tidak digunakan langsung di kawasan yang mempunyai lokap berpusat. Adalah diperhatikan juga bahawa di kawasan yang tiada lokap berpusat, amalan sekarang ialah untuk menahan suspek di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah dan bukannya di lokap-lokap balai polis. Suruhanjaya difahamkan bahawa tindakan ini diambil kerana keadaan sel-sel di balai-balai Polis adalah usang, dan maklumat ini didapati benar berdasarkan pemerhatian Suruhanjaya. Berhubung dengan pusat-pusat tahanan Imigresen, semasa lawatan ke Pusat Tahanan Imigresen Pekan Nenas, Suruhanjaya mendapati bahawa jumlah tahanan ialah seramai 1,023 orang, iaitu di bawah kapasitinya yang diwartakan iaitu 1,500 orang. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya dimaklumkan bahawa pada waktu-waktu tertentu jumlah tahanan adalah melebihi kapasiti terutamanya semasa Kerajaan menjalankan serbuan terhadap migran tanpa dokumen.

Kesesakan di mana-mana tempat tahanan akan membawa kepada keadaan hidup yang tidak tertahan, yang tidak menghiraukan maruah asasi seseorang tahanan sebagai manusia. Kesesakan bukan sahaja menyebabkan ruang tempat tinggal yang terhad dan tidak mencukupi tetapi turut memberi kesan kepada kualiti nutrisi, kebersihan, aktiviti penghuni, dan juga kesihatan mental serta fizikal mereka. Pejabat PBB Berkenaan Jenayah Dan Dadah (UNODC) telah menerbitkan sebuah buku panduan tentang strategi-strategi untuk mengurangkan kesesakan di penjara. Satu cadangan yang signifikan ialah untuk memperkenalkan alternatif kepada pemenjaraan dengan memasukkan langkah-langkah dan arahan yang bukan berbentuk penahanan di dalam undang-undang dan peraturan, seterusnya membolehkan mahkamah menggunakan budi bicaranya. Di samping itu, adalah dicadangkan agar pihak Polis dan pendakwa raya diberikan budi bicara untuk membawa kes-kes kecil dan tanpa keganasan keluar daripada sistem pengadilan jenayah.

Walaupun Suruhanjaya mendapati bahawa cadangan di atas adalah wajar dan boleh diterima, Suruhanjaya sedar bahawa cadangan tersebut perlu dipertimbangkan dan dinilai secara berhati-hati untuk memastikan ia boleh diguna pakai di dalam sistem perundangan Malaysia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan mengambil tindakan yang berterusan bagi menangani isu berkaitan kapasiti dan masalah kesesakan penjara. Berhubung dengan masalah kesesakan di Penjara Sungai Buloh, berikut adalah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia:

- (i) sehingga bulan Mei 2017, seramai 471 banduan sabitan telah dipindahkan ke penjara lain ke Penjara Kluang, Penjara Sg. Udang, Penjara Pokok Sena, Penjara Taiping dan Penjara Bentong;
- (ii) memindahkan seramai 101 banduan reman dari mahkamah di negeri Sembilan ke Penjara Sungai Udang;
- (iii) mengadakan perbincangan antara Pengarah Penjara Negeri Selangor dan Penjara Sungai Buloh bersama Pengarah Mahkamah Negeri Sembilan supaya banduan reman dihantar terus ke Penjara Sungai Udang;
- (iv) mengadakan perbincangan bersama dengan Pengarah Mahkamah Kuala Lumpur dan Negeri Selangor supaya banduan yang disabitkan hukuman dihantar terus ke Penjara Kajang sebelum dipindahkan mengikut transisi yang ditetapkan;
- (v) memindahkan seramai 557 banduan sabitan dari Penjara Sungai Buloh ke penjara lain;
- (vi) mengenal pasti banduan reman yang ingin mengaku salah agar perbicaraan dapat dipercepatkan;
- (vii) memindahkan sebahagian banduan reman dari Mahkamah Kuala Lumpur dan Selangor ke Penjara Sungai Udang; dan
- (viii) mengadakan mesyuarat khas telah diadakan bagi mengatasi isu kesesakan banduan.

Berhubung dengan masalah populasi di lokap PDRM, kebanyakan orang tahanan ditempatkan di dalam lokap IPD disebabkan oleh Pegawai Penyiasat Jenayah berada di IPD untuk memudahkan pengurusan siasatan, keselamatan orang tahanan dan menjimatkan kos seperti kos pengangkutan serta menjimatkan penggunaan tenaga anggota yang bertugas.

Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap depot tahanan tidak melebihi kapasiti dan sentiasa melaksanakan tindakan pengusiran (deportation). Selain itu, setiap kesalahan akan disiasat oleh pihak PDRM dan mengambil tindakan mengikut prosedur undang-undang yang berkuat kuasa.

Kerajaan mengambil maklum cadangan Suruhanjaya agar pihak polis dan pendakwa raya diberikan budi bicara untuk mengkaji dengan lebih mendalam bagi memastikan budi bicara Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan adalah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan tidak terjejas.

Berhubung dengan syor SUHAKAM supaya memperkenalkan alternatif kepada pemenjaraan, pada masa ini peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 [Akta 461] yang memberi kuasa kepada Mahkamah untuk mengenakan hukuman selain daripada hukuman pemenjaraan adalah terpakai.

(b) Kebersihan Diri

Peraturan Minimum Standard Bagi Layanan Terhadap Tahanan (Peraturan Nelson Mandela) memerlukan pihak berkuasa yang menahan supaya memastikan semua orang di bawah tahanan mereka dibekalkan dengan air dan alat-alatan tandas yang perlu untuk kesihatan dan kebersihan. Banduan di Penjara Sungai Udang dibekalkan dengan alatan kebersihan sekali sahaja ketika kemasukan. Begitu juga yang diamalkan di Pusat Tahanan Imigresen Pekan Nenas. Selepas kemasukan, penghuni perlu membeli sendiri alatan mandian. Suruhanjaya juga memerhatikan bahawa sebahagian lokap Polis turut mengambil inisiatif untuk memastikan keperluan mandian asas disediakan kepada tahanan walaupun ada aduan bahawa ia tidak mencukupi.

Suruhanjaya mendapati bahawa dari masa ke semasa terdapat gangguan bekalan air di tingkat atas bangunan penjara di Penjara Sungai Udang. Air adalah perlu untuk memastikan kebersihan banduan dan dengan itu Suruhanjaya menggesa pihak berkuasa yang berkenaan, termasuklah agensi yang bertanggungjawab, untuk bekerjasama bagi memastikan bekalan air yang mencukupi di kawasan tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan tahanan-tahanan di penjara, depot tahanan dan lokap serta sentiasa mengambil langkah penambahbaikan yang sewajarnya dengan menyediakan peruntukan belanjawan tahunan. Sebagai contoh Kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia telah membuat penambahbaikan kepada Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (PTKJP) F2/029 – Barang-Barang Banduan / Tahanan / Penghuni di Seluruh Institusi Jabatan Penjara Malaysia. Perintah ini menjelaskan tentang penyeragaman agihan keperluan asas yang perlu disediakan kepada banduan / tahanan / penghuni di seluruh institusi di bawah pentadbiran Jabatan Penjara.

(c) Pakaian Dan Tempat Tidur

Tidak seperti di pusat-pusat tahanan Imigresen, mereka yang ditahan di penjara dan lokap Polis dibekalkan dengan pakaian oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah mendapati bahawa terdapat juga tahanan di lokap Polis yang tidak berpakaian dengan sesuai, dan ada juga yang hanya memakai seluar dalam.

Berkenaan dengan tempat tidur, Suruhanjaya memerhatikan bahawa penghuni di Penjara Sungai Buloh dan Pusat Tahanan Pekan Nenas dibekalkan dengan tilam untuk tidur. Sebaliknya, Suruhanjaya mendapati bahawa mereka yang ditahan di Penjara Sungai Udang dan lokap-lokap Polis tidak diberikan tilam, kecuali dalam kes-kes yang melibatkan kesihatan di mana terdapat syor daripada pegawai perubatan. Pihak Polis, dalam menjelaskan sebab-sebab penafian kemudahan tersebut kepada orang tahanan, mengatakan bahawa ia adalah perlu untuk mengelakkan tindakan bunuh diri oleh tahanan. Sungguhpun ada kekhawatiran tersebut, Suruhanjaya ingin merujuk kepada Peraturan 13 Kaedah-kaedah Lokap 195334 yang mewajibkan pihak Polis membekalkan tilam kepada tahanan.

Berkenaan isu kecenderungan untuk membunuh diri, Suruhanjaya berpandangan bahawa sebagai tambahan kepada prosedur penerimaan dan pendaftaran yang sedia ada, penilaian awal risiko patut dijalankan apabila suspek dibawa ke lokap Polis. Bahkan, prosedur yang dicadangkan ini wajar terpakai di semua tempat-tempat tahanan.

Berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat, ketidakupayaan pihak berkuasa untuk menyediakan keperluan-keperluan asas seperti alatan mandian dan tilam adalah disebabkan oleh kekurangan peruntukan kewangan. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa terdapat penjara yang menyediakan hanya sepasang pakaian sahaja kepada banduan sepanjang tempoh penahanan. Oleh itu, adalah tidak mengejutkan apabila didapati bahawa penyakit kulit merebak secara berleluasa di penjara.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui semua jabatan terlibat sentiasa memastikan keperluan asas seperti pakaian dan tempat tidur tahanan-tahanan di penjara, depot tahanan dan lokap adalah mencukupi dan lengkap. Walau bagaimanapun, ada di antara tahanan tidak dibekalkan pakaian atas faktor keselamatan dan kesihatan selepas penilaian sewajarnya dibuat oleh pakar. Pada masa yang sama, usaha-usaha penambahbaikan sentiasa dilaksanakan selaras dengan peraturan dan arahan dalaman dari masa ke semasa.

(d) Makanan

Peraturan 22(1) Peraturan Nelson Mandela memerlukan pihak berkuasa memastikan setiap banduan disediakan dengan makanan dengan nutrisi yang mencukupi untuk kesihatan dan daya tahan badan. Selain itu, Peraturan Penjara menetapkan bahawa makanan untuk banduan haruslah mematuhi diet pemakanan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Berasaskan prinsip di atas, Suruhanjaya memerhatikan bahawa di Penjara Sungai Udang, makanan yang disediakan adalah tidak mencukupi dan kekurangan nutrisi. Selanjutnya, makanan tersebut disediakan di dalam bekas makanan yang tidak dibersihkan dengan sempurna. Begitu juga, makanan yang disediakan di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Utara adalah sedikit dan tidak mencukupi.

Sementara itu, di Depot Tahanan Pekan Nenas, walaupun tiada masalah dari segi makanan, namun Suruhanjaya mendapati kakitangan di dapur tidak memakai apron, sarung tangan dan/atau penutup kepala semasa menyediakan makanan, sekaligus melanggar standard keselamatan makanan antarabangsa.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia komited untuk menyediakan makanan yang cukup dan memenuhi keperluan nutrisi harian banduan selaras dengan Cadangan Skala Diet Dan Menu untuk Banduan/Tahanan/Juvana Jabatan Penjara Malaysia, Pindaan 2014 Dan Saranan Menu Makanan Bermasak bagi Kontrak-Kontrak Di Bawah KDN yang telah dikeluarkan oleh KKM. Selain itu, Kerajaan juga memastikan syarikat penyedia makanan yang dilantik sentiasa mematuhi kontrak perjanjian pembekalan makanan sepertimana yang telah dipersetujui.

(e) Akses Kepada Air Minuman

Suruhanjaya memerhatikan bahawa bekalan air minuman kepada banduan di Penjara Sungai Udang adalah terhad, di mana mereka dibekalkan dengan air minuman hanya semasa waktu makan. Suruhanjaya juga mengamati bahawa tahanan di Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru menggunakan beg plastik untuk menyimpan bekalan air minuman mereka. Dalam hal ini, Suruhanjaya menegaskan bahawa Peraturan Nelson Mandela telah menjelaskan bahawa air minuman mencukupi hendaklah disediakan untuk setiap banduan bila mana diperlukannya (Artikel 20(2)).

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan projek pembekalan air minuman bersih menggunakan mesin penapis air kepada banduan semenjak tahun 2012. Untuk tempoh jangka panjang, Kerajaan merancang untuk meluaskan penggunaan mesin penapis sama ada secara sewa beli atau perolehan aset harta modal.

Kerajaan melalui PDRM juga menyediakan makanan dan minuman secara bungkusan tanpa menjejaskan keselamatan orang tahanan. Kerajaan juga dari semasa ke semasa akan menambahbaik penyediaan makanan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

(f) Persekitaran Bangunan

Daripada lawatan ke pusat tahanan Imigresen, Suruhanjaya telah mengambil maklum berkenaan keadaan usang Pusat Tahanan Imigresen Pekan Nenas dan Pusat Tahanan Imigresen Juru. Jabatan Kerja Raya telah mengesahkan bahawa tiga blok Pusat Tahanan Imigresen Pekan Nenas, iaitu blok wanita, mahkamah, dan kuarters kakitangan adalah tidak sesuai dan tidak selamat untuk didiami manakala bahagian atas dua blok lelaki di Pusat Tahanan Imigresen Juru juga tidak sesuai dan tidak selamat untuk didiami. Keadaan bangunan di pusat tahanan yang tidak sesuai dan tidak selamat ini bukan sahaja akan mendatangkan kesan kesihatan dan keselamatan kepada tahanan semata-mata, tetapi kepada orang awam secara amnya. Di samping itu, penyeliaan bangunan berkenaan juga akan memakan kos tambahan dan ini mungkin tidak praktikal memandangkan wujudnya rancangan untuk menggantikan pusat tahanan Imigresen tersebut, dan rancangan ini seharusnya disegerakan dan diberikan keutamaan.

Berkenaan dengan lokap Polis pula, Suruhanjaya mengambil maklum betapa pentingnya memastikan bahawa sistem kamera litar tertutup (CCTV) yang telah dipasang berfungsi dengan baik. Persekitaran bangunan di Penjara Sungai Udang, iaitu salah sebuah penjara yang baru dibina, adalah memuaskan dan di dalam keadaan yang baik. Suruhanjaya memerhatikan bahawa penjara ini mempunyai pencahayaan semulajadi yang memadai dan pengudaraan yang baik, selari dengan peruntukan di bawah Peraturan Nelson Mandela.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia akan membina satu depot tahanan di Jawi, Pulau Pinang. Projek pembangunan depot tahanan ini dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun. Selain itu, Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia juga akan berusaha untuk memastikan blok-blok di Depot Tahanan Imigresen Pekan Nenas selamat dan sesuai untuk diduduki.

Kerajaan melalui PDRM telah memasang CCTV di lokap-lokap polis di IPD-IPD dan sentiasa diselenggara dari masa ke semasa untuk memantau orang tahanan dan juga penyeliaan anggota polis yang bertugas.

(g) Penjagaan Kesihatan

Mengimbas semula syor-syor Suruhanjaya di dalam laporan tahunan yang lepas berhubung isu kesihatan, didapati bahawa telah terdapat kemajuan yang beransur-ansur dan berterusan dalam usaha pihak berkuasa untuk memastikan setiap banduan menerima penjagaan kesihatan pada taraf yang sama dengan perkhidmatan yang disediakan di dalam komuniti awam, tanpa sebarang diskriminasi berdasarkan status perundangan mereka.

Pada masa ini, ada pegawai perubatan yang ditempatkan di beberapa buah penjara di Malaysia. Suruhanjaya memerhatikan bahawa di Penjara Sungai Udang, terdapat dua orang pegawai perubatan, seorang lelaki dan seorang wanita, untuk memberi khidmat kesihatan kepada banduan. Begitu juga di Penjara Sungai Buloh dan Penjara Pengkalan Chepa dimana Suruhanjaya mendapati adanya pegawai perubatan. Walaupun terdapat kekurangan dalam peralatan perubatan yang diperlukan, kehadiran pegawai perubatan ini adalah selari dengan Peraturan 24 Peraturan Nelson Mandela. Suruhanjaya juga mengambil maklum bahawa banduan yang menghidapi penyakit berjangkit di dalam penjara, seperti HIV/AIDS, jangkitan kulit (kurap, tinea, dan kudis buta), tuberkulosis, leptospirosis dan lain-lain penyakit berjangkit, telah ditempatkan di dalam sel asing. Semasa mesyuarat bersama Jabatan Penjara Malaysia pada 22 Disember, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa terdapat tiga cabaran yang dihadapi oleh Penjara untuk menangani isu masalah kesihatan di penjara iaitu: kesesakan di penjara sehingga meningkatkan risiko penularan penyakit berjangkit; ketiadaan pegawai perubatan yang tetap di sesetengah penjara; dan kekurangan peralatan perubatan di klinik penjara. Suruhanjaya juga dimaklumkan bahawa Penjara telah membentangkan cadangan mereka kepada Kerajaan iaitu bagi mewujudkan satu 'medical wing' di penjara, tetapi cadangan tersebut masih belum mendapat kelulusan Kerajaan.

Sementara itu, di pusat tahanan Imigresen, dengan ketiadaan pegawai perubatan, pembantu perubatan telah ditempatkan di pusat tahanan sebagai ganti. Bagi kes yang lebih serius, tahanan akan dirujuk ke klinik atau hospital Kerajaan yang berdekatan. Selari dengan Kaedah-kaedah Lokap 1953, Suruhanjaya menekankan kepentingan menjalankan saringan kesihatan fizikal dan mental bagi semua individu sebelum mereka ditempatkan di lokap. KDN dan Kementerian Kesihatan Malaysia harus membantu pihak Polis dengan memastikan jumlah pegawai perubatan yang mencukupi disediakan bagi tujuan ini. Ini adalah penting untuk membolehkan pihak Polis mengenalpasti apa-apa langkah khas yang perlu diambil, bukan sahaja untuk memastikan keselamatan orang tahanan, tetapi juga supaya anggota Polis boleh melindungi diri mereka daripada penularan penyakit berjangkit dan juga kemungkinan serangan oleh orang tahanan yang agresif terutamanya mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KDN telah mengambil inisiatif dengan mengadakan naziran untuk mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilakukan di setiap tempat tahanan. Selain itu, bagi isu mengenai penempatan pegawai perubatan yang mencukupi, pengisian perjawatan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia telah dilaksanakan secara berterusan. Pegawai Perubatan gantian juga akan dihantar ke penjara yang tidak mempunyai Pegawai Perubatan tetap.

Kerajaan melalui semua jabatan terlibat sentiasa berusaha untuk menangani isu berkaitan risiko penularan penyakit berjangkit, kekurangan pegawai perubatan yang tetap serta dan kekurangan peralatan perubatan di semua pusat tahanan. Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah mengisi semua perjawatan bagi pembantu perubatan gred U29/U32 di depot-depot tahanan. Selain itu, Jabatan Imigresen Malaysia juga sedang menyediakan Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Berkenaan Prosedur Pentadbiran Dan Pengurusan Depot Imigresen yang merangkumi penugasan dan kaedah pengurusan kesihatan orang yang ditahan bermula daripada proses kemasukan mereka ke depot tahanan.

Bagi meningkatkan kualiti pengurusan kesihatan, Kerajaan melalui KKM juga telah mengenal pasti klinik kesihatan dan hospital Kerajaan yang berhampiran dengan Depot Tahanan Sementara (DTS) sebagai pusat rujukan untuk tujuan perkhidmatan kesihatan OKT. Bagi perancangan jangka panjang, satu modul latihan berkaitan *Custodial Medicine in Primary Health Care* bagi anggota kesihatan sedang dibangunkan untuk mewujudkan kepakaran dalam bidang *Custodial Medicine*.

Secara keseluruhan bagi isu di tempat tahanan, Kerajaan turut menyediakan sejumlah batas perbelanjaan setiap tahun untuk diagih-agihkan mengikut program-program dan aktiviti Jabatan berkaitan. Kementerian Kewangan akan berbincang dengan Jabatan Penjara, JIM dan PDRM bagi menambahbaik perkhidmatan di penjara, pusat tahanan Imigresen dan lokap polis.

Jabatan Penjara juga telah diluluskan perjawatan pegawai perubatan kesihatan dan pegawai perubatan pergigian di dalam Penjara bagi merawat penyakit yang dihadapi oleh banduan-banduan.

Peralatan dan kelengkapan perubatan serta ubat-ubatan telah disediakan secukupnya untuk merawat banduan-banduan yang sakit di Penjara. Penjara juga telah disediakan klinik serta wad khas bagi banduan-banduan yang menerima rawatan. Mulai tahun 2017, masalah ini dapat dikurangkan secara beransur-ansur dengan adanya kemudahan tersebut.

(h) Penyeludupan Bahan Larangan

Suruhanjaya mendapati bahawa aktiviti penyeludupan bahan larangan seperti dadah di dalam pusat tahanan merupakan masalah yang serius. Ianya merupakan perniagaan haram yang menguntungkan yang berlaku di tempat tahanan. Semasa lawatan Suruhanjaya ke Penjara Sungai Buloh, pegawai perubatan yang bertugas di penjara memaklumkan kepada Suruhanjaya bahawa penyeludupan dadah di penjara telah menyebabkan program pemulihan dadah di penjara gagal.

Semasa lawatan Suruhanjaya ke Penjara Alor Setar, banduan dan kakitangan penjara yang telah ditemubual mendedahkan kepada Suruhanjaya bahawa terdapat kakitangan penjara yang terlibat dengan kegiatan penyeludupan dadah. Suruhanjaya mengambil maklum mengenai langkah yang telah diambil oleh Penjara untuk menangani kegiatan penyeludupan dadah, tetapi aktiviti tersebut masih berlarutan. Oleh yang demikian, Suruhanjaya mengesyorkan supaya usaha bersepadu melibatkan pihak Penjara dan agensi lain seperti PDRM dan SPRM mesti dijalankan bersama untuk membasmi kegiatan penyeludupan barang larangan ke dalam tempat tahanan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan turut memandang serius kesalahan jenayah rasuah berhubung dengan penyeludupan bahan larangan dalam pusat tahanan. Kerajaan melalui SPRM amat komited dalam menguatkuasakan undang-undang pencegahan rasuah dengan mengambil tindakan ke atas aduan/maklumat kesalahan jenayah rasuah berkaitan isu penyeludupan bahan terlarang di dalam pusat tahanan di seluruh negara.

Kerajaan telah mewujudkan kolaborasi antara agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Penjara Malaysia, PDRM dan SPRM yang melibatkan perkongsian maklumat risikan, bantuan operasi dan tangkapan ke atas kakitangan, keluarga banduan dan orang awam yang terlibat dalam sindiket penyeludupan artikel larangan ini. Antara langkah-langkah proaktif yang sedang dilaksanakan bagi menangani isu ini adalah seperti berikut:

- (i) langkah berterusan berbentuk pencegahan, “punitive” dan “preventif” termasuklah tangkapan terhadap kakitangan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta 316];
- (ii) mesin “body scanner” dibekalkan kepada penjara bagi mengesan dengan lebih efektif sebarang artikel larangan yang diseludup melalui tubuh badan (body cavity);
- (iii) pegawai-pegawai yang disyaki terlibat dalam penyeludupan artikel larangan sedang dipantau rapi oleh Unit Khas Jabatan Penjara;
- (iv) penempatan semula pegawai dan tindakan tatatertib yang lebih tegas terhadap kakitangan yang terlibat;
- (v) pemantauan berterusan dilakukan terhadap kakitangan yang mempunyai potensi untuk menyeludup;
- (vi) pembentukan Unit Integriti di Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara bagi meningkatkan kawalan dalaman pencegahan rasuah di Jabatan Penjara;
- (vii) menambahbaik Sistem dan Tatacara Kerja Kawalan Keselamatan di Jabatan Penjara bagi isu penyeludupan bahan larangan di dalam Tempat Tahanan sejak tahun 2012;
- (viii) memperkukuhkan kolaborasi bersama antara agensi penguatkuasaan, melaksanakan pemantauan terhadap semua bentuk pengiringan banduan oleh anggota penjara semasa berada di luar penjara dan mengadakan kempen pencegahan rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan penjara;
- (ix) pelaksanaan pendidikan pencegahan rasuah di seluruh negara yang meliputi aktiviti pendidikan pencegahan rasuah seperti sesi taklimat, ceramah, pameran, lawatan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah-guna kuasa, kesan serta akibat kesalahan rasuah.

6. ALTERNATIF KEPADA PENAHANAN KANAK-KANAK (ATD)

Suruhanjaya masih tekal dengan gesaan supaya Kerajaan menamatkan penahanan imigresen terhadap kanak-kanak. Diakui bahawa terdapat keadaan luar biasa di mana status imigresen kanak-kanak perlu ditentukan dan sementara menunggu pengesahan tersebut, kanak-kanak yang terlibat perlu dilindungi dan ditempatkan di suatu tempat. Suruhanjaya mengambil maklum bahawa amalan Kerajaan pada masa ini adalah untuk menempatkan kanak-kanak sebegini, termasuklah kanak-kanak yang tiada penjaga atau yang terpisah (UASC), di dalam pusat tahanan Imigresen. Dibimbangi bahawa tindakan sedemikian adalah bertentangan dengan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak, dan kesahan penahanan kanak-kanak tersebut dari segi undang-undang juga boleh dipersoalkan. Suruhanjaya dan pertubuhan masyarakat sivil telah mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memastikan bahawa UASC diletakkan di tempat yang mempunyai persekitaran yang kondusif bagi pembangunan dan pertumbuhan mereka, dan mereka tidak seharusnya ditempatkan dan dikurung di dalam pusat tahanan Imigresen. Ini adalah selari dengan tanggungjawab Kerajaan di bawah Perkara 3 dan 22 CRC.

Di tahun-tahun sebelum ini, Suruhanjaya telah melaporkan mengenai usaha bersepadu yang dijalankan bersama dengan pertubuhan masyarakat sivil bagi menerokai ATD untuk kanak-kanak di pusat tahanan Imigresen di Malaysia. Inisiatif ini bermula pada tahun 2012 dan pada tahun 2014, Menteri Dalam Negeri telah bersetuju untuk mewujudkan Kumpulan Kerja berhubung ATD yang terdiri daripada agensi Kerajaan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan Kementerian Dalam Negeri; Suruhanjaya; dan anggota masyarakat sivil termasuk SUKA Society, International Detention Coalition, dan Yayasan Chow Kit, bagi mencari jalan untuk melaksanakan ATD. Walaupun Suruhanjaya memuji kesungguhan dan iltizam oleh ahli Kumpulan Kerja ini dalam melaksanakan ATD, Suruhanjaya memahami kebimbangan mereka, terutamanya agensi Kerajaan, berhubung keperluan untuk memastikan pelaksanaan ATD adalah dibolehkan dalam rangka perundangan yang sedia ada.

Oleh itu, seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Tahunan 2015, Suruhanjaya telah mengemukakan kertas cadangan tentang bagaimana untuk melaksanakan ATD untuk kanak-kanak yang tiada penjaga atau yang terpisah (UASC) yang berada di dalam tahanan Imigresen berdasarkan tafsiran rangka perundangan yang sedia ada. Secara ringkasnya, Suruhanjaya mencadangkan supaya Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia menggunakan budi bicaranya di bawah Seksyen 27(1)(ii) Akta Imigresen 1959/1963 untuk meletakkan, dengan beberapa syarat, UASC di bawah jagaan NGO yang berdaftar. Juga dicadangkan supaya Menteri yang bertanggungjawab ke atas Imigresen, iaitu Menteri Dalam Negeri di Malaysia, menggunakan budi bicaranya di bawah Seksyen 55 Akta Imigresen untuk mengecualikan semua UASC daripada Akta Imigresen dan sebaliknya menempatkan kanak-kanak ini di bawah jagaan NGO yang berdaftar untuk pengurusan kes yang sesuai dan penyelesaian yang terbaik. Suruhanjaya juga menyatakan dengan jelas bahawa cadangan tersebut perlu dibaca bersama dengan peruntukan yang sedia ada di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Cadangan di atas telah dimajukan kepada Pejabat Peguam Negara melalui Kumpulan Kerja Alternatif Kepada Penahanan Kanak-kanak Bagi UASC Dalam Tahanan Imigresen pada bulan September 2015.

Pada bulan Februari, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Pejabat Peguam Negara berpendapat bahawa cadangan Suruhanjaya mungkin tidak boleh dilaksanakan. Bagi membincangkan asas kepada pendapat tersebut dengan lebih mendalam, Suruhanjaya telah menghadiri mesyuarat pada bulan Mei yang telah dipengerusikan oleh Jabatan Imigresen. Dalam mesyuarat tersebut, Suruhanjaya telah difahamkan bahawa tindakan Ketua Pengarah untuk mengenakan keperluan dan standard tertentu kepada NGO sebagai syarat untuk meletakkan UASC di bawah jagaan mereka adalah di luar bidang kuasanya kerana tindakan tersebut adalah bercanggah dengan kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang diperuntukkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Sebagai alternatif, Pejabat Peguam Negara mencadangkan seperti berikut:

- (i) Untuk meletakkan penjagaan UASC di bawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bukan NGO;
- (ii) Untuk melantik NGO sebagai pelindung dan mewartakan premis mereka sebagai tempat perlindungan di bawah Akta Kanak-kanak 2001; atau
- (iii) Untuk menetapkan satu premis di bawah Seksyen 51A Akta Imigresen untuk menempatkan semua kanak-kanak yang tertakluk kepada penahanan Imigresen.

Walaupun Suruhanjaya mengambil maklum tentang kekangan undang-undang yang sedia ada, Suruhanjaya tetap percaya bahawa kekangan ini boleh diatasi dengan mudah dengan arahan dasar yang jelas oleh Kerajaan dan koordinasi yang lebih baik antara agensi terutamanya Jabatan Imigresen dan JKM. Selanjutnya, dengan penggubalan Seksyen 53A Akta Kanak-kanak, Suruhanjaya percaya bahawa peluang untuk mewujudkan kerjasama atau usaha sama antara NGO dan agensi Kerajaan yang berkenaan untuk memudahkan pelaksanaan ATD untuk UASC adalah lebih cerah.

Bersama-sama dengan Kumpulan Kerja, Suruhanjaya dan pertubuhan masyarakat sivil akan meneruskan usaha menggalakkan perbincangan mengenai ATD melalui pejabat Menteri Senator Datuk Paul Low, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Komitmen Senator Datuk Paul Low berhubung tujuan ini dapat dilihat dengan jelas apabila beliau menyelaraskan lawatan bersama dengan Datuk Seri Hajjah Nancy Shukri, seorang lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Pusat Tahanan Imigresen Langkap pada 21 April. Berikutan lawatan tersebut, pada bulan Jun, Menteri-menteri tersebut telah memberikan kertas laporan kepada Kabinet bagi mengetengahkan pemerhatian mereka dan kebimbangan terhadap keadaan tempat tahanan terutamanya yang melibatkan kanak-kanak. Berdasarkan kertas laporan tersebut, Kabinet telah bersetuju untuk menubuhkan Pasukan Petugas Menteri untuk menangani isu kanak-kanak di dalam pusat tahanan di Malaysia. Pasukan Petugas ini dipengerusikan oleh Senator Datuk Paul Low dan terdiri daripada wakil-wakil agensi Kerajaan yang relevan seperti Pejabat Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, dan Jabatan Imigresen.

Pada 26 Ogos, Pasukan Petugas telah mengadakan mesyuarat pertamanya dan di dalam mesyuarat tersebut, Suruhanjaya telah mengulangi syor-syornya untuk ATD dan mencadangkan model ATD yang boleh dirujuk oleh Kerajaan. Suruhanjaya memerhatikan bahawa Kerajaan menyokong prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak dan penahanan UASC adalah bercanggah dengan prinsip tersebut. Atas dasar itu, Suruhanjaya memuji komitmen semua agensi yang hadir dalam mesyuarat tersebut untuk melaksanakan ATD. Bagi mencapainya, agensi yang berkenaan diminta untuk mengkaji beberapa aspek yang telah dikenal pasti termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, (i) mengenal pasti rumah perlindungan NGO yang berpotensi untuk didaftarkan sebagai rumah perlindungan ATD; (ii) membangunkan satu prosedur standard bagi memindahkan UASC daripada pusat tahanan Imigresen ke rumah perlindungan NGO yang berdaftar untuk pengurusan kes; dan (iii) menangani jurang antara perundangan sedia ada dan rangka kerja polisi bagi melaksanakan ATD.

Meskipun usaha pelaksanaan ATD berjalan dengan perlahan serta menghadapi banyak rintangan, Suruhanjaya percaya adalah penting untuk memastikan Kerajaan sentiasa menangani isu kanak-kanak di pusat tahanan imigresen. **Suruhanjaya menumpukan sokongannya terhadap usaha Kerajaan dalam mencapai ATD dan mengakhiri penahanan imigresen terhadap kanak-kanak. Adalah menjadi harapan Suruhanjaya supaya ATD untuk UASC akan dirintis seawal tahun 2017 dan dilaksanakan sepenuhnya untuk semua kanak-kanak dalam tahanan Imigresen untuk tahun yang mendatang.**

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Berhubung cadangan alternatif kepada penahanan imigresen terhadap kanak-kanak di Malaysia di bawah seksyen 27 (1) (ii) Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dimana syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Imigresen hendaklah dipatuhi oleh penjaga pusat jagaan NGO yang didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506], ianya sukar dilaksanakan kerana berada di luar bidang kuasa Ketua Pengarah Imigresen. Memandangkan pusat jagaan NGO adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat, cadangan perundangan kepada alternatif penahanan imigresen terhadap kanak-kanak di Malaysia memerlukan penelitian kedua-dua jabatan yang terlibat.

Kerajaan mengambil maklum keperluan bagi penambahbaikan pusat-pusat tahanan imigresen dari aspek kebajikan dan keselamatan kanak-kanak untuk mewujudkan persekitaran yang mesra kanak-kanak. Penambahbaikan ini juga selaras dengan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga yang menggalakkan kanak-kanak membesar dengan keluarga selain dapat mengurangkan trauma ekoran pengalaman semasa lari dari negara asal dan semasa penahanan.

Selaras dengan Artikel 3 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak/*Convention on the Rights of the Child* (CRC) yang menggariskan kepentingan terbaik kanak-kanak (*best interest of the child*) perlu diutamakan dan dititikberatkan dalam keputusan Kerajaan, satu Pasukan Khas Bagi Mengkaji Keperluan Kanak-Kanak Di Depot Tahanan Imigresen yang diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah ditubuhkan. Pasukan khas ini telah mengadakan lawatan ke depot tahanan imigresen di Semenyih, Selangor pada 14 Jun 2017 bagi mengenal pasti masalah-masalah yang berbangkit.

Cadangan Suruhanjaya agar kanak-kanak yang baru tiba di Malaysia dan dijumpai semasa operasi, dikecualikan oleh Menteri di bawah seksyen 55(1) Akta Imigresen 1959/63, tidak boleh dilaksanakan kerana ada di antara kanak-kanak tersebut telah mencapai umur tanggungjawab jenayah (*the age of criminal responsibility*) dan ia adalah kuasa mahkamah untuk melepaskan mereka di bawah seksyen 173A Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]. Selain itu, kuasa budi bicara Ketua Pengarah Imigresen di bawah seksyen 27 (1)(iii) Akta Imigresen 1959/63 adalah hanya untuk melepaskan tahanan imigresen dari depot tahanan imigresen atas syarat dan terma sahaja. Dalam hal ini, kuasa budi bicara tersebut tidak meliputi pemindahan tahanan tersebut dari depot imigresen ke pusat jagaan kendalian NGO.



BAB 2

LAPORAN KUMPULAN KOMUNIKASI

BAB 2 – LAPORAN KUMPULAN KOMUNIKASI

MUKA SURAT

57	I. BAHAGIAN PROMOSI DAN PERHUBUNGAN AWAM
57	1. Kempen Bersama Mengenai Penyertaan Malaysia Kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Penyeksaan Dan Hukuman Atau Layanan Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, Atau Menjatuhkan Maruah (CAT)
58	3. Sambutan Bersama Hari Hak Asasi Manusia Antarabangsa
60	6. Penglibatan Dengan Pihak Berkepentingan
60	(b) Mesyuarat Kerja Dengan Pihak Berkepentingan Utama
61	II. BAHAGIAN MEDIA
61	1. Kenyataan Akhbar
62	III. BAHAGIAN LATIHAN
62	1. Pendidikan Hak Asasi Manusia
62	(a) Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia Di Sekolah (ATHAM)
63	(b) Sekolah Kanak-kanak Orang Asli
65	(d) Sekolah Agama Rakyat (SAR)
66	IV. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA
66	1. Perikatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI)
67	2. Majlis Hak Asasi Manusia (HRC)
68	4. Penilaian Penggalan Sejagat (UPR)
69	7. Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR)

I. BAHAGIAN PROMOSI DAN PERHUBUNGAN AWAM

1. KEMPEN BERSAMA MENGENAI PENYERTAAN MALAYSIA KEPADA KONVENSYEN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENENTANG PENYEKSAAN DAN HUKUMAN ATAU LAYANAN LAIN YANG ZALIM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN, ATAU MENJATUHKAN MARUAH (CAT)

Pada masa ini, 160 daripada 193 Negara Anggota PBB telah meratifikasi CAT dan 10 Negara Anggota telah menandatangani Konvensyen tersebut, manakala 27 Negara Anggota termasuk Malaysia masih belum menyertainya. Meskipun di dalam UPR yang lalu telah terdapat beberapa syor bagi Malaysia untuk menyertai CAT, Kerajaan menjelaskan bahawa ia belum bersedia untuk menandatangani dan meratifikasi Konvensyen tersebut buat masa ini. Suruhanjaya juga sedar akan kebimbangan beberapa agensi Kerajaan bahawa terdapat beberapa peruntukan di dalam CAT yang tidak bersesuaian dengan undang-undang, dasar, dan amalan negara. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpendapat bahawa perkara ini tidak seharusnya dilihat sebagai halangan bagi Malaysia untuk meratifikasi atau menyertai Konvensyen ini.

Oleh itu, Kerajaan seharusnya memandang ratifikasi atau penyertaan sebagai asas untuk mencapai penambahbaikan di dalam perundangan dan dasar secara berperingkat ke arah mempamerkan komitmen negara untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di peringkat domestik.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan Malaysia melalui Jawatankuasa Teknikal Mengenai Penyertaan Malaysia ke Instrumen-Instrumen Antarabangsa Hak Asasi Manusia yang dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri masih meneruskan kajian mengenai kemungkinan untuk Malaysia menyertai enam (6) instrumen hak asasi manusia dan kemudiannya membuat cadangan kepada pihak Kerajaan.

Usaha-usaha mengkaji penyertaan Malaysia ke CAT sedang giat dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku Agensi Peneraju bagi CAT di bawah Jawatankuasa Teknikal Mengenai Penyertaan Malaysia ke Instrumen Antarabangsa. Kerajaan ingin menekankan bahawa proses kajian ini perlu dilaksanakan secara teliti, mendalam dan menyeluruh dan memerlukan masa yang mencukupi bagi memastikan semua peruntukan dalam CAT boleh diaplikasikan melalui rangka perundangan negara.

Selain itu, Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap perkara seperti penyertaan Malaysia ke instrumen hak asasi manusia antarabangsa. Oleh yang demikian, terdapat beberapa faktor perlu diberi perhatian dan disemak dengan teliti oleh pihak Kerajaan sebelum sebarang keputusan dibuat.

Kerajaan mendapati antara sebab utama yang menjadi penghalang untuk Malaysia menyertai UNCAT ialah pelaksanaan hukuman sebat. Walau bagaimanapun, keputusan Malaysia untuk tidak menyertai UNCAT tidak bermaksud bahawa Malaysia menyokong atau tidak serius terhadap tindakan yang menyeksa (*torture*) malah dalam undang-undang Malaysia telah ada peruntukan yang menjadikan perbuatan menyeksa sebagai suatu kesalahan jenayah penyeksaan. Isu yang berbangkit ialah tafsiran *torture* itu sendiri yang merangkumi hukuman sebat. Di Malaysia, "sebatan" ialah suatu bentuk hukuman yang dibuat secara sah di sisi undang-undang dan diputuskan oleh badan kehakiman dan bukannya keputusan pihak eksekutif.

Kerajaan juga menyedari bahawa terdapat gesaan dan saranan daripada NGO dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa supaya Malaysia mengikut contoh negara-negara lain seperti Arab Saudi, Indonesia dan Filipina yang menandatangani dan meratifikasi CAT biarpun masih belum patuh sepenuhnya terhadap peruntukan-peruntukan CAT, termasuklah yang masih lagi mengamalkan hukuman sebat. Namun, Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan yang rasional iaitu Malaysia hanya akan menyertai sesuatu instrumen jika Malaysia mampu memenuhinya.

Penguatkuasaan undang-undang antarabangsa perlu dilaksanakan melalui tindakan undang-undang dan pentadbiran berdasarkan sistem *dualist* yang diamalkan Malaysia. Dari segi undang-undang antarabangsa, apabila Malaysia menjadi Negara Pihak kepada mana-mana triti antarabangsa, Malaysia mesti mematuhi semua obligasi dan tidak boleh menggunakan undang-undang domestik sebagai alasan untuk tidak mematuhi obligasi tersebut selaras dengan Artikel 27 *Vienna Convention on the Law Treaties*. Pengecualian (*reservation*)/deklarasi, walaupun dibenarkan, tidak boleh digunakan sekiranya bertentangan dengan tujuan sesuatu triti antarabangsa.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu memastikan bahawa semua dasar dan undang-undang adalah selari dengan *Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment* (CAT) terlebih dahulu sebelum Kerajaan membuat keputusan untuk menyertai CAT dan dapat mematuhi semua obligasi di bawah CAT. Berhubung perkara ini, hak kedaulatan Malaysia dalam membuat keputusan mengenai penyertaan dan penerimaan terhadap sesuatu triti antarabangsa hendaklah dihormati oleh semua pihak. Selain hak kedaulatan negara, implikasi penyertaan yang lain seperti dari segi keselamatan awam, kesan sosial serta aspek beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan juga perlu diambil kira.

Sehubungan itu, sebelum Malaysia menyertai mana-mana instrumen antarabangsa, termasuk CAT, persediaan menyeluruh perlu dilaksanakan dan undang-undang sedia ada perlu disemak. Pertimbangan menyeluruh dari aspek realistik serta praktikal dalam pelaksanaan kesemua peruntukan di dalam CAT perlu mengambil kira peruntukan di dalam undang-undang serta dasar-dasar domestik sedia ada. Penyertaan sebagai negara pihak akan menimbulkan obligasi di bawah undang-undang antarabangsa yang perlu dipatuhi.

3. SAMBUTAN BERSAMA HARI HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA

Persatuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia (UNAM), dengan kerjasama Suruhanjaya, Pasukan Negara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia (UNCT), serta Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), telah menganjurkan Perbincangan Panel.

Perbincangan panel tersebut memfokuskan kepada dua topik iaitu "*Accession to Core International Human Rights Treaties: Where Do We Move From Here?*" serta "*Human Rights in Malaysia: Towards a Developed Nation Status*". Antara perkara-perkara yang diketengahkan dalam perbincangan panel tersebut adalah:

- (i) Terdapat keperluan yang mendesak bagi Malaysia untuk menyertai baki enam daripada sembilan triti teras hak asasi manusia antarabangsa tanpa berlengah lagi agar setanding dengan negara maju lain menjelang 2020.

- (ii) Meskipun negara maju yang lain mempunyai kelemahan tersendiri, Malaysia tidak seharusnya menjadikan perkara tersebut sebagai alasan untuk tidak memperbaiki rekod dan prestasinya sendiri apabila ianya berkaitan dengan hak asasi manusia, selaku sebuah negara.
- (iii) Meskipun terdapat sesetengah kementerian yang lebih cenderung untuk menyokong penyertaan triti-triti berbanding dengan kementerian yang lain, Kerajaan Malaysia seharusnya bertindak sebagai sebuah entiti untuk bergerak maju di bawah agenda untuk memegang norma dan piawaian hak asasi manusia yang sama dengan negara-negara lain di dunia.
- (iv) Terdapat keperluan untuk satu pendekatan yang pragmatik di mana Malaysia boleh bermula dengan menyertai instrumen hak asasi manusia yang kurang “bermasalah”, sambil berusaha secara serius terhadap sebilangan kecil instrumen lain yang akan mengambil lebih masa untuk dipersetujui oleh majoriti rakyat.
- (v) Terdapat satu cadangan supaya aktor bukan Kerajaan menggunakan pendekatan strategik untuk melibatkan Kerajaan dalam isu khusus hak asasi manusia demi mencapai manfaat sistemik. Salah satu cadangan adalah untuk bekerjasama dengan pejabat YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan berkenaan penyertaan kepada ICESCR dan CAT – yang mana kedua-duanya disokong oleh ramai menteri.
- (vi) Terdapat keperluan bagi Malaysia untuk memperakui hubungkait di antara hak ekonomi, sosial, kebudayaan, sivil, dan politik demi mencapai matlamat dan sasaran dalam Agenda Matlamat Pembangunan Lestari 2030, yang dikenali sebagai SDG.
- (vii) Pembangunan lestari bergantung kepada keterangkuman dan penyertaan semua golongan termasuk komuniti terpinggir, dan tidak hanya kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata, memandangkan kedua-dua aspek tersebut adalah penting dalam melaksanakan perubahan dan mempromosi SDG.
- (viii) Pandangan yang lebih luas mengenai kemanusiaan dan sifat pembangunan lestari perlu dipertimbangkan sejajar dengan peranan agama dalam undang-undang.
- (ix) Kesaksamaan gender adalah amat penting dalam mencapai status negara maju dan Malaysia perlu merealisasikan komitmen antarabangsa, obligasi triti, dan tanggungjawabnya dalam mempromosikan SDG ke arah mengurangkan diskriminasi gender.
- (x) Keperluan untuk sokongan yang lebih teguh daripada kedua-dua pihak Kerajaan dan pihak bukan Kerajaan kepada golongan wanita dalam perkara-perkara seperti penjagaan anak, waktu kerja fleksibel, dan perkongsian kerja.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jawatankuasa Teknikal Mengenai Penyertaan Malaysia ke Instrumen-Instrumen Antarabangsa Hak Asasi Manusia akan meneruskan perbincangan dalam usaha untuk mengkaji status penyertaan Malaysia ke baki enam instrumen antarabangsa hak asasi manusia. Kerajaan perlu memastikan tanggungjawab dan kewajipannya sebagai sebuah Negara yang mampu untuk memenuhi setiap obligasi yang terkandung, sebelum menandatangani instrumen yang berkaitan.

Pendekatan sedemikian adalah bagi memastikan bahawa komitmen yang dipegang Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna serta mampu mencerminkan bahawa Malaysia adalah sebuah Negara Ahli yang bertanggungjawab dalam mencapai aspirasi dan obligasi setiap instrumen yang dianggotainya.

Berhubung dengan perkara berkaitan dengan kesaksamaan gender, Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab bagi mengurangkan diskriminasi terhadap wanita selaras dengan komitmen di bawah Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Eksploitasi Terhadap Wanita (CEDAW). Selari dengan komitmen tersebut, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah menterjemahkannya dengan meletakkan visi KPWKM sebagai menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

Dalam merealisasikan komitmen ini selaras dengan Perlembagaan Persekutuan untuk menjamin hak wanita dan lelaki, Kerajaan telah menterjemahkan prinsip utama CEDAW dan *Beijing Declaration and Platform for Action* dalam Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Negara. Dasar tersebut menyediakan asas dan hala tuju pembangunan wanita yang telah mengenal pasti 13 sektor untuk mendayaupayakan kaum wanita di Malaysia. Pelan tindakannya pula telah menyusun program dan aktiviti bagi menjamin objektif yang ditetapkan tercapai.

Pada masa ini, di bawah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan beberapa kementerian lain termasuk KPWKM menjalankan *1Malaysia Support for Housewives* (1MS4HW) yang turut menggalakkan wanita untuk memasuki atau kembali ke pasaran buruh. Pada masa yang sama KKLW melalui KEMAS terus meluaskan bilangan TABIKA dan TASKA KEMAS bagi memberikan peluang kepada wanita/ibu terutamanya di kawasan luar bandar untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Malaysia sedang dalam proses merangka SDG Roadmap dan elemen-elemen seperti hak ekonomi, sosial, kebudayaan, sivil dan politik diambil kira terutama dalam sesi konsultasi dan perkongsian pandangan bersama pihak-pihak berkaitan bagi memastikan matlamat dan sasaran Agenda Matlamat Pembangunan Lestari 2030 yang dikenali sebagai SDG tercapai.

Penglibatan kaum wanita dalam pasaran buruh dan ekonomi bukan sahaja akan melonjakkan ekonomi Malaysia kepada satu tahap yang lagi tinggi, tetapi sejajar dengan kepentingan pencapaian Goal 5 dalam *Sustainable Developments Goals* (SDG), iaitu Kesaksamaan Gender. Komitmen yang telah dilaksanakan ini jelas membuktikan bahawa Malaysia serius dan komited dalam merealisasikan komitmen antarabangsa, obligasi triti, dan tanggungjawabnya dalam mempromosikan SDG ke arah mengurangkan diskriminasi gender.

6. PENGLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

(b) Mesyuarat Kerja Dengan Pihak Berkepentingan Utama

Suruhanjaya berharap untuk bekerjasama rapat dengan Parlimen terutama sekali Pejabat Presiden Dewan Negara dalam tiga bidang kerjasama yang dicadangkan, iaitu seperti berikut:

- (i) Pengagihan laporan tahunan Suruhanjaya kepada ahli Dewan Negara;
- (ii) Hubungan kerjasama yang lebih erat dengan Majlis Senator Malaysia (MSM) untuk bertukar pandangan dan maklum balas mengenai isu hak asasi manusia yang penting khususnya aduan mengenai pelanggaran hak asasi manusia; dan
- (iii) Menganjurkan program pendidikan dan latihan hak asasi manusia kepada pegawai di Pejabat Senator.

Masih terdapat isu hak asasi manusia yang serius yang tidak mungkin dapat ditangani oleh Suruhanjaya bersendirian tanpa kesungguhan politik serta sokongan penuh daripada pembuat dasar dan ahli badan perundangan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Sebagai sebuah badan kebangsaan yang diwujudkan melalui Akta Parlimen, adalah menjadi harapan Suruhanjaya agar Kerajaan dan Parlimen akan melihat Suruhanjaya sebagai rakan utama dan sekutu mereka dalam usaha mempromosi dan menegakkan standard hak asasi manusia di negara ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa terbuka untuk mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti SUHAKAM. Di samping itu, Kerajaan melalui urus setia Pengurusan Dewan Negara, Parlimen Malaysia juga bersedia untuk membantu program dan aktiviti yang dirancang bagi mengeratkan hubungan kerjasama antara SUHAKAM dengan Majlis Senator Malaysia (MSM) untuk bertukar pandangan dan maklum balas mengenai isu hak asasi manusia khususnya aduan mengenai pelanggaran hak asasi manusia serta menganjurkan program pendidikan dan latihan hak asasi manusia kepada pegawai di Pejabat Senator.

II. BAHAGIAN MEDIA

1. KENYATAAN AKHBAR

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, di bawah Seksyen 4(2), memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengeluarkan kenyataan awam mengenai hak asasi manusia. Tidak dinafikan bahawa salah satu daripada sebab utama kekurangan liputan mengenai isu-isu hak asasi manusia adalah ilmu dan pemahaman hak asasi manusia yang terhad di kalangan pengamal media di negara ini. Suruhanjaya menaruh harapan tinggi bahawa media akan terus menyokong dalam menarik perhatian orang ramai kepada isu hak asasi manusia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bersama-sama dengan Jabatan atau Agensi Kerajaan yang lain, khususnya RTM, BERNAMA dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengambil perhatian mengenai perkara ini dan sentiasa memastikan agar etika pelaporan berita yang tepat, sahih dan adil yang melibatkan kepentingan umum termasuklah hak asasi manusia akan terus didukung. Program kesedaran dan pendidikan mengenai hak-hak asasi manusia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan perundangan sedia ada akan terus diberi pendedahan di kalangan pengamal media.

Di samping itu, Kerajaan telah menyediakan pusat sehati melalui portal *sebenarnya.my* kepada rakyat Malaysia untuk menyemak sebelum berkongsi berita yang tidak tentu kesahihannya, yang diterima secara dalam talian melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, blog, laman sesawang dan lain-lain. Portal ini merupakan inisiatif proaktif SKMM bersama-sama KKMM untuk membanteras berita palsu dalam talian dan membolehkan sesuatu maklumat itu ditentukan kesahihannya oleh saluran rasmi atau agensi kerajaan yang berkenaan. Melalui inisiatif tersebut dapat menangani gejala penularan berita palsu dalam talian yang boleh memberi impak negatif kepada masyarakat dan negara.

SKMM juga turut menggerakkan inisiatif berbentuk kesedaran di seluruh negara, bagi tujuan mendidik dan menggalakkan masyarakat agar mengamalkan kawalan sendiri, menggunakan internet secara positif, serta memupuk budaya penggunaan media baru secara bijaksana, menerusi program “Klik Dengan Bijak” (KDB). Program ini bertujuan mendidik masyarakat daripada aspek etika dan seterusnya bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial.

Program yang dijalankan juga memupuk kesedaran pengguna internet agar lebih bertanggungjawab, dengan tidak berkongsi kandungan dan maklumat yang tidak ditentukan serta lebih peka dan tidak terlalu mudah mempercayai setiap perkara yang tersebar atau menjadi tular, tanpa semakan dengan sumber yang betul.

III. BAHAGIAN LATIHAN

1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

(a) Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia Di Sekolah (ATHAM)

Suruhanjaya telah melawat 16 buah sekolah sahaja pada tahun 2016. Kebanyakan sekolah yang dilawati telah berjaya melaksanakan program ini dalam aktiviti-aktiviti di sekolah mereka kecuali SK RPS Banun yang menghadapi sedikit masalah pengurusan dan guru yang bertanggungjawab telah dipindahkan pada awal tahun 2016. Suruhanjaya agak khuatir bahawa pegawai yang menguruskan ATHAM di daerah Gerik dan pegawai yang bertanggungjawab di peringkat negeri telah terlepas pandang masalah-masalah di sekolah tersebut. Pertukaran guru besar yang terlalu kerap juga telah diperhatikan, di mana terdapat pertukaran tiga orang guru besar dalam tempoh empat tahun. Pertukaran pentadbir yang terlalu kerap akan memberi kesan terhadap kelancaran pengurusan sesebuah institusi dan boleh mengakibatkan kegagalan komunikasi, percanggahan komunikasi, dan laporan kepada pengurusan baru seperti yang berlaku di SK RPS Banun.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum isu berbangkit melibatkan masalah pelaksanaan program ATHAM di SK RPS Banun. *Task Force* dan Bengkel Kerja Jawatankuasa Bertindak SK RPS Banun yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan) telah diadakan pada 12 hingga 15 Jun 2016. Susulan daripada bengkel tersebut banyak pihak telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi isu di sekolah tersebut dengan kerjasama pihak-pihak yang berkaitan seperti Institut Aminudin Baki, IPG Tengku Ampuan Afzan, JAKOA, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan juga pihak NGO.

(b) Sekolah Kanak-kanak Orang Asli

Isu seperti bantuan kewangan untuk orang miskin (KWAPM), pengangkutan, serta sikap dan pendekatan para guru terhadap kanak-kanak Orang Asli masih merupakan antara isu biasa yang kerap dilaporkan oleh ibu bapa. Kehadiran pelajar dan keguguran dari sekolah juga adalah antara isu yang masih belum dapat diselesaikan. Suruhanjaya berpendapat bahawa KPM perlu memberi perhatian yang serius terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Orang Asli dan Pengetahuan Asal, seperti yang termaktub dalam Perkara 14 dan Perkara 15 UNDRIP.

Suruhanjaya juga berpendirian teguh bahawa JAKOA dan KPM mesti memberi perhatian yang serius bagi mewujudkan Sekolah Komuniti dalam lingkungan kawasan yang tidak mempunyai sekolah. Sekolah-sekolah ini akan mengajar membaca dan mengira disamping pendidikan seni dan kebudayaan termasuklah Bahasa OA bagi kaum tersebut. Suruhanjaya juga mencadangkan sekolah-sekolah terbabit untuk menggunakan khidmat komuniti sekitar bagi menguruskan sekolah dengan bantuan agensi yang bersesuaian.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Cadangan mewujudkan Sekolah Komuniti bagi murid Orang Asli merupakan salah satu fokus bagi skop laluan pendidikan dan kerjaya dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Orang Asli 2017-2025. Pada tahun 2017, satu kajian telah dimulakan bagi mengkaji keperluan daripada segi data, lokasi, infrastruktur dan kewangan yang akan dijadikan sebagai asas pertimbangan kepada cadangan tersebut. Kajian akan dijalankan oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA) dan pelaksanaan adalah dalam pelan jangka panjang.

Cadangan pembentukan Sekolah Komuniti ini juga telah dibangkitkan dalam satu Makmal yang dilaksanakan oleh Unit Pelaksanaan Dasar Pendidikan (PADU), KPM yang turut disertai oleh wakil JAKOA pada 11-15 November 2016. Cadangan inisiatif ini turut disenaraikan di bawah Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP). Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada peruntukan KPM serta kesediaan guru-guru dan komuniti bagi mengendalikan persekolahan berkenaan.

Di samping itu, Kerajaan melalui KPM juga berkerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah menubuhkan Pusat Didikan Komuniti (PDK) Orang Asli di Gua Musang Kelantan. Kerjasama tersebut adalah bagi menyelaras peranan di peringkat kementerian yang bermatlamat untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan menjamin keberhasilan murid Orang Asli.

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah melawat SK RPS Banun di Gerik, Perak yang merupakan salah sebuah daripada empat buah sekolah yang telah dipilih oleh KPM dalam pelaksanaan program K9. K9 merupakan sebuah program di mana kanak-kanak OA akan belajar di sekolah selama sembilan tahun, dari Tahun 1 sehingga Tingkatan 3. Suatu subjek khas yang dinamakan agrikultur ditawarkan kepada pelajar-pelajar peringkat menengah. Pada akhir Tingkatan 3, pelajar perlu memperoleh sijil Kemahiran Hidup. Namun begitu, Suruhanjaya dimaklumkan bahawa terdapat 35 buah kelas Tingkatan 3 yang terlibat dengan program ini yang telah gagal untuk memperoleh sijil Kemahiran Hidup tersebut, yang ditauliahkan oleh Kementerian Sumber Manusia, atas sebab kegagalan KPM untuk memenuhi kriteria asas yang telah disyaratkan oleh Kementerian tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum isu berbangkit melibatkan pelaksanaan program K9 di SK RPS Banun. Kerajaan melalui KPM telah menyerahkan Dokumen Standard Kurikulum (DSK) dan modul pembelajaran *Written Instructional Material* (WIM) Pendidikan Asas Vokasional (PAV) bagi Mata Pelajaran Tanaman kepada SK RPS Banun pada 26 Disember 2012. WIM merupakan salah satu daripada 9 kriteria asas pentauliahian Pusat Bertauliah (PB) berdasarkan Kod Amalan Pentauliahian Program Kemahiran (KAPPK), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM).

JPK, KSM telah menetapkan syarat kelulusan Pusat Bertauliah Cawangan (PBC) di bawah Pentadbir Induk iaitu Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV). Syarat berkenaan adalah seperti berikut :

(a) Kurikulum:

Kurikulum hendaklah memenuhi keperluan kurikulum JPK. Bahan pengajaran dan pembelajaran hendaklah mencukupi untuk setiap kemahiran;

(b) Personel:

Personel hendaklah mencukupi mengikut ratio murid, berkelayakan dan berkemahiran serta menepati standard yang telah ditetapkan oleh pihak JPK;

(c) Peralatan:

Peralatan hendaklah mencukupi mengikut ratio murid dan menepati standard yang ditetapkan; dan

(d) Kemudahan bengkel:

Bengkel hendaklah mempunyai ruang yang mencukupi untuk melaksanakan latihan, mempunyai pengudaraan yang baik dan kemudahan yang menepati standard yang ditetapkan.

Selaras dengan permasalahan di SK RPS Banun, Kerajaan melalui KPM telah mengambil tindakan perancangan dan pelaksanaan bagi menangani isu pentauliahian berkenaan secara berperingkat berdasarkan peruntukan yang diterima iaitu:

(a) menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran mencukupi;

(b) menempatkan personel yang mencukupi, berkelayakan dan berkemahiran dalam bidang yang berkaitan;

(c) memberi latihan yang secukupnya kepada personel dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang yang berkaitan;

- (d) membekalkan peralatan mencukupi mengikut ratio murid dan standard yang telah ditetapkan;
- (e) menyediakan kemudahan bengkel yang mencukupi, mempunyai pengudaraan yang baik, ruang yang mencukupi untuk menjalankan latihan dan sistem pendawaian yang cukup untuk menampung penggunaan peralatan elektrik dan selamat;
- (f) menurunkan peruntukan kewangan bagi perolehan peralatan kepada semua sekolah yang melaksanakan PAV; dan
- (g) menyediakan laluan kepada 13 orang murid SK RPS Banun ke KV Teluk Intan bagi tahun 2016 bagi meneruskan pengajian dalam kursus Operator Akuakultur (AF – 031 – 1).

Suruhanjaya kekal dengan pendirian bahawa Sekolah Orang Asli yang dikenal pasti mempunyai masalah kehadiran dan kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira (3R) perlu mempunyai kurikulum yang ditambah baik untuk menangani isu ini. Suruhanjaya mengesyorkan KPM untuk menerima pakai Kurikulum Asli Penan (KAP) yang telah dibangunkan sebagai kurikulum alternatif. Suruhanjaya turut mencadangkan agar KPM mengguna pakai langkah-langkah untuk menambah baik kandungan dan pelaksanaan KAP.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KPM telah menyediakan Kurikulum Asli Penan (KAP) untuk mengatasi masalah kehadiran dan penguasaan kemahiran asas Membaca, Menulis dan Mengira (3M). Langkah-langkah penambahbaikan kepada kandungan dan pelaksanaan KAP sedang dijalankan selaras dengan Pelan Hala Tuju Pendidikan Murid Orang Asli 2017 – 2025. KAP merupakan satu program bagi meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan mengira serta untuk menggalakkan murid datang ke sekolah.

KAP mengambil kira pengalaman dan persekitaran sedia ada serta keperluan lain yang relevan dengan sosiobudaya Orang Asli. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran KAP adalah berasaskan pedagogi peribumi. Di bawah Pelan Hala Tuju Pendidikan Murid Orang Asli 2017-2025, KPM telah membangunkan dua program iaitu:

- (i) Program Intervensi Khas dan Bahan Rujukan Mudah Bahasa Ibunda Orang Asli dan Peribumi; dan
- (ii) Sisipan Elemen Budaya Orang Asli dan Penan dalam Kurikulum Kesenian (Pendidikan Muzik dan Pendidikan Seni Visual) dan Pendidikan Jasmani.

(d) Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Suruhanjaya telah melawat tiga buah sekolah di mana Suruhanjaya mendapati pelbagai isu yang telah dilaporkan pada tahun 2015 masih belum diselesaikan. Sebagai contoh, seorang guru yang mengajar di sebuah SAR di bawah seliaan Majlis Agama Negeri Pahang telah tidak menerima sebarang kenaikan gaji sejak tahun 1998. Selain itu, oleh kerana gaji mereka dibayar dalam bentuk elaun bulanan, mereka tidak layak untuk menerima faedah seperti yang diterima oleh pekerja Kerajaan walaupun pada hakikatnya, menurut pemerhatian Suruhanjaya, guru-guru ini menjalankan tugas yang sama seperti guru-guru sekolah Kerajaan yang lain.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kesemua guru Sekolah Agama Rakyat yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Pahang di bawah seliaan Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) tidak berjawatan tetap dan hanya dibayar elaun. Bayaran bulanan adalah berbentuk elaun sementara dan bukan skim yang bersifat tetap atau kontrak. Sumber bayaran elaun ini adalah daripada pendapatan sumber zakat (Asnaf Fisabilillah).

Seperkara lagi yang belum dapat diatasi adalah sebilangan sekolah tidak mempunyai tempat yang bersesuaian untuk menjalankan aktiviti rekreasi dan sukan. Sama seperti sekolah Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA), aktiviti sukan dan rekreasi bukan merupakan keutamaan di SAR. Perkara ini berlaku khususnya untuk pelajar-pelajar yang tinggal di asrama. Suruhanjaya berpendapat para pelajar perlu diberi peluang untuk mengambil bahagian dan bersosial melalui sukan dan rekreasi. Disebabkan kebanyakan guru kurang mendapat latihan pembangunan profesional yang berterusan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sekolah Agama Rakyat (SAR) diberi geran tahunan mengikut nisbah pelajar setiap tahun untuk menampung kos operasi, pengurusan dan sebagainya termasuk aktiviti ko-kurikulum. Kerajaan melalui MUIP juga menampung keperluan am dan peralatan sukan yang diperlukan bagi membolehkan pelajar-pelajar SAR menyertai Kejohanan Majlis Sukan dan Ilmiah Sekolah Agama Pahang (MASISUPA) dan kemudahan ko-kurikulum pelajar. Selain itu, para pelajar aktif dan cemerlang dalam bidang sukan akan dipilih untuk bertanding di dalam kejohanan MASSISUPA yang diadakan setiap tahun. Selanjutnya para pelajar juga akan dibawa menyertai kejohanan Majlis Sukan-sukan Sekolah-sekolah Agama Malaysia (MASSISUMA).

Penyediaan latihan bimbingan dalam pengurusan aktiviti kokurikulum juga diatur oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP) kepada guru SAR menerusi kerjasama dengan sekolah-sekolah sukan yang mempunyai kepakaran bagi melatih guru SAR dan meningkatkan pengetahuan guru SAR dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum dan sukan kepada para pelajar di SAR.

IV. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA

1. PERIKATAN GLOBAL INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (GANHRI)

Suruhanjaya mengambil berat tentang kebimbangan yang ditimbulkan dalam laporan Jawatankuasa Kecil Pentauliahan GANHRI (SCA) mengenai pentauliahan semula Suruhanjaya, yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- (i) Pemilihan dan pelantikan Pesuruhjaya;
- (ii) Pelantikan Pesuruhjaya sepenuh masa;
- (iii) Dana yang mencukupi;
- (iv) Kerjasama dengan badan hak asasi manusia lain;

(v) Laporan tahunan dan laporan khas; dan

(vi) Jaminan perjawatan.

Adalah amat penting bagi Suruhanjaya untuk menangani kebimbangan yang dibangkitkan oleh SCA terutamanya dengan menyeru agar Kerajaan meminda dan mengkaji semula Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) untuk memasukkan pindaan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya, dengan harapan untuk mengekalkan status 'A' Suruhanjaya pada sesi pentauliahannya semula yang seterusnya.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum seruan Suruhanjaya untuk meminda dan mengkaji semula Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]. setelah Suruhanjaya mencapai kata putus di peringkat dasar.

Dari segi pemilihan dan palantikan Pesuruhjaya, Kerajaan melaksanakan urusan ini berdasarkan tatacara pelantikan selaras dengan peruntukan Akta 597.

Peruntukan dana yang mencukupi bagi SUHAKAM melibatkan proses penyediaan bajet tahunan di mana keperluan peruntukan SUHAKAM disemak dengan terperinci dengan mengambil kira semua perbelanjaan komited dan pengurusan bagi membolehkan SUHAKAM beroperasi dengan baik. Namun begitu, penyediaan peruntukan tahunan SUHAKAM masih tertakluk kepada kedudukan kewangan dan fiskal negara di samping matlamat mengurangkan kadar defisit tahunan. Oleh itu, pengagihan semula kewangan Kerajaan kepada semua agensi dalam pelbagai sektor telah mengambil kira keutamaan semasa Kerajaan di samping memastikan perbelanjaan komited seperti emolument dan utiliti kepada setiap agensi disediakan secukupnya.

2. MAJLIS HAK ASASI MANUSIA (HRC)

Pada Sesi Ke-33 HRC pada bulan September, HRC telah menerima pakai tanpa undi satu resolusi mengenai NHRI yang telah diusulkan oleh Australia, digubal berdasarkan resolusi-resolusi HRC mengenai NHRI yang terdahulu dan bertujuan, secara dasarnya, untuk menegaskan semula pengiktirafan HRC terhadap peranan NHRI yang semakin penting dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Resolusi tersebut, antara lainnya, juga mengalu-alukan dan menggalakkan kerjasama NHRI dengan mekanisme PBB seperti Penilaian Penggalan Sejagat, badan-badan triti, dan prosedur khas. Suruhanjaya percaya bahawa penerimaan Resolusi ini, dengan tajaan bersama oleh sebanyak mungkin Negara Anggota PBB, adalah amat penting bagi menjana sokongan yang lebih padu oleh Kerajaan-kerajaan dan komuniti antarabangsa terhadap kerja NHRI, dan boleh menjadi pemangkin bagi penubuhan lebih banyak NHRI di seluruh dunia.

Suruhanjaya berpendapat bahawa menaja bersama Resolusi tersebut adalah pendirian yang lebih baik bagi Malaysia, kerana ini akan meningkatkan kepentingan dan nilai Resolusi tersebut. Tambahan pula, penajaan bersama terhadap Resolusi tersebut oleh Kerajaan Malaysia akan memberi gambaran yang baik terhadap Malaysia terutamanya dengan niat Malaysia untuk memohon pelantikan semula sebagai ahli HRC bagi tempoh 2018-2020.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sebagai sebuah NHRI yang bertaraf 'A', Kerajaan menghargai usaha SUHAKAM dalam mempromosi serta melindungi hak asasi manusia di Malaysia serta terlibat aktif di peringkat antarabangsa, khususnya melalui mekanisme-mekanisme PBB.

Kerajaan mengambil maklum berhubung resolusi yang ditekankan oleh SUHAKAM. Resolusi tersebut merupakan resolusi berulang yang telah mendapat sokongan secepat daripada negara-negara anggota. Resolusi ini juga telah diterima pakai tanpa undi dengan sokongan sebulat suara (adopted by consensus). Walau bagaimanapun, tidak semua negara-negara yang mempunyai Institusi Hak Asasi Manusia (National Human Rights Institution) yang menaja bersama resolusi tersebut dan hanya 92 negara di kalangan mereka yang telah menaja bersama resolusi tersebut. Walaupun Malaysia tidak menaja bersama resolusi ini, ini tidak bermaksud bahawa Kerajaan tidak mengambil berat terhadap usaha-usaha yang terkandung di dalam resolusi berkenaan.

Dalam mempertimbangkan penajaan bersama sesuatu draf resolusi yang akan dibentangkan, Kerajaan perlu mengkaji secara menyeluruh serta meneliti kesemua elemen-elemen yang terkandung di dalam draf resolusi berkenaan. Kajian ini adalah perlu dengan mengambil kira komitmen, kesesuaian, dasar serta undang-undang yang sedia ada. Dalam hal ini, Kerajaan melalui KLN telah mendapatkan pandangan daripada agensi-agensi yang berkaitan mengenai saranan oleh pihak SUHAKAM. Antara komen-komen yang telah diterima adalah seperti berikut:

- (i) perlu memastikan bahawa elemen di dalam resolusi tersebut tidak bercanggah dengan undang-undang sedia ada;
- (ii) peranan yang perlu dijalankan oleh SUHAKAM adalah tertakluk kepada fungsi dan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 597; dan
- (iii) peranan untuk mencegah, memerangi dan menyiasat mengenai pelanggaran hak asasi manusia yang dinyatakan dalam resolusi tersebut tidak tertakluk dalam Akta 597.

4. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Sebagai usaha untuk memastikan pelaksanaan berkesan 150 syor yang diterima oleh Malaysia semasa UPR keduanya, Suruhanjaya sekali lagi telah menjalankan satu siri konsultasi di seluruh negara yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil. Ia bertujuan mendapatkan maklumat berkenaan dengan status pelaksanaan syor-syor yang diterima dan meningkatkan lagi kesedaran serta pemahaman tentang proses UPR.

Suruhanjaya telah mengesyorkan agar KLN bekerjasama dengan Kerajaan dan agensi Negeri supaya mereka turut sama memainkan peranan dalam proses UPR terutamanya dalam fasa pelaksanaan kitaran UPR. **Suruhanjaya berharap untuk mengadakan perbincangan dengan Parlimen dan KLN bagi mencari jalan untuk memastikan penglibatan aktif Kerajaan-kerajaan Negeri dalam UPR.**

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KLN, selaku penyelararas bagi proses UPR Malaysia masih meneruskan proses konsultasi bersama Kementerian dan Agensi yang berkaitan dalam menyediakan UPR Malaysia Ketiga. Proses ini dilaksanakan mengikut Kluster agar memudahkan perbincangan yang lebih menyeluruh dalam mengkoordinasikan pelaksanaan saranan-saranan UPR yang diterima. Selain itu, KLN juga telah mengadakan sesi konsultasi bersama SUHAKAM dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dalam melaksanakan proses UPR ini. KLN sedang dalam proses untuk mengadakan sesi konsultasi antara Kerajaan dengan pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan bagi membincangkan lebih lanjut mengenai pelaksanaan saranan-saranan UPR. KLN juga mengalu-alukan pandangan daripada CSO dan bersedia untuk bekerjasama dengan CSO dalam memastikan proses UPR ini dapat dilaksanakan secara berkesan agar ianya dapat mencapai objektif mekanisme UPR, ke arah menjamin kenikmatan hak asasi manusia oleh seluruh rakyat Malaysia.

KLN turut melibatkan Kerajaan Negeri dalam proses penyediaan UPR Ketiga Malaysia dalam sesi-sesi konsultasi yang diadakan. KLN telah memberikan taklimat kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 26-27 Jun 2016 dan mengalu-alukan Kerajaan Negeri yang lain untuk menganjurkan taklimat sedemikian.

Kerajaan Malaysia sentiasa melihat proses UPR ini sebagai satu mekanisme penting ke arah memperbaiki situasi hak asasi manusia Malaysia. Oleh yang demikian, Kerajaan akan sentiasa menambahbaik pelaksanaan UPR Malaysia bagi kitaran UPR Malaysia yang akan datang.

7. SURUHANJAYA ANTARA KERAJAAN ASEAN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA (AICHR)

AICHR, selaku mekanisme hak asasi manusia utama ASEAN, mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di ASEAN. Sejak beberapa tahun yang lepas, AICHR telah mempertingkatkan usahanya untuk mempromosi hak asasi manusia, terutamanya dengan menganjurkan seminar dan forum tentang pelbagai isu hak asasi manusia. Walaupun ini adalah inisiatif yang terpuji dan akan menyumbangkan kepada perbincangan yang lebih bermakna mengenai hak asasi manusia di rantau ini, AICHR perlu mengkaji semula mandatnya berkaitan perlindungan hak asasi manusia bagi membolehkannya mempertimbangkan aduan mengenai dakwaan pelanggaran hak asasi manusia, terutamanya apabila ianya melibatkan lebih daripada satu Negara Anggota, seperti kes-kes berkaitan dengan pelarian, pekerja migran, pemerdagangan orang serta alam sekitar dan perubahan iklim. Suruhanjaya berpandangan bahawa AICHR, sama ada dengan meminda atau mentafsirkan secara kreatif Terma Rujukan AICHR yang sedia ada, perlu memperkukuhkan mandat perlindungannya supaya kes-kes pelanggaran hak asasi manusia tertentu, khususnya kes-kes rentas sempadan, dapat ditangani oleh AICHR.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

AICHR-Malaysia menghargai kerjasama yang diberikan oleh SUHAKAM dalam aktiviti-aktiviti keutamaan AICHR yang telah dianjurkan oleh Malaysia. Misalnya, AICHR-Malaysia telah bekerjasama dengan SUHAKAM dalam penganjuran Kolokium Kehakiman Mengenai

Perkongsian Amalan Baik Berkenaan Undang-Undang Antarabangsa Hak Asasi Manusia (*AICHR Judicial Colloquium on the Sharing of Good Practices Regarding the International Human Rights Law*) yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 13-15 Mac 2017.

Malaysia adalah di kalangan beberapa negara anggota ASEAN yang menyokong cadangan untuk meminda Terma-Terma Rujukan AICHR. Pendirian ini adalah selaras dengan Kenyataan Bersama Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-49 (*Joint Communique of the 49th AMM*), hasil pertemuan di antara Wakil-Wakil AICHR dengan Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-49 di Vientianne pada 24 Julai 2016, seperti berikut:

“Para 19. We welcomed the outcomes of the Interface between the AMM and AICHR Representatives and took note of the recommendation for the AMM to consider, when and as appropriate, the review of the TOR of the AICHR as provided for in the TOR, consistent with the purposes and principles of the ASEAN Charter, with a view to further enhancing the promotion and protection of human rights within ASEAN.”

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa negara anggota ASEAN yang tidak bersetuju dengan cadangan untuk meminda Terma Rujukan tersebut. Memandangkan sebarang pindaan ke atas Terma Rujukan tersebut memerlukan keputusan sebulat suara (*consensus*) daripada kesemua negara ASEAN, usaha sedang diteruskan oleh AICHR-Malaysia bagi meminda atau mentafsir secara kreatif mandat perlindungannya, termasuk perenggan-perenggan 4.10 dan 4.11:

“4. Mandate and Functions :

4.10. To obtain information from ASEAN Member States on the promotion and protection of human rights;

4.11. To develop common approaches and positions on human rights matters of interest to ASEAN”

Cadangan untuk meminda dan mentafsir mandat perlindungan AICHR turut dibincangkan dengan Wakil-Wakil AICHR yang lain secara tidak rasmi di dalam sesi pemukiman (*retreat session*). Perenggan-perenggan tersebut memberi mandat kepada AICHR untuk mendapatkan maklumat dari Negara-Negara Anggota ASEAN dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia serta memperolehi pendekatan dan pendirian yang sama mengenai kepentingan hak asasi manusia dalam ASEAN.



BAB 3

LAPORAN PEJABAT SABAH

BAB 3 — LAPORAN PEJABAT SABAH

MUKA SURAT

75

1. Pengenalan

(b) Isu Aduan

1. PENGENALAN

(b) Isu Aduan

Kewarganegaraan

Aduan yang diterima adalah berkaitan dengan permohonan untuk kewarganegaraan, kegagalan bagi mendapatkan MyKad, dan pembatalan taraf kewarganegaraan. Bahagian III Perlembagaan Persekutuan memuatkan Perkara-perkara yang berkaitan dengan kewarganegaraan dan turut mengandungi tiga Bab mengenai pemerolehan dan perlucutan kewarganegaraan. Perundangan yang mengawal selia kewarganegaraan adalah Peraturan Kewarganegaraan (Citizenship Rules) 1964.

Perlucutan kewarganegaraan adalah satu isu yang kompleks yang boleh memberikan kesan yang mendalam terhadap masa depan individu yang berkenaan. Individu yang dinafikan taraf kewarganegaraan akan menjadi individu tidak bernegara sekiranya negara-negara lain tidak mengiktiraf individu tersebut sebagai warganegara mereka. Aduan berkenaan taraf kewarganegaraan akan dirujuk kepada JPN Negeri Sabah dan KDN bagi tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun, maklum balas daripada pihak berkenaan adalah kebanyakan kes masih lagi dalam proses siasatan seperti di dalam dua contoh kes di bawah.

Dalam kes yang pertama, seorang pengadu berketurunan Filipina yang dahulunya pernah ditahan dibawah ISA 1960 mendakwa bahawa MyKad milik beliau dan isteri beliau telah sedia untuk diambil, namun demikian kad pengenalan mereka telah ditahan oleh JPN. Maklum balas daripada JPN adalah MyKad tersebut masih berstatus dalam siasatan.

Dalam kes kedua, seorang lelaki berketurunan Filipina dan tiga orang anak beliau telah pun memiliki MyKad. Aduan beliau adalah berkenaan isteri beliau dan baki lima orang anak mereka yang lain yang belum lagi mendapat kad pengenalan walaupun permohonan telah pun dihantar. Jabatan yang berkaitan masih belum memberikan maklum balas berkenaan kes tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KDN sentiasa memastikan tindakan pelucutan kewarganegaraan terhadap seseorang warganegara adalah berdasarkan peruntukan Perkara 24, 25 dan 26, Perlembagaan Persekutuan dan syarat-syarat pelucutan kewarganegaraan berikut:

- (i) Seseorang individu itu telah memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan melalui pendaftaran, penaturalisasian atau perbuatan sukarela dan formal yang lain;
- (ii) Seseorang individu itu telah menuntut dan menggunakan dengan sukarela di mana-mana negara di luar Persekutuan apa-apa hak yang terdapat untuknya di bawah undang-undang negara itu iaitu hak-hak yang diberikan secara khusus kepada warganegara itu. Contohnya penggunaan hak undi dalam mana-mana pemilihan politik di sesuatu tempat di luar Persekutuan, memohon kepada pihak berkuasa sesuatu tempat di luar Persekutuan supaya pasport dikeluarkan atau dibaharui dan menggunakan pasport yang dikeluarkan itu sebagai dokumen perjalanan;

- (iii) Sekiranya seorang wanita yang pernah mendapatkan kewarganegaraan Malaysia kerana berkahwin dengan lelaki warganegara Malaysia yang kemudiannya telah memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan oleh sebab perkahwinan barunya dengan seseorang yang bukan warganegara; atau
- (iv) Sekiranya warganegara Malaysia yang menjadi warganegara di bawah Perkara 16A atau Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan atau yang menjadi warganegara melalui penaturalisasian didapati telah menunjukkan dirinya melalui perbuatan atau percakapan sebagai tidak taat atau tidak setia kepada Persekutuan dan telah memperoleh kewarganegaraan secara fraud, nyataan palsu atau penyembunyian apa-apa fakta material.

Sebarang rayuan boleh dikemukakan kepada JPN dengan bersertakan dokumen sokongan yang berkaitan.

Tanah

Seperti tahun-tahun yang sebelumnya, isu tanah masih kekal antara perkara aduan utama yang diterima oleh Suruhanjaya. Aduan mengenai hal tersebut melibatkan empat kategori tanah.

(i) Tanah Negeri

Aduan yang diterima selalunya datang dari penduduk kampung yang tinggal di kawasan pedalaman. Dakwaan mereka adalah berkenaan dengan permohonan tanah negeri yang tidak dipertimbangkan, tidak dipedulikan, atau ditolak. Mereka turut mendakwa bahawa permohonan tanah diutamakan kepada pemohon baru yang memiliki kedudukan serta pengaruh, atau mempunyai hubungan rapat dengan pembuat keputusan.

Syor

Permohonan yang bertindan ke atas tanah yang sama tidak seharusnya dilayan. Permohonan tanah yang terdahulu seharusnya diambil kira terlebih dahulu. Sekiranya permohonan tersebut ditolak, pemohon haruslah dimaklumkan terlebih dahulu sebab-sebab penolakan. Sepatutnya ada ketelusan dalam prosedur dan kriteria bagi meluluskan permohonan tanah. Pejabat tanah sepatutnya tidak bertoleransi terhadap rasuah dan hendaklah memastikan proses tersebut telus dan boleh dipercayai. Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah haruslah menganjurkan program kesedaran bagi mendidik orang kampung berkenaan polisi tanah, prosedur, pemprosesan, dan kriteria yang terlibat dalam permohonan tanah.

Ordinan Tanah Sabah (Sabah Cap. 68) seharusnya disemak dan dipinda mengikut kesesuaian bagi mengelakkan kekeliruan. Satu bengkel boleh diadakan bersama dengan pakar, wakil pengadu, dan juga pihak berkepentingan bagi membincangkan perkara yang memerlukan perubahan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah sentiasa memastikan permohonan-permohonan tanah baru yang bertindih atas tanah yang sama akan diproses mengikut peruntukan polisi, perundangan yang berkuatkuasa dan SOP yang sedia ada. Permohonan tanah hanya akan ditolak setelah ia didapati tanah tidak tersedia (seperti termasuk

kawasan simpanan kerajaan, tanah berhakmilik, tanah yang telah diluluskan lebih awal). Permohonan tanah dipertimbangkan berdasarkan perkara-perkara berikut:

- (i) Permohonan tanah diterima daripada pemohon yang betul-betul menduduki dan membangunkan tanah tersebut;
- (ii) Permohonan diproses secara telus dan adil dimana ia dibentangkan dalam Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah;
- (iii) Permohonan tanah perlu melalui proses pendaftaran yang ketat yang mana pemohon mestilah tahu kedudukan tanah yang dipohon dan telah didudukinya secara sah; dan
- (iv) Permohonan tanah melalui pihak ketiga tidak diterima.

Jabatan Tanah Dan Ukur juga telah menubuhkan satu Pejabat Bergerak Khas pada tahun 2014 untuk memberikan perkhidmatan dan kesedaran isu-isu tanah khususnya tanah anak negeri kepada penduduk-penduduk dikawasan pendalaman. Pada masa yang sama, satu Jawatankuasa juga ditubuhkan untuk menyemak dan mengkaji cadangan pindaan Ordinan Tanah Sabah.

(ii) Hutan Simpan

Pengadu membuat aduan bahawa mereka telah diusir dari kampung yang telah mereka duduki sejak bergenerasi dengan bukti pendudukan seperti kawasan perkuburan lama, pokok buah-buahan, dan lain-lain tanaman komersil yang ditanam oleh penduduk kampung. Mereka turut mengadu bahawa mereka telah tinggal di kawasan hutan simpan tersebut sebelum kawasan itu diwartakan sebagai hutan simpan.

Syor

Sekiranya penduduk kampung telah menduduki sesebuah kawasan sebelum kawasan itu diwartakan sebagai hutan simpan, kawasan yang diduduki tersebut haruslah dikecualikan dari status hutan simpan dengan serta merta.

Dalam berhadapan dengan penduduk yang didapati menceroboh ke kawasan hutan simpan, Kerajaan Negeri seharusnya mengendalikan kes sedemikian dengan mengambil kira tempoh masa mereka telah menetap di kawasan tersebut. Penguatkuasa seharusnya mengambil tindakan yang pantas serta cekap dalam menangani penduduk kampung yang digelar sebagai 'setinggalan' di kawasan hutan simpan ini. Mereka tidak harus membiarkan kawasan tersebut lama dihuni dan kemudian baru mengusir ataupun menghalau para penghuni tersebut. Pihak berkuasa seharusnya sentiasa memantau situasi semasa dan memaklumkan kepada masyarakat kampung sekiranya mereka telah menceroboh kawasan hutan simpan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Enakmen Hutan 1968 telah menggariskan peruntukan bagi penubuhan Hutan Simpan, tegahan-tegahan yang menjadi kesalahan yang boleh dihukum jika dilakukan dalam Hutan Simpan serta tatacara pengendalian masalah pencerobohan Hutan Simpan pada Seksyen 5 sehingga ke Seksyen 22 Enakmen tersebut.

Kerajaan sentiasa memastikan tugas dan tanggungjawab statutori bagi menguatkuasakan Enakmen Hutan 1968 dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar isu hutan simpan yang diduduki orang asal tidak menjadi lebih serius.

(iii) Tanah Adat

Pengadu membuat aduan bahawa Kerajaan Negeri tidak menghormati hak tanah adat mereka. Aduan ini adalah hampir sama dengan aduan berkenaan tanah milik Kerajaan Negeri, cuma tanah adat melibatkan kumpulan masyarakat Orang Asal.

Syor

Pelbagai garis panduan dan mekanisme antarabangsa boleh dijadikan rujukan berguna bagi mengelakkan kehilangan hak kepada tanah adat. Antaranya adalah seperti UNDRIP, Pertubuhan Buruh Antarabangsa 169 (ILO), serta Program Penempatan Manusia PBB – Nota Garis Panduan Bagi Para Pengamal Berkenaan Konflik Dan Tanah. Garis panduan yang melibatkan hak asasi manusia dan perniagaan haruslah diambil kira bagi membolehkan pihak perniagaan swasta dan Kerajaan menjaga serta menjamin kelangsungan tanah adat.

(iv) Warta Kampung

Aduan telah diterima bahawa sesetengah tanah yang telah diduduki oleh penduduk kampung telah diberikan hak milik kepada pihak ketiga. Perkara ini berlaku memandangkan kebanyakan tanah yang diduduki oleh penduduk kampung di Sabah belum diwartakan.

Syor

Tindakan patut diambil bagi mempercepatkan proses pewartaan tanah yang telah diduduki oleh penduduk kampung sebagai warta kampung.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah sentiasa memastikan tanah-tanah adat anak negeri terus dilindungi dan diberimilik dengan segera kepada anak-anak negeri yang layak, melalui pelaksanaan inisiatif pengeluaran Geran Komunal dan pengukuran lot-lot tanah berdasarkan pendudukan mulai tahun 2012. Kedua-dua inisiatif ini adalah khas untuk memberikan hakmilik tanah secara cepat kepada anak-anak negeri. Peruntukan undang-undang sedia ada adalah memadai dan berkesan dalam pentadbiran dan pengurusan Hak Tanah Adat Anak Negeri di Sabah.

Dalam hal ini, sekiranya berlaku kes tanah diduduki secara sah oleh anak negeri dan telah diberikan hakmilik kepada orang lain, pihak anak negeri bolehlah merujuk perkara ini ke Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah untuk Penyiasatan Tanah.



BAB 4

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

BAB 4 — LAPORAN PEJABAT SARAWAK

MUKA SURAT

83	1. Penyelesaian Aduan
83	(b) Isu-isu Yang Timbul Di Dalam Aduan
84	4. Lawatan Kerja

1. PENYELESAIAN ADUAN

Pada tahun 2016, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak telah menerima 23 aduan, di mana lapan daripadanya tidak berkaitan dengan pelanggaran hak asasi manusia. Satu aduan telah berjaya diselesaikan manakala aduan lain masih tidak berjaya diselesaikan memandangkan belum ada lagi sebarang tindakan yang diambil oleh pihak yang berkaitan. Pecahan aduan adalah seperti yang terkandung di dalam Jadual 14 (*seperti di muka surat 143*).

(b) Isu-isu Yang Timbul Di Dalam Aduan

Masalah Tanah

Seperti tahun-tahun yang sebelumnya, masalah membabitkan tanah masih lagi menjadi isu yang utama di dalam aduan-aduan yang diterima oleh Pejabat Suruhanjaya di Sarawak.

(i) Hak Tanah Adat

Para pengadu, yang biasanya dari kalangan penduduk kampung di kawasan luar bandar, mendakwa bahawa permohonan mereka untuk tanah *Native Customary Right* (NCR) tidak dipertimbangkan, lambat diproses, diabaikan, atau telah ditolak. Dalam beberapa kes, pengadu hanya diberitahu oleh Jabatan Tanah dan Ukur bahawa rekod permohonan tanah mereka tidak wujud.

(ii) Kelewatan di dalam Proses Mengukur Tanah Adat Anak Negeri

Pengukuran tanah adalah merupakan perkara utama di dalam mendapatkan pengiktirafan tanah NCR. Seksyen 5(2)(i) yang dibaca bersama Seksyen 28 Kanun Tanah Sarawak memberikan gambaran yang jelas bahawa pengukuran tanah adalah prasyarat untuk membolehkan pelaksanaan aktiviti pindah milik tanah.

Syor

Dalam hal ini, Kerajaan digesa untuk mematuhi peruntukan undang-undang mengenai tanah NCR. Di samping itu, Kerajaan harus mempercepatkan proses pengukuran tanah, apatah lagi sekiranya ia dituntut sebagai tanah NCR.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Kerajaan Negeri Sarawak akan terus komited dalam mengiktiraf Tanah Hak Adat Bumiputra berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Tanah Negeri (*Land Code, Chapter 81 of the Laws of Sarawak*) dan undang-undang yang berkaitan.

Penyukatan dan pengeluaran surat hak milik tanah hak adat telah dan sedang dijalankan oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarawak melalui program Pengukuran Tanah Hak Adat Bumiputra Inisiatif Baharu. Di bawah program ini, tanah NCR yang disahkan kesahihannya akan disukat secara perimeter dan diwartakan di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Negeri sebagai Rizab Komunal (Pertanian) Bumiputra bagi komuniti atau penduduk yang ada mempunyai hak di atas tanah tersebut. Program ini telah mula dilaksanakan sejak Oktober 2010. Sehingga 30/4/2017, seluas 769,421 hektar (1,901,239 ekar) telah berjaya diukur

perimeternya yang melibatkan 480 kawasan. Dari jumlah itu, sebanyak 402 kawasan seluas 619,761 hektar (1,531,429.431 ekar) telah diwartakan sebagai Rizab Komunal (Pertanian) Bumiputera di seluruh Negeri Sarawak.

Program Pengukuran NCR Inisiatif Baharu ini dilaksanakan melalui dua (2) peringkat. Pada peringkat pertama, pengukuran secara perimeter dilaksanakan untuk mengasingkan tanah hak adat bumiputera yang sah daripada tanah kerajaan. Kawasan tanah hak adat bumiputera yang telah siap diukur perimeternya seterusnya diwartakan sebagai Rizab Komunal (Pertanian) Bumiputera di bawah Seksyen 6, Kanun Tanah Negeri. Manakala di peringkat kedua pula, kawasan yang telah diwartakan tersebut akan diukur secara lot individu untuk dikeluarkan surat hakmilik tanah individu di bawah Seksyen 18, Kanun Tanah Negeri.

Walaupun pada asalnya, peringkat kedua Program Pengukuran Inisiatif Baharu ini dirancang untuk dimulakan apabila pengukuran perimeter (di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Negeri) peringkat pertama selesai sepenuhnya, namun menyedari kepentingan isu pengiktirafan tanah adat, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak juga telah memulakan pengukuran lot individu di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri di beberapa kawasan. Statistik pelaksanaan program ini bermula dari tahun 2013 sehingga 30/4/2017 seperti berikut:

- 8,749 lot individu telah berjaya diukur yang melibatkan kawasan seluas 9,059.9 hektar (22,387 ekar);
- sebanyak 3,989 lot seluas 3,886 hektar (9,602.31 ekar) telahpun dikeluarkan dengan surat hakmilik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri.

Program pengukuran tanah NCR ini bermula semenjak tahun 60-an lagi dan telah melalui proses penambahbaikan yang berterusan. Sehingga tahun 2009, hanya seluas lebih kurang 260,000 hektar (642,460 ekar) tanah NCR berjaya diukur. Seterusnya pada tahun 2010, Kerajaan telah menukar pendekatan lama yang kurang berkesan kepada pendekatan baru melalui Program Pengukuran Inisiatif Baharu NCR.

Isu-isu Kewarganegaraan

Satu lagi perkara utama di dalam aduan-aduan yang diterima adalah masalah berkaitan kewarganegaraan, terutamanya kewarganegaraan kanak-kanak, termasuklah isu pendaftaran lewat dokumen pengenalan diri seperti sijil kelahiran atau kad pengenalan bagi penduduk di kawasan luar bandar, serta kanak-kanak yang ibunya adalah warga asing iaitu ibu tunggal, atau di mana perkahwinan antara wanita asing dan lelaki tempatan tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Aduan berkaitan kewarganegaraan telah dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

4. LAWATAN KERJA

Laporan ini tidak akan lengkap tanpa menyebut lawatan kerja oleh Suruhanjaya kepada Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan bin Haji Satem (kini Allahyarham) pada 24 November 2016. Suruhanjaya juga telah mengadakan lawatan kerja kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani pada 23 November 2016,

dan juga melaksanakan lawatan kerja kepada Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Bahagian Alumni Hal Ehwal Pelajar), Universiti Malaysia Sarawak pada 23 November 2016. Antara yang menyertai lawatan-lawatan kerja tersebut termasuklah Pengerusi Suruhanjaya, YBhg Tan Sri Razali Ismail; Setiausaha Suruhanjaya, Rodziah Abdul; Pesuruhjaya Pejabat Suruhanjaya di Sarawak, Francis John Adam; Penolong Kanan Setiausaha Pejabat Suruhanjaya di Sarawak, Sophian Osman; Penolong Setiausaha Pejabat Suruhanjaya di Sarawak, Alfonso Min; Pegawai Khas kepada Pengerusi, Asrul Mohamad; serta Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Suruhanjaya di Sarawak, Linya Subah. Antara perkara-perkara yang telah dibincangkan ialah:

- (i) Kerjasama pada masa hadapan antara Suruhanjaya dan pihak yang dikunjungi; dan
- (ii) Isu-isu hak asasi manusia yang berbangkit di Sarawak khususnya, dan Malaysia amnya.

Selain itu, Suruhanjaya juga telah melakukan lawatan kerja ke Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak pada 1 September 2016. Pejabat Suruhanjaya di Sarawak turut mengadakan lawatan kerja kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak pada 5 September 2016. Antara yang terlibat di dalam lawatan-lawatan kerja tersebut termasuklah Pesuruhjaya Francis John Adam, Sophian Osman, Alfonso Min, dan Linya Subah.

Semasa lawatan-lawatan tersebut, delegasi Suruhanjaya telah menjelaskan peranan dan fungsi Suruhanjaya, memberikan maklumat terkini tentang aktiviti-aktivitinya, dan mencari jalan untuk meningkatkan kerjasama di dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan bersama antara kedua-dua pihak. Isu-isu berikut telah diutarakan oleh delegasi Suruhanjaya:

- (i) Isu pendidikan, terutamanya yang berkaitan dengan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Antara isu-isu yang dibincangkan adalah seperti kemajuan pendidikan dan kebajikan umum kanak-kanak yang terjejas oleh masalah pembelajaran, kursus latihan guru khusus untuk OKU serta prestasi pelajar di sekolah;
- (ii) Isu kewarganegaraan, terutamanya yang berkaitan dengan taraf kewarganegaraan kanak-kanak; dan
- (iii) Pendaftaran lewat dokumen pengenalan diri (ID) seperti sijil kelahiran atau kad pengenalan terutamanya bagi penduduk di kawasan pedalaman, termasuklah kanak-kanak yang ibunya merupakan warganegara asing (iaitu ibu tunggal, atau di mana perkahwinan antara wanita warga asing dengan lelaki warganegara Malaysia tidak berdaftar dengan JPN). Tanpa dokumen pengenalan diri, kanak-kanak ini bakal berhadapan dengan situasi yang sukar seperti masalah dalam mendapatkan pendidikan serta penjagaan kesihatan. Situasi ini secara tidak langsung akan melanggar hak kanak-kanak seperti mana yang termaktub di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, yang telah pun disertai oleh Malaysia. Tanpa status kewarganegaraan yang pasti, meskipun kanak-kanak tersebut boleh mendapat akses kepada penjagaan kesihatan, mereka tetap akan dikenakan bayaran pada kadar yang sama dengan pesakit yang bukan warganegara Malaysia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Seperti mana digariskan di bawah perundangan yang berkuatkuasa di negara ini, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia adalah wajib didaftarkan sama ada seseorang itu warganegara Malaysia atau bukan warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, pendaftaran

kelahiran tidak menyebabkan kanak-kanak tersebut memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik.

Pemerolehan kewarganegaraan adalah bergantung kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu atau bapa semasa kanak-kanak itu dilahirkan selaras dengan Peruntukan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Bagi kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia yang bertaraf bukan warganegara Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa kanak-kanak berkenaan untuk menguruskan pendaftaran pengenalan diri serta dokumen perjalanan dengan kedutaan negara asal ibu kanak-kanak berkenaan.

Bagi menangani masalah penduduk peribumi yang lahir dan menetap di Negeri Sarawak tetapi tidak memiliki dokumen pengenalan diri, Kerajaan telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas (PPK). Ia merupakan inisiatif yang hanya dikhususkan untuk Negeri Sarawak sahaja dengan memberi kuasa kepada Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat untuk membuat pengesahan status identiti mereka melalui Akuan Berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960.

PPK telah dilaksanakan di Negeri Sarawak bagi tempoh 15 September 2015 hingga 31 Disember 2017, dengan menggunakan pendekatan turun padang melalui Unit Khas Bergerak (UKB). Sehingga April 2017, sebanyak 86 operasi telah dilaksanakan. Melalui operasi tersebut sebanyak 4,867 permohonan telah diterima, dan daripada permohonan tersebut 3,406 permohonan telah dilulus dan dikeluarkan dokumen pengenalan diri, manakala 1,461 permohonan ditolak.

Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Pendaftaran Kewarganegaraan Dalam Keadaan Khas bagi kanak-kanak berumur di bawah 21 tahun, dan ibu atau bapanya merupakan warganegara Malaysia.

Kerajaan juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Status Kewarganegaraan Di Bawah Perkara 15A Peringkat Negeri Sarawak, yang bertujuan untuk menyemak dan menapis permohonan sebelum dipanjangkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Tempoh pelaksanaan Jawatankuasa ini ialah dari bulan September 2016 hingga bulan September 2018.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas ini diadakan pada setiap bulan dan sehingga kini sebanyak enam (6) kali mesyuarat telah diadakan yang menyemak dan menapis 131 permohonan.

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah CAP 123) bagi Negeri Sabah dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak CAP 10) bagi Negeri Sarawak turut memperuntukkan bahawa setiap kelahiran di Malaysia hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar bagi pendaftaran di mana kanak-kanak itu dilahirkan. Pendaftaran lewat kelahiran merupakan pendaftaran yang dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) seluruh Malaysia bagi kelahiran yang telah melebihi tempoh 42 hari dari tarikh kelahiran dan Sijil Daftar Lewat Kelahiran akan dikeluarkan kepada kanak-kanak yang layak.

Bagi memastikan setiap penduduk yang dilahirkan di Malaysia dapat didaftarkan dengan mudah dan *accessible* melalui perkhidmatan JPN di seluruh Malaysia, program-program seperti yang berikut telah dilaksanakan:

- (i) Program Outreach, iaitu Program MyDaftar (program turun padang) bagi mendekati pemohon terutama bagi penduduk di kawasan pedalaman, warga emas atau yang berkeperluan seperti orang kelainan upaya dan sebagainya;
- (ii) Program Unit Khas Bergerak di Sabah dan Sarawak untuk kemudahan penduduk di kawasan pedalaman; dan
- (iii) Membuka kaunter-kaunter di Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) bagi memudahkan rakyat untuk berurusan dengan JPN. UTC beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam dan dibuka tujuh (7) hari seminggu.



BAB 5

LAPORAN KUMPULAN KHIDMAT KORPORAT

BAB 5 – LAPORAN KUMPULAN KHIDMAT KORPORAT

MUKA SURAT

93	2. Pembangunan Kapasiti Dan Kemahiran
94	6. Analisa Kewangan Suruhanjaya 2016
95	7. Harapan Masa Depan

2. PEMBANGUNAN KAPASITI DAN KEMAHIRAN

Unit Sumber Manusia (USM) meneruskan peranannya untuk menyediakan pelbagai latihan dan kursus sebagai usaha meningkatkan kapasiti dan kemahiran pegawai dan kakitangan Suruhanjaya dari segi teknikal juga hak asasi manusia. Latihan dan kursus berterusan sebegini bukan sahaja penting untuk memastikan Suruhanjaya dapat melaksanakan fungsi dan kuasanya dengan lebih efektif dan efisien tetapi juga berguna untuk meningkatkan pengetahuan, perkembangan kemahiran mengenai subjek-subjek hak asasi manusia, kerjaya, kebajikan pegawai dan kakitangan Suruhanjaya.

Selain latihan dalaman di atas, Suruhanjaya berusaha mendapatkan latihan dan kursus-kursus di dalam negara sama ada percuma atau dengan kos yang minima yang dianjurkan oleh Jabatan Kerajaan ataupun syarikat swasta. Pegawai Suruhanjaya juga berpeluang menyertai latihan dan kursus berkaitan hak asasi manusia di luar negara.

Kekangan kewangan Suruhanjaya pada tahun ini telah mendorong Suruhanjaya untuk mencari alternatif kreatif bagi memastikan kakitangannya mendapat latihan hak asasi manusia yang berterusan. Pada masa yang sama, keadaan ini memperlihatkan keperluan untuk menambah dan mempelbagaikan pendidikan, latihan, dan kursus hak asasi manusia di Malaysia yang juga perlu ditawarkan kepada masyarakat umum. Melalui Kumpulan Komunikasi, **Suruhanjaya memainkan peranannya untuk menyediakan latihan dan program promosi mengenai hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpendapat peranan ini juga harus dipanjangkan kepada institusi pendidikan sektor awam dan swasta di semua peringkat.** Khususnya, institut-institut pengajian tinggi, pusat-pusat latihan Kerajaan seperti Institut Tadbiran Awam Negara dan Pusat Latihan Polis dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan bagi memperkasakan hak asasi manusia di negara ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Latihan Pra-Perkhidmatan Perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang mengandungi elemen hak asasi manusia di dalam kurikulum yang disediakan. Pengetahuan berkaitan Hak Asasi Kanak-Kanak turut didedahkan kepada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang merangkumi pembelajaran dasar, trenda dan isu. Subjek Budaya dan Pembelajaran turut diwajibkan yang meliputi pendedahan isu berkaitan Kesamarataan Peluang Pendidikan, Program Pendidikan Untuk Semua di Malaysia serta Cabaran Kesamarataan Peluang Pendidikan di Malaysia. Perbincangan isu dan trenda turut diadakan yang melibatkan semua bidang pengkhususan di IPG melibatkan isu-isu semasa nasional, contohnya Jenayah Seksual Kanak-Kanak.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia menetapkan pelajar Institusi Pengajian Tinggi turut didedahkan dengan penawaran kursus-kursus umum yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran insaniah mereka sebelum menamatkan pengajian termasuk kursus-kursus yang berkaitan hak asasi manusia.

Kerajaan melalui PDRM juga telah menerapkan Modul Hak Asasi Manusia ke dalam Silibus Program Latihan Asas Kepolisian (PLAK) bagi pelatih Inspektor, Sarjan dan Konstabel Polis. Melalui program ini, para pelatih diberikan pendedahan betapa pentingnya para penguat kuasa undang-undang menghormati dan mematuhi prinsip Hak-Hak Kemanusiaan sejagat sebagaimana yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia dan dalam Perisytiharan Hak

Asasi Manusia Sejagat. Topik-topik yang ditekankan dalam silibus PLAK adalah mengenai Hak-Hak Asasi Manusia dalam UDHR, Konsep Hak Asasi Manusia Sejagat, ciri-cirinya serta sifat Hak Asasi Manusia Sejagat. Selain itu, mereka diterapkan agar pematuhan Hak Asasi Manusia Sejagat dijalankan selaras dengan semua peruntukan undang-undang seperti dalam Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah, Undang-Undang Tort, Hak Asasi Wanita dan Kanak-Kanak dan juga menepati garis panduan yang ditetapkan oleh PDRM.

Bagi pegawai/anggota yang telah berkhidmat, mereka diberikan pemahaman mengenai Hak Asasi Manusia Sejagat melalui kursus dalam perkhidmatan. Kandungan modul kursus adalah sama sebagaimana dalam PLAK. Selain itu, pegawai/anggota turut menghadiri seminar atau kursus yang dijalankan oleh Bahagian Latihan, Bukit Aman dan agensi luar seperti International Committee of the Red Cross (ICRC) ataupun penerangan oleh pihak SUHAKAM sendiri.

Kerajaan melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama Bahagian Pendidikan dan Latihan SUHAKAM juga telah bersetuju untuk menjadikan Hak Asasi Manusia dari aspek Perlembagaan Malaysia sebagai kandungan dalam kursus-kursus yang bersesuaian di INTAN seperti kursus Advanced Leadership and Management Programme (ALMP) dan Program Diploma Pengurusan Awam (DPA) INTAN. Kandungan akan disampaikan dalam bentuk syarahan dan E-Learning. SUHAKAM akan berkerjasama dengan INTAN untuk membangunkan kandungan kursus.

6. ANALISA KEWANGAN SURUHANJAYA 2016

6.1 ANALISA KEWANGAN SURUHANJAYA

Pendapatan Suruhanjaya terdiri daripada Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan pihak Kerajaan secara tahunan kepada Suruhanjaya, pendapatan berbentuk hibah dan faedah daripada simpanan tetap Suruhanjaya dan pendapatan lain termasuk dana projek yang diterima Suruhanjaya bagi maksud memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan berhubung hak asasi manusia. Di antara sumber pendapatan yang disenaraikan di atas, Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan secara tahunan oleh pihak Kerajaan kepada Suruhanjaya melalui Jabatan Perdana Menteri, merupakan sumber dana utama bagi menjalankan operasi di Suruhanjaya.

Seksyen 19(1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) memperuntukkan bahawa Kerajaan hendaklah menyediakan bagi Suruhanjaya, dana yang mencukupi secara tahunan bagi membolehkan Suruhanjaya menjalankan fungsinya di bawah Akta ini. Bagi tahun 2016, Suruhanjaya telah menerima Peruntukan Geran Mengurus dari Kerajaan berjumlah RM5,953,930 berbanding perbelanjaan mengurus pada tahun sama iaitu RM10,034,682.

Sekiranya melihat trend penyaluran Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan kepada Suruhanjaya oleh Pihak Kerajaan, didapati jumlah Geran yang diterima Suruhanjaya berkurangan dari tahun ke setahun. Sebaliknya, keperluan perbelanjaan Suruhanjaya meningkat dari tahun ke setahun, sejajar dengan tuntutan masyarakat awam terhadap SUHAKAM untuk menangani lebih banyak isu-isu hak asasi manusia di Malaysia.

Perbelanjaan Suruhanjaya terdiri daripada perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan dan perbelanjaan aset. Perbelanjaan emolumen merangkumi pembayaran gaji dan upahan, elaun tetap, sumbangan berkanun untuk kakitangan, elaun lebih masa dan faedah kewangan lain bagi 80 perjawatan yang diisi bagi tahun 2016. Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan terdiri dari perbelanjaan perjalanan sara hidup, perhubungan dan utiliti, sewaan, bekalan, penyelenggaraan dan pembaikan, perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti. Kos-kos ini perbelanjaan-perbelanjaan untuk menjalankan pelbagai program hak asasi manusia seperti kajian dan siasatan lapangan, program meningkatkan kesedaran, lawatan ke tempat-tempat tahanan dan lain-lain lagi. Perbelanjaan aset Suruhanjaya bagi tahun ini adalah pembelian komputer, peralatan dan mesin faks.

Susulan pengurangan Peruntukan Geran Mengurus yang diterima dari tahun ke setahun, Suruhanjaya telah mempergiatkan lagi usaha perbelanjaan berhemat bagi memastikan keadaan kewangan tersebut tidak membawa Suruhanjaya kepada keadaan keberhutangan. Salah satu langkah yang telah diambil termasuklah menerimapakai Pekeliling Perbendaharaan (P.P) 3.3 mengenai Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan bagi menggalakkan penjimatan dalam, antara lain, perbelanjaan-perbelanjaan utiliti, kerja lebih masa, perjalanan domestik dan antarabangsa untuk menghadiri mesyuarat dan latihan, sewaan dan lain-lain. Bagi menampung perbelanjaan yang termasuk susutnilai aset Suruhanjaya pada tahun ini berjumlah RM10,034.682, Suruhanjaya telah menggunakan lebihan terkumpul peruntukan geran susulan langkah penjimatan Suruhanjaya dari tahun-tahun sebelumnya bagi menampung perbezaan jumlah geran dan jumlah perbelanjaan bagi tahun 2016.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pengurangan bajet mengurus kepada SUHAKAM dibuat setelah mengambilkira kedudukan kewangan Kerajaan semasa dimana ia turut melibatkan pemotongan peruntukan mengurus 2016 semua agensi Kerajaan.

Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1, melaksanakan langkah-langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemat serta penyusunan semula keutamaan perbelanjaan SUHAKAM bagi memastikan peruntukan mengurus yang disediakan pada 2016 dioptimumkan.

7. HARAPAN MASA DEPAN

Cabaran utama yang dihadapi oleh Suruhanjaya dalam melaksanakan mandat pada tahun ini adalah kekangan kewangan. Sebaliknya, Suruhanjaya sedar bahawa pengurangan geran Kerajaan yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya adalah disebabkan oleh harga minyak global yang tidak stabil yang telah memberi kesan kepada pendapatan Kerajaan. Secara umumnya, Suruhanjaya telah mengambil pelbagai langkah untuk meringankan situasi ini termasuk dengan mengguna pakai dan melaksanakan Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 yang berkaitan dengan garis panduan mengenai langkah-langkah untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan yang mewajibkan agensi-agensi mengurangkan perbelanjaan utiliti, perjalanan, khidmat luaran, kerja lebih masa dan lain-lain. Di samping itu, Suruhanjaya menyemak semula Pelan Kerja 2016 dan telah mengurangkan hampir 70% bilangan aktiviti hak asasi manusia. Untuk Kumpulan Khidmat Korporat, pengurangan ini termasuk menanggukkan beberapa perolehan termasuk pembelian sistem dan peralatan yang boleh mengukuhkan lagi operasi Suruhanjaya.

ULASAN TAMBAHAN SUHAKAM:

SUHAKAM yang merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan telahpun mengambil maklum dan bersama-sama melaksanakan hasrat kerajaan bagi mengoptimumkan perbelanjaan dengan melaksanakan program dan aktiviti dengan perbelanjaan yang cermat dan berhemah yang mana hasilnya telahpun ditunjukkan dengan adanya rekod Kumpulan Rizab Wang yang baik dan ianya telahpun mula digunakan pada tahun 2015 dan seterusnya bakinya pula pada tahun 2016.

Bagi tahun 2016 itu sendiri, berlaku kekurangan untuk tahun kedua berturut-turut bukanlah bermakna SUHAKAM gagal untuk mengawal perbelanjaannya sebaliknya adalah kerana peningkatan pelbagai kos semasa serta komitmen perbelanjaan berkaitan selain berlakunya pengurangan drastik penerimaan geran tahunan perbelanjaan mengurus sehingga 49%.

Oleh yang demikian, sekiranya peruntukan geran operasi mengurus tahunan yang diterima sangat terhad walaupun dibantu dengan penggunaan Kumpulan Wang Rizab sedia ada itu berterusan ianya bukan hanya akan mengakibatkan perjalanan pelbagai program dan aktiviti berpandukan pelan kerja tahunan terganggu dan terbatas malahan pengoperasian SUHAKAM sendiri akan tergendala. Apatah lagi SUHAKAM yang merupakan Institusi Hak Asasi Nasional juga turut sama terlibat dan mengambil bahagian di peringkat antarabangsa.

SUHAKAM telah melaksanakan langkah agihan peruntukan program dan aktiviti berdasarkan lebih perbelanjaan operasi mengurus pada setiap sukuan tahun bagi memastikan tanggungjawab dan mandat dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan beberapa program dan aktiviti yang dijadualkan lebih awal terpaksa dianjakkan ke sukuan tahun berikutnya sehingga lebih peruntukan operasi mengurus tersebut mencukupi bagi menggerakkan program terbabit.

Oleh yang demikian, SUHAKAM ingin mengesyorkan pada masa hadapan bahawa peruntukan geran mengurus yang bersesuaian dan mencukupi dengan turut mengambil kira perbelanjaan tetap, komitmen, perjalanan program dan aktiviti serta perbelanjaan-perbelanjaan lain yang perlu dibuat.

Selain itu, adalah turut disyorkan agar satu nilai geran yang ditetapkan bagi tempoh masa tertentu diberikan kepada SUHAKAM.

Sebagai contoh, geran mengurus tahunan ditetapkan kepada SUHAKAM sebanyak RM14 juta/tahun bagi tempoh masa selama 3 tahun sebelum semakan seterusnya dibuat.

Ianya bagi menjamin kelancaran operasi serta tidak mengganggu perancangan strategik sama ada jangka pendek dan jangka panjang yang telahpun dibuat serta *outcome* yang harus dicapai dalam tempoh masa tertentu.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Kementerian Kewangan sentiasa memastikan peruntukan yang disediakan kepada semua agensi Kerajaan termasuk SUHAKAM telah mengambilkira kedudukan kewangan dan fiskal Kerajaan di samping bermatlamatkan pengurangan kadar defisit setiap tahun. Cadangan keperluan peruntukan tahunan adalah lebih sesuai dipertimbangkan melalui penyediaan bajet tahunan supaya keperluannya dapat disemak dengan terperinci dan jumlah peruntukan dapat diselaras dengan kedudukan kewangan negara pada tahun berkenaan.



SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

AICHR	<i>ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights</i>
AGC	Jabatan Peguam Negara <i>Attorney General's Chamber</i>
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
ATD	Alternatif Kepada Penahanan <i>Alternatives to Detention</i>
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
BITU	Bahagian Integriti dan Tadbir Urus
CAT	<i>Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment</i>
CEDAW	<i>Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women</i>
CRC	<i>Convention on the Rights of the Child</i>
CRPD	<i>Convention on the Rights of Persons with Disabilities</i>
CSO	<i>Civil Society Organisation</i>
DTS	Depot Tahanan Sementara
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
FPIC	<i>Free, Prior and Informed Consent</i>
HRC	<i>Human Rights Council</i>
ICCPR	<i>International Covenant on Civil and Political Rights</i>
ICESCR	<i>International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights</i>
INSTUN	Institut Tanah dan Ukur Negara
IPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat

JKR	Jabatan Kerja Raya
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JPNK	Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
KKLW	Kementerian Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah
KLN	Kementerian Luar Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LP	Lembaga Penasihat
LPJ	Lembaga Pencegahan Jenayah
MOTAC	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
NCR	<i>Native Customary Right</i>
NGO	Badan Bukan Kerajaan <i>Non-Governmental Organisation</i>
NHRAP	Pelan Tindakan Kebangsaan Hak Asasi Manusia
NHRI	<i>National Human Rights Institutions</i>
OKT	Orang Kena Tahan
PAA	Akta Perhimpunan Aman 2012 <i>Peaceful Assembly Act 2012</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
POCA	Akta Pencegahan Jenayah 1959 <i>Prevention of Crime Act 1959</i>
PMB	Perbincangan Meja Bulat

POTA	Akta Pencegahan Keganasan 2015 <i>Prevention of Terrorism Act 2015</i>
RUU	Rang Undang-Undang
SIAP	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
SOSMA	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 <i>Security Offences (Special Measures) Act 2012</i>
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
TOR	Terma Rujukan <i>Terms of Reference</i>
UASC	<i>Unaccompanied Asylum-Seeking Children</i>
UDHR	<i>Universal Declaration of Human Rights</i>
UNDRIP	<i>United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples</i>
UNHCR	<i>United Nations High Commissioner for Refugees</i>
UPR	<i>Universal Periodic Review</i>
YBGK	Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan



LAMPIRAN

TANGKAPAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN 2016

STATISTIK TANGKAPAN POCA BAGI TAHUN 2016			
	JUMLAH TANGKAPAN	JUMLAH PENAHANAN	JUMLAH PENGAWASAN
JUMLAH	1288	354	685

STATISTIK TANGKAPAN SOSMA BAGI TAHUN 2016			
	JUMLAH TANGKAPAN	JUMLAH PENAHANAN	JUMLAH PENGAWASAN
JUMLAH	236	187	94

STATISTIK TANGKAPAN LLPK BAGI TAHUN 2016			
	JUMLAH TANGKAPAN	JUMLAH PENAHANAN	JUMLAH PENGAWASAN
JUMLAH	1015	922	278

STATISTIK TANGKAPAN POTA BAGI TAHUN 2016			
	JUMLAH TANGKAPAN	JUMLAH PENAHANAN	JUMLAH PENGAWASAN
JUMLAH	19	18	1

SENARAI BAKI 'BOAT PEOPLE' DI DEPOT BELANTIK

BIL.	NAMA (LELAKI)	CATATAN	UMUR	WARGANEGARA
1.	MOHAMAD MUSA		23	MYANMAR
2.	HALALUDIN		24	MYANMAR
3.	SOLIM	TIBI	21	MYANMAR
4.	KORIMULLAH	KUSTA	13	MYANMAR
5.	ABDUL SHUKUR		14	BANGLADESH
6.	USMAN		21	BANGLADESH
7.	SHOHIDUR ISLAM		24	BANGLADESH
8.	HUSON AHMOD		30	MYANMAR
9.	MAT ALAM		9	MYANMAR
10.	AYUB KHAN		22	BANGLADESH
11.	SHAH RUKH KHAN		19	BANGLADESH
12.	ALI HUSSIN		21	MYANMAR

STATUS SEMASA PELARIAN "BOAT PEOPLE"

PERKARA	WARGA NEGARA		JUMLAH
	Myanmar	Bangladesh	
Mendarat	394	715	1109
Dipindah ke negara ketiga (USA)	36	-	36
Bebas UNHCR	320	16	336
Meninggal Dunia	1	1	2
Usir Pulang	30	693	723
Masih ditahan	7	5	12

**STATISTIK TAHANAN MATI DALAM LOKAP DAN JAGAAN POLIS
MENGIKUT PECAHAN KAUM BAGI TAHUN 2016**

BIL.	KONTINJEN / FORMASI	PEREMPUAN	LELAKI	JUMLAH	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGANEGARA ASING	JUMLAH
1.	PERLIS	0	1	1	1	0	0	0	0	1
2.	KEDAH	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3.	PULAU PINANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0
4.	PERAK	0	2	2	1	1	0	0	0	2
5.	SELANGOR	0	3	3	3	0	2	0	1	3
6.	KUALA LUMPUR	0	3	3	0	1	1	0	1	3
7.	N/SEMBILAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0
8.	MELAKA	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9.	JOHOR	0	0	3	0	0	1	0	0	3
10.	PAHANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0
11.	TERENGGANU	0	0	0	0	0	0	0	0	0
12.	KELANTAN	0	3	3	2	0	0	0	1	3
13.	SABAH	0	0	0	0	0	0	0	0	0
14.	SARAWAK	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH	0	15	15	6	2	4	0	3	15

**STATISTIK TAHANAN MATI DALAM LOKAP DAN JAGAAN POLIS
MENGIKUT PUNCA KEMATIAN BAGI TAHUN 2016**

BIL.	PUNCA KEMATIAN/ KONTINJEN	HIV	SAKIT ASMA	SAKIT JANTUNG	LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS, HATI, KUNING, ULSER, PARU-PARU, KERONGKONG)	PENDARAHAN OTAK	GANTUNG DIRI	GADUH SESAMA OKT	DICEDERAKAN POLIS	JUMLAH
1.	PERLIS	0	0	0	1	0	0	0	0	1
2.	KEDAH	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3.	PULAU PINANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0
4.	PERAK	0	0	1	0	0	1	0	0	2
5.	SELANGOR	0	0	0	3	0	2	0	0	3
6.	KUALA LUMPUR	0	0	0	3	0	1	0	0	3
7.	N/SEMBILAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0
8.	MELAKA	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9.	JOHOR	0	0	0	3	0	1	0	0	3
10.	PAHANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0
11.	TERENGGANU	0	0	0	0	0	0	0	0	0
12.	KELANTAN	0	0	1	1	1	0	0	0	3
13.	SABAH	0	0	0	0	0	0	0	0	0
14.	SARAWAK	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH	0	0	2	11	1	1	0	0	15



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366894 Faks: 03-92224773

DISELARASKAN OLEH:

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62692 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8885 1000 Faks: 03-8885 1048 / 03-8885 1051

Web: www.bheuu.gov.my

ISSN 2289-6562



9 772289 656001